

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Islam pertama sekali masuk ke Indonesia adalah melalui Aceh pada abad pertama hijriah di Peureulak.<sup>1</sup> Secara geografis letak kerajaan Peureulak adalah di pantai utara pulau Sumatera yang sangat dekat dengan arus lalu lintas perdagangan bahkan sangat sesuai untuk lalu lintas kapal. Melalui institusi pendidikan yang ada di Aceh pada masa itu, Islam kemudian tersebar sampai ke seluruh Indonesia dan Asia Tenggara. Di antara pusat pengajian yang ada pada waktu itu ialah Pondok Zawiyah Cot Kala yang mana ia merupakan pondok yang pertama<sup>2</sup> didirikan di Aceh pada tahun 285 H (898 M).

Menurut Ali Hasymy, Pondok Cot Kala merupakan pondok pertama di Aceh yang didirikan oleh Teungku Chik Muhammad Amin yang terkenal dengan nama Tgk. Cot Kala yang kemudian menjadi raja Peureulak dengan gelaran Sultan Makhdum Alaidin Malik Muhammad Amin Syah Johan. Melihat dari tahun hidupnya Sultan tersebut, memang pondok ini merupakan pondok yang terawal dalam sejarah pendidikan pondok di Aceh, bahkan di Indonesia dan Asia Tenggara.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup>Abdullah Ujung Rimba, "Daerah manakah yang mula-mula menerima Agama Islam di Indonesia?", dan Team Sejarah Aceh Timur (1980), "Masuk Islam di Peureulak Aceh Timur dan Perkembangannya", (kertas kerja, Seminar Sejarah Masuk dan Berkembang Islam di Aceh dan Nusantara 1980: Aceh Timur), No 28.

<sup>2</sup>Syahbuddin Razi, "Pondok Cot Kala Pusat Pengembangan Pusat Pendidikan Islam di Asia Tenggara", (kertas kerja, Seminar Sejarah Masuk dan Berkembang Islam di Aceh dan Nusantara 1980: Aceh Timur), No 28.

<sup>3</sup>*Ibid.*

Kini Zawiyah Cot Kala yang pernah terkenal itu telah dibangun menjadi salah satu lembaga pendidikan tinggi (PT) yang berada di Kabupaten Aceh Timur, Bandar Langsa dan Aceh Tamiang. Hasil seminar “Masuknya Islam ke Nusantara” di Rantau Pertamina pada tahun 1980, maka ditubuhkan Perguruan Tinggi Agama Islam yang dikenali dengan Sekolah Tinggi Agama Islam Zawiyah Cot Kala Langsa. Setelah 26 tahun, melalui Keputusan Presiden No. 106 Tahun 2006 STAI Cot Kala menjadi sekolah yang berada di bawah kerajaan. Dengan demikian Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala menjadi salah satu pilihan utama masyarakat Aceh untuk melanjutkan pendidikan tinggi Islam setelah IAIN<sup>4</sup> Ar-Raniry di Banda Aceh dan STAIN Malikussaleh di Aceh Utara.<sup>5</sup>

Bandar Langsa merupakan sebahagian daripada wilayah Kabupaten Aceh Timur. Berada lebih kurang 400 km dari bandar Banda Aceh. Bandar Langsa sebelumnya berstatus Bandar Administratif sesuai dengan Peraturan Pemerintah Nombor 64 Tahun 1991 tentang Pembentukan Bandar Administratif Langsa. Langsa kemudian ditetapkan statusnya menjadi bandar dengan Undang-Undang Nombor 3 Tahun 2001, tanggal 21 Jun 2001.<sup>6</sup> Seiring masa berlalu, STAIN Zawiyah Cot Kala yang berada pada tiga daerah itu kini telah disatukan pada satu daerah iaitu Langsa. Itu bagi memudahkan pembelajaran dan pengajaran serta pengurusan pentadbiran para pelajar.

---

<sup>4</sup>Kini telah berubah status menjadi UIN ar-Raniry iaitu pada tarikh 1 Oktober 2013 berdasarkan keputusan Peraturan Presiden (Perpres) RI Nombor 64 Tahun 2013.

<sup>5</sup>T. Zulkhairi,” dicapai 3 September 2012, <http://www.aceh.info/component/content/article/40-opini/788-pondok-cot-kala-institusi-pendidikan-pertama-di-nusantara.html>.

<sup>6</sup>Laman sesawang Wikipedia Ensiklopedia Bebas, dicapai 4 Jun 2012, [http://id.wikipedia.org/wiki/Bandar\\_Langsa](http://id.wikipedia.org/wiki/Bandar_Langsa).

Hampir keseluruhan pelajar di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa itu adalah pelajar tempatan (Bandar Langsa, Kabupaten Aceh Timur dan Aceh Tamiang). Disebabkan oleh awal masa penubuhan STAIN ini, tiga daerah tersebut masih tergolong dalam satu himpunan wilayah (iaitu Aceh Timur) dan tidak dapat dinafikan bahawa majoriti para pelajar memang berasal daripada tiga daerah tersebut, sehingga yang pengkaji maksudkan penyebutan “tempatan” di sini ialah kumpulan daripada tiga daerah tersebut iaitu Bandar Langsa, Kabupaten Aceh Timur dan Kabupaten Aceh Tamiang.

Usul Fiqh adalah komponen penting dalam ajaran Islam dan dititikberatkan dalam pengajian Islam, kerana ilmu Usul Fiqh membantu para mujtahid menyelesaikan segala permasalahan hukum. Justeru, di sini pengkaji ingin mengkaji sejauh manakah pengajian Usul Fiqh yang telah terlaksana di Aceh dan sejauh manakah metodologi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan kehendak semasa.

Dalam bab pendahuluan ini, pengkaji akan mendedahkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, pengertian tajuk, skop kajian, kajian-kajian terdahulu, metodologi penyelidikan dan juga sistematika penulisan yang dijalankan.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kajian ini membahas mengenai pengajian Usul Fiqh di Aceh dan pengkaji memilih STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa sebagai tumpuan penelitian, memandangkan ia adalah institut pengajian tinggi yang mengambil nama daripada institut pengajian tinggi pertama yang pernah terkenal di Asia Tenggara ini.

Harapan kajian adalah untuk mengenalpasti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Usul Fiqh yang terdapat di sekolah ini dan mencadangkan idea terbaharu supaya STAIN Zawiyah Cot Kala terus dapat berkembang dan menjadi institut pengajian tinggi yang dapat menghasilkan graduan yang produktif, sehingga ia dapat mengikuti jejak Pondok Zawiyah Cot Kala terdahulu. STAIN Zawiyah Cot Kala didirikan pada tahun 1980 dengan menawarkan tiga buah fakulti, iaitu Fakulti Syariah, Fakulti Tarbiyah dan Fakulti Dakwah. Oleh sebab itu, STAIN Zawiyah Cot Kala termasuk di antara sekolah Islam yang menawarkan kursus-kursus dasar yang berkaitan dengan pengajian Islam, termasuklah subjek Usul Fiqh.

Institut pengajian tinggi ini merupakan salah satu tempat menuntut ilmu agama yang menjadi pilihan utama masyarakat tempatan khususnya, dan masyarakat luar Aceh Timur umumnya setelah menamatkan pengajian pada peringkat sekolah menengah. Oleh itu, sebahagian masyarakat tempatan khususnya pelajar lulusan sekolah menengah akan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan memilih salah satu institut perguruan tinggi yang sedia ada.

Namun, pemilihan institut pengajian tinggi bergantung kepada beberapa faktor, antaranya latar belakang kewangan pelajar atau keupayaan untuk lulus dalam ujian kemasukan ke institusi yang menjadi pilihan mereka untuk melanjutkan pengajian. Kegagalan dalam ujian kemasukan ke institusi pilihan, antara sebab sebahagian pelajar memilih STAIN sebagai tempat pengajian walaupun berbeza bidang sewaktu di sekolah menengah.

Antara sebab lain juga, wujud keinginan di antara mereka (pelajar lulusan sekolah menengah) sendiri untuk mempelajari agama di peringkat institusi pengajian

tinggi dan juga ibu bapa yang menginginkan anaknya melanjutkan pengajian agama ke peringkat yang lebih tinggi sehingga bila tiba masanya mereka akan memilih STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa yang merupakan Perguruan Tinggi yang menawarkan Pengajian Islam.

Kesimpulannya, kebanyakan pelajar yang memilih STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa sebagai institusi pengajian tinggi, bukan berasal daripada latar belakang pengajian Islam sewaktu di sekolah menengah, bahkan majoritinya bukan berkelulusan bidang Agama (contohnya bidang sains dan sebagainya). Natijahnya, ramai di antara mereka yang sukar memahami pelajaran-pelajaran di bawah pengajian Islam termasuk subjek Usul Fiqh. Justeru, pengkaji ingin melihat sejauh manakah pengajian Usul Fiqh yang telah terlaksana di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala Langsa? melihat pentingnya ilmu tersebut dalam pengajian Islam dan pengaplikasian ilmu tersebut bagi menyelesaikan permasalahan hukum yang semakin berkembang, namun para pelajar tidak mempunyai asas dalam memahami bidang tersebut, maka adakah mereka dapat mempelajari ilmu tersebut dengan tidak menemukan sebarang masalah?

Memandangkan tajuk ini berkaitan dengan pengajian Usul Fiqh di Aceh, di sini pengkaji ingin menekankan pengajian Usul Fiqh yang terlaksana di Aceh dan menfokuskan kepada - STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa. Terdapat beberapa subjek di sekolah ini, namun di sini pengkaji berhasrat untuk menumpukan kajian pada bidang pengajian Usul Fiqh yang ditawarkan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa pada semua jurusan yang merangkumi kurikulum Usul Fiqh, metode pengajaran yang diguna pakai di sekolah tersebut dan sebagainya. Pengkaji berharap penulisan ini akan dapat

memberikan gambaran yang jelas berkenaan pengajian Usul Fiqh yang diajarkan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Melihat kembali sejarah yang menyatakan bahawa Zawiyah Cot Kala yang dahulunya telah lenyap selepas percantuman kerajaan Islam Peureulak dengan kerajaan Islam Pasai pada tahun 690H (1291M), yang kemudian pada tahun 1980M didirikan pula sebuah Perguruan Tinggi yang mempunyai nama STAIN Zawiyah Cot Kala, pengkaji ingin menelusuri hubungkait proses penubuhan STAIN Zawiyah Cot Kala yang sekarang dengan Pondok Cot Kala terdahulu. STAIN Zawiyah Cot Kala merupakan institusi pengajian tinggi yang menawarkan pelbagai subjek agama termasuklah subjek Usul Fiqh.

Namun, kebanyakan pelajar yang mengikuti pengajian di STAIN tidak mempunyai latar belakang yang menjurus kepada pengajian agama, bahkan kebanyakannya merupakan lepasan dari sekolah bukan aliran agama. Oleh itu, mereka tidak memiliki kemahiran asas berkaitan subjek Usul Fiqh yang banyak mengandungi istilah yang sukar difahami. Pengkaji ingin mengkaji lebih dalam lagi mengenai sistem pembelajaran terutama berkenaan dengan subjek Usul Fiqh di STAIN tersebut.

Beberapa permasalahan kajian yang ditimbulkan dalam kajian ini adalah:

1. Bagaimanakah pelaksanaan pengajian Usul Fiqh sedia ada telah terlaksana di Aceh?
2. Sejauh manakah pelaksanaan pengajian Usul Fiqh di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala Langsa?
3. Adakah metode pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan pelajar dan mengikuti kehendak semasa? Memandangkan kebanyakan pelajar adalah daripada latar belakang bukan lulusan dari sekolah agama.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Menghurai pelaksanaan pengajian Usul Fiqh yang terlaksana di Aceh.
2. Mendedahkan sejarah penubuhan dan perkembangan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa serta pelaksanaan pengajian Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.
3. Menganalisis kaedah pengajaran dan pembelajaran Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini berasaskan kepada beberapa kepentingan, di antaranya:

1. Dapat meningkatkan dan memajukan tahap pengajaran dan pembelajaran Usul Fiqh di negeri Aceh amnya dan secara khususnya di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.
2. Menjadi bahan rujukan yang berfaedah mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Usul Fiqh yang telah dijalankan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.
3. Memberi peluang kepada pihak Departemen Agama (DEPAG) juga STAIN-STAIN setempat khususnya bagi meneruskan kajian susulan, sekiranya pelaksanaan

pengajian Usul Fiqh yang diamalkan sekarang tidak lagi bersesuaian dengan tuntutan semasa.

## 1.6 Pengertian Tajuk

Pemahaman tajuk adalah amat penting dalam membahaskan sesuatu kajian ilmiah. Hal tersebut kerana dapat mengelakkan kekeliruan dan kecelaruan pembaca dalam menterjemahkan skop kajian yang ingin dibahaskan oleh pengkaji. Kajian ini ialah “Pembelajaran Usul Fiqh di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala Langsa Aceh, Indonesia”.

- a. Pembelajaran: proses (kegiatan) belajar.<sup>7</sup>
- b. Usul Fiqh adalah ilmu pengetahuan tentang hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukalaf yang difahami melalui dalil-dalil terperinci.
- c. STAIN adalah singkatan bagi Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri. Zawiyah Cot Kala adalah nama yang dinisbahkan kepada kampus tersebut yang merupakan nama pondok pertama di Aceh yang didirikan oleh Teungku Chik Muhammad Amin yang terkenal dengan nama Tgk. Cot Kala yang kemudian menjadi raja Peureulak dengan gelaran Sultan Makhdum Alaidin Malik Muhammad Amin Syah Johan.
- d. Langsa merupakan salah satu bandar yang berada di negeri Aceh bahagian Timur.
- e. Aceh merupakan salah satu negeri yang berada di bawah Negara Indonesia, yang terletak di penghujung pulau Sumatera.

---

<sup>7</sup>Noresah Baharom et. al, *Kamus Dewan* , ed. ke-4 (cet. ke-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 21.



## 1.7 Skop Kajian

Dalam penulisan ini, skop dan limitasi dihadkan kepada pengajian Usul Fiqh di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala Langsa untuk peringkat Ijazah Dasar (Bachelor) sahaja iaitu subjek Usul Fiqh yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti di STAIN Zawiyah Cot Kala, seperti Fakulti Syariah, Fakulti Tarbiah dan Fakulti Dakwah.

## 1.8 Kajian Lepas

Kajian lepas dimaksudkan bagi mengetahui adakah kajian ini telah ada sebelumnya ataupun pernah dilakukan oleh orang lain pada waktu terdahulu, supaya tidak terjadi pengulangan tulisan dalam bentuk yang sama. Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap penulisan dan kajian terdahulu, pengkaji belum menemui sebarang kajian yang dilakukan berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji iaitu “Pembelajaran Usul Fiqh di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala Langsa Aceh, Indonesia”. Pengkaji telah melawati beberapa kampus yang ada di Indonesia, khususnya daerah Sumatera dan pengkaji tidak mendapatkan perbincangan yang sama, dan menurut pengamatan pengkaji, kajian seperti ini lebih banyak terdapat di Malaysia khususnya di Universiti Malaya (UM).

Di sini, pengkaji telah menemui beberapa buah tulisan yang berkaitan dengan Cot Kala. Tulisan yang ditulis oleh Wan Yahya Wan Ahmad yang bertajuk “*Cot Kala*”.<sup>8</sup> Pengkaji mendapati bahawa kajian ini tidak sepenuhnya bertepatan dengan tajuk pengkaji, yang mana kajian tersebut hanya membahaskan kemunculan institusi pendidikan Islam di Asia Tenggara yang berlaku serentak dengan penyebaran Islam di

---

<sup>8</sup>Wan Yahya Wan Ahmad, “Cot Kala”, (Jurnal Syariah, 1996), 4:168-179.

daerah ini. Kerajaan Islam Peureulak adalah yang terawal mengasaskan “*Zawiyah Bukit Cek Brek*” pada tahun 250H, kemudian diikuti dengan “*Zawiyah Cot Kala*” pada tahun 258 H, yang dianggap sebagai universiti yang terkemuka di daerah ini.

Penulis juga menekankan isu utama ertikel ini, antaranya adalah peranan penting yang dimainkan oleh institusi ini, yang dikatakan menjadi faktor penting kewujudan sebuah kerajaan Islam yang bertanggungjawab menyebarkan Islam di kepulauan Melayu. Melihat kepada misi *Zawiyah Cot Kala* pada masa itu “Meng-Islamkan seluruh Aceh dan menghancurkan pengaruh agama Budha dari wilayah-wilayah persekitarannya”. Hasil kajian daripada catatan sejarah terdahulu mendapati bahawa para pemimpin negara pada masa itu termasuklah barisan sultan sendiri adalah terdiri daripada kalangan orang yang mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap ilmu agama Islam. Maka tidak hairanlah kalau pemimpin negara sendiri memainkan peranan utama dalam membangunkan umat dan negaranya berteraskan Islam.

Syahbuddin Razi<sup>9</sup> pula menulis tentang sejarah *Zawiyah Cot Kala* dan menyatakan ketakjubannya terhadap salasilah tokoh-tokoh pemimpin Islam di seluruh kepulauan Indonesia yang mana sebahagian besarnya terdiri dari sebuah keluarga, yang mempunyai tali persaudaraan antara satu sama lain hasil dari perkahwinan. Penulis mempertikaikan persoalan tentang penamaan *Zawiyah Cot Kala*, kenapa tidak digunakan istilah *Bait al- Ḥikmah* seperti yang didirikan oleh Khalīfah Hārūn al-Rashīd (170 H-193H)? Ini kerana, selain mengajarkan ilmu agama, pondok *Zawiyah* juga mendidik, melatih, menggembeleng dan memberi motivasi kepada mahasiswa agar benar-benar menjadi Muslim yang berilmu, gigih dalam mengamalkan ilmunya serta

---

<sup>9</sup>Syahbuddin Razi, “*Pondok Cot Kala*”, (kertas kerja seminar).

berdikari. Berbeza dengan Bait al-Ḥikmah yang hanya mengajarkan ilmu dan bergantung kepada raja.

Beliau juga menyatakan tidak memperoleh data tentang ilmu-ilmu yang diajarkan, dan jurusan-jurusan yang ditawarkan di perguruan tinggi Islam Pondok Cot Kala tersebut. Namun, setelah mengkaji dan membandingkan dengan Bait al-Ḥikmah, Baghdad yang sezaman dengan Pondok Cot Kala dan Baiturrahman yang didirikan oleh Sultan Iskandar Muda di Masjid Raya Baiturrahman, Banda Aceh, ternyata terdapat beberapa persamaan antara kedua-duanya dalam pelaksanaan yang diterapkan.<sup>10</sup>

Muhaini,<sup>11</sup> kajian ini dilakukan bagi meninjau sikap perilaku dan pencapaian pembelajaran di antara pelajar yang bersekolah agama dengan pelajar yang bukan berkelulusan sekolah agama. Daripada hasil kajian, penulis menyimpulkan bahawa hasil belajar yang maksimal bagi seorang pelajar tidak dicapai hanya dengan satu faktor atau bergantung kepada satu aspek (iaitu asal sekolah) misalnya, namun keberhasilan

---

<sup>10</sup>Kesimpulan Syahbuddin Razi bahawa bentuk ilmu dan cabang atau jurusan ilmiah yang diajarkan dan diadakan di Zawiyah Cot Kala masa itu adalah sebagai berikut:

1. Sejak tingkat persiapan dan Sarjana Muda, diajarkan seluruh bentuk ilmu yang ada dikala itu, selain ilmu Naqliyah ( Agama ) seperti tafsir, hadith, fiqh, usul fiqh dan lain – lain lagi, juga diajarkan ilmu – ilmu yang bersifat Aqliyah, seperti mantik, ilmu kimia, ilmu falak, kedokteran dan lain – lain sebagainya. Pendeknya Pondok Cot Kala itu berkewajiban menempa ulama – ulama untuk segala hal, di samping untuk pembangunan Kerajaan Islam Peureulak itu juga untuk mendakwahkan dan menyiarkan Agama Islam ke segenap penjuru kepulauan Nusantara. Sedangkan method dakwah dikala itu adalah dakwah kerja nyata.

2. Selanjutnya untuk tingkat Sarjana lengkap ( istilah sekarang setara dengan Ijazah Dasar) diadakanlah jurusan – jurusan atau fakultas – fakultas yang di antaranya :

a. Ma’had al- Ahkam  
b. Ma’had al- Kalam  
c. Ma’had al- Nahwi

Dan lain sebagainya.

Penggunaan bahasa pengantar di Zawiyah Cot Kala masa itu, untuk tingkat persiapan bahasa pengantarnya adalah bahasa Melayu, iaitu Melayu lama, sedangkan untuk tingkat – tingkat selanjutnya adalah bahasa Arab. Berkenaan tentang berapa jumlah pelajar masa itu tidak dapat dikenal pasti angkatan demi angkatan, dikeranakan data – data untuk itu tidak ada sama sekali.

<sup>11</sup>Muhaini, “Pengajian Perbandingan Tentang Sikap dan Prestasi belajar Mahasiswa Asal Madrasah Aliyah dan Sekolah Menengah Umum Pada Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Zawiyah Cot Kala Langsa” (Disertasi, Program Pengajian Dirasah Islamiyah, Pascasarjana IAIN Sumatera Medan, 2004).

seseorang itu juga disokong oleh pelbagai aspek, seperti persekitaran keluarga, pendidik, fasiliti, sekolah, masyarakat setempat dan individu yang disebut juga sebagai faktor eksternal (luaran). Selain itu, keberhasilan seseorang itu turut bergantung kepada faktor internal (dalam) seperti motivasi intrinsik, kemahuan, minat, bakat serta kesedaran tentang kepentingan ilmu pengetahuan yang menjadi pencetus seseorang untuk berbuat secara maksima dalam mewujudkan cita-citanya.

Sikap belajar positif yang telah dikemukakan dalam perbahasan, juga mempunyai daya yang kuat terhadap keberhasilan pelajar, namun penelitian ini tidak menemukan perbezaan yang ketara di antara pelajar yang berkelulusan sekolah agama dengan pelajar yang tidak berkelulusan sekolah agama. Walaupun ada perbezaan namun tidak begitu jauh sama ada dari segi keberhasilan pembelajaran ataupun sikap pelajar antara kedua-dua kelompok.

Perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji ialah kajian ini dijalankan bagi mengetahui bagaimana sikap dan pencapaian pelajar yang berkelulusan sekolah agama dan yang tidak berkelulusan sekolah agama terhadap pembelajaran secara keseluruhan subjek yang dijalankan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa dengan mengambil sampel 80 responden yang berasal dari jurusan yang sama. Sedangkan kajian yang pengkaji jalankan hanya memfokuskan kepada pencapaian pembelajaran keseluruhan pelajar yang mewakili daripada keseluruhan jurusan dan tahun pengajian pelajar terhadap subjek Usul Fiqh sahaja.

Zulkarnain<sup>12</sup>, kajian ini dijalankan bagi mendapatkan gambaran yang jelas dan analisa yang mendalam tentang pengamalan mazhab Shāfiī di kalangan penuntut ilmu di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa dan faktor pendukung dan penghalang pengamalan mazhab Shāfiī di kalangan pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa telah terjadi inkonsistensi dalam pengamalan mazhab dan terjadinya perbezaan pandangan mazhab disebabkan pengaruh adat.

Kajian ini mempunyai skop kajian yang sama dengan kajian pengkaji iaitu STAIN Zawiyah Cot Kala sebagai lapangan kajian namun tujuan permasalahan berbeza dengan kajian yang pengkaji jalankan, di mana beliau memfokuskan kepada pengamalan mazhab Shāfiī di kalangan pelajar, manakala kajian pengkaji terfokus kepada pembelajaran khusus untuk subjek Usul Fiqh.

Berhubung dengan pengajian Usul Fiqh, pengkaji telah menemui beberapa kajian yang dilakukan ke atas tempat yang selain daripada STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa, antaranya:

1. Rahmah bt Ramian<sup>13</sup> telah membahagikan kajiannya kepada empat bab. Bab kedua pula menyentuh mengenai asas teori bagi masalah yang dikaji, mendedahkan tentang pengenalan tentang ilmu Usul Fiqh, kepentingan dan sejarah perkembangan serta kaedah penyusunannya. Penulis hanya menyentuh serba sedikit berkenaan sejarah perkembangan Ilmu Usul Fiqh bermula pada zaman para sahabat sehingga ia dijadikan sebagai satu ilmu yang tersusun pada zaman Imam al-Shāfiī. Penulis juga

---

<sup>12</sup>Zulkarnain, "Pengamalan Mazhab Shāfiī di Kalangan Civitas Akademika STAI Zawiyah Cot Kala Langsa" (Disertasi, Program Pengajian Dirasah Islamiyah, Pascasarjana IAIN Sumatera Utara Medan, 2004).

<sup>13</sup>Rahmah bt Ramian, "Penguasaan Ilmu Uṣūl al-Fiqh di Kalangan Mahasiswa Syariah Tahap Akhir Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya", (Latihan Kerja Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 2004).

mengupas mengenai bidang pengajian Usul Fiqh yang dijalankan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM) iaitu meliputi silibus Usul Fiqh peringkat pertama, kedua dan ketiga yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pengajian Syariah (BPS) serta kaedah pengajaran yang dijalankan.

Silibus yang penulis nyatakan di dalam kajian ini adalah silibus Usul Fiqh yang diguna pakai untuk tempoh tiga sesi pengajian sahaja, iaitu yang bermula pada 1999/2000, 2000/2001, 2001/2002. Bab ketiga pula penulis membuat laporan yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Laporan ini merujuk kepada analisis yang telah dilakukan ke atas borang selidik. Analisis pula dilakukan mengikut dua aspek, iaitu mengikut jabatan dan mengikut jantina responden. Bab keempat iaitu bab terakhir adalah rumusan yang diperolehi hasil kajian ilmiah yang dilaksanakan. Dalam menyampaikan ilmu teras pengajian Syariah ini, pendekatan yang digunakan di APIUM adalah melalui kuliah dan tutorial.

2. Rohaya binti Abu Bakar,<sup>14</sup> kajiannya bertujuan untuk membuat penilaian terhadap pengajian Usul Fiqh secara umum dari segi kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru di sekolah, kaedah pembelajaran yang diamalkan di kalangan pelajar, sukatan pelajaran yang ada serta pencapaian pelajar secara umum. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa kaedah pengajaran yang paling kerap digunakan di kalangan guru dan digemari oleh pelajar ialah kaedah perbincangan dan kuliah, iaitu dengan cara mengutarakan sepintas lalu tentang perkara-perkara penting yang ingin dibincangkan, kemudian menjelaskannya dengan terperinci.

---

<sup>14</sup>Rohaya bt Abu Bakar, "Pengajian Usul Fiqh di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Kedah Darul Aman: Satu Penilaian", (Latihan Kerja Ilmiah, Jabatan Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya 1995).

Terdapat metode gerak kerja berkumpulan, yang ianya paling berkesan terutama membentuk perlakuan yang positif di kalangan pelajar. Antara metode lainnya juga adalah bercerita, latihan dalam kumpulan (LDK) serta pemberian tugas dan latihan. Dari sudut pembelajaran, pelajar lebih suka mengulangkaji pelajaran secara berterusan iaitu satu cara pembelajaran yang baik dan berkesan. Dari sudut sukatan pelajaran, sebahagian pelajar mengatakan bahawa sukatan pelajaran ini membebankan kerana isi pelajarannya sukar difahami, kurangnya buku rujukan, isi kandungan yang terlalu banyak dan penyampaian guru yang sukar untuk diikuti. Dengan menambahkan bahan rujukan semaksimal mungkin akan sangat membantu dan memberi solusi bagi pelajar dalam memahami isi pelajaran.

3. Noor Naemah Abdul Rahman dan Abdul Karim Ali<sup>15</sup> menjelaskan bahawa, penjenamaan Usul Fiqh sebagai metodologi penyelidikan hukum sudah diterima umum. Walau bagaimanapun, keupayaan subjek berkenaan dengan pendekatan dalam kurikulum yang sedia ada sekarang untuk berperanan melahirkan para penyelidik masih menjadi tanda tanya. Penulis juga menjelaskan bahawa sebab para ulama menulis buku-buku Usul Fiqh bukan bertujuan menjadikannya sebagai asas untuk mempelajari kaedah penyelidikan hukum, sebagaimana Imam al-Shāfiī dengan bukunya *Uṣūl al-Fiqh*, begitu juga para sarjana yang lain dengan karangan-karangan mereka berkenaan Usul Fiqh, seperti kitab *Mustasfā* milik Imam al-Ghazālī, sebaliknya untuk memantapkan lagi ilmu berkenaan secara ilmiah.

---

<sup>15</sup>Noor Naemah Abd Rahman dan Abd Karim Ali, " Pengajian Kursus Uṣūl al-Fiqh Peringkat Ijazah dasar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Pengalaman dan Penilaian", dalam *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*, ed. Mohd Fauzi Hamat et al (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2007), 217-223.

Penulis juga menyebutkan bentuk yang sama juga telah diikuti oleh para penulis terkemudian seperti ‘Abd al-Karīm Zaidān dan sebagainya. Corak yang dipilih ialah bersifat ilmiah dan akademik bukan kemahiran dan praktikal. Dalam kurikulum pengajian Syariah di Malaysia dan APIUM secara khusus telah mengambil pendekatan mengajar pelajar apa itu Usul Fiqh, dan apa yang dibincangkan dalam ilmu tersebut. Justeru penguasaan yang ada hanyalah bersifat penguasaan sebagai ilmu bukan sebagai kemahiran bagi melakukan penyelidikan.

Pengajaran Usul Fiqh mengikut pengalaman APIUM, ditawarkan kepada pelajar yang memilih bidang pengajian Syariah secara khusus dan juga pelajar yang memilih bidang pendidikan Islam. Penulis juga menjelaskan sejarah penawaran kursus Usul Fiqh, dalam tempoh 25 tahun kurikulumnya telah mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Para pelajar tidak ditekankan sekadar mengetahui apakah Usul Fiqh, tetapi mereka dilatih bagaimana seharusnya Usul Fiqh digunakan sebagai alat dalam membuat sesuatu kesimpulan hukum. Atas kesedaran itu, Jabatan Fiqh dan Usul (JFU) telah menganjurkan Bengkel Pengajaran Usul Fiqh pada 16 Jun 2005. Pengajaran Usul Fiqh perlu dirombak sehingga ia benar-benar memberi kemahiran kepada pelajar. Proses penilaian akan dilakukan secara perbandingan umum. Manakala graduan selepas diperkenalkan kurikulum bagi sesi 2003-2004 mereka banyak didedahkan aspek-aspek praktikal berbanding teoritikal.

4. Noor Hidayah bt Kasim,<sup>16</sup> dengan kajiannya memfokuskan ke atas Universiti Damsyik. Penulis mengemukakan konsep pengajian Syariah bermula dengan pernyataan tujuan pengajian dan pendidikan, seterusnya garis panduan kehendak

---

<sup>16</sup>Noor Hidayah Binti Kasim, “Pengajian Shariah di Syiria: Kajian Kes di Universiti Damsyik”, (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009).



Persidangan Antarbangsa Pendidikan Islam dan visi pengajian Syariah yang menjadi latar penting kepada kaedah penyampaian yang lebih berkesan merangkumi metodologi, kurikulum serta sistem pedagogi. Menurutnya, tahap pengukuran sistem pengajian yang baik perlu memenuhi bukan sahaja dalam kurikulum, bahkan juga dari sudut metodologi pengajaran dan pembelajaran, penggunaan peralatan teknologi dan juga kepentingan dari sudut penggunaan bahasa. Pengajian Syariah di Universiti Damsyik secara dasarnya menekankan tumpuan yang khusus terhadap pelaksanaan kurikulum, akan tetapi masih mempunyai ruang-ruang yang perlu diperbaiki dalam beberapa perkara yang lain.

Untuk JFU, penyediaan jam kredit adalah sebanyak 17 jam. Fakulti Syariah melalui JFU amat memberi tumpuan kepada subjek ini dalam setiap semester, bermula dari tahun kedua pengajian sehinggalah tahun keempat. Sukatan diperincikan bermula daripada topik pengantar sehinggalah kepada sumber-sumber ijtihad serta kaedah yang dipelajari untuk menghasilkan hukum fiqh berdasarkan kitab-kitab turath. Silibus yang direncanakan oleh fakulti ini bermula dengan pemahaman mengenai konsep ilmu Usul Fiqh itu sendiri serta pengenalan asas kepada sumber-sumber metodologi hukum. Di samping itu, pemahaman mengenai *Maqāṣid al-Shāri'ah* yang diajar secara asas dalam tahun kedua bakal diperincikan dalam semester kedua tahun keempat. Keseluruhannya, fokus silibus pada tahun akhir ini adalah untuk memahirkan pelajar dengan cara mengaplikasikan hukum menggunakan kaedah Usul Fiqh. Dari sini dapat disimpulkan bahawa, subjek Usul Fiqh yang dirangka memenuhi keperluan reformasi pengajian Syariah.

5. Rosliza @ Rosli Mahmud,<sup>17</sup> kajian ini dibuat bagi meninjau metode dan pendekatan pengajian Syariah yang dipraktikkan di pusat pengajian pondok. Hasil utama yang diperoleh daripada kajian ini menunjukkan bahawa penubuhan pusat pengajian pondok dengan sistem pentadbiran dan pembelajaran yang tersusun dan ber sistematik telah meningkatkan keberkesanan pendidikan Islam yang berorientasikan pondok.

Kajian juga mendapati bahawa pusat pengajian pondok telah mempraktikkan keseluruhan metode-metode pengajian Islam yang diwarisi secara tradisi dan dibantu oleh beberapa metode pengajian moden dalam pengajian Syariah, yang mana metode yang kerap dipakai berupa metode syarahan, hafazan, dan perbincangan. Hasil kajian yang dijalankan, penulis mendapati pusat pengajian pondok telah pun mempunyai silibus pengajian yang tersusun serta sistem peperiksaan yang mantap dan berkesan. Sistem tersebut perlu diteruskan kerana ianya benar-benar mampu menilai tahap pencapaian para pelajarnya sama ada dari segi kemahiran membaca kitab ataupun kemampuan pelajar memahami kandungan kitab yang dijadikan teks rujukan utama.

Kajian ini juga menjelaskan keterbukaan institusi pengajian pondok untuk menerima perubahan pendekatan pengajian Syariah, yang mana sebelum ini guru-guru pondok sering kali dianggap sebagai ulama yang menerima bulat-bulat setiap pandangan ulama terdahulu. Namun pada hari ini mereka telah mampu membuat penilaian terhadap hukum-hukum yang diputuskan oleh ulama terdahulu secara lebih kritis.

---

<sup>17</sup>Rosliza @ Rosli Mahmud, "Metodologi Pengajian Syariah di Pondok Moden, Kandis, Bachok, Kelantan" (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005).

6. Zurita bt Mohd Yusoff,<sup>18</sup> kajian ini untuk mengenalpasti metodologi pengajian Syariah bagi program Diploma Pengajian Islam (Syariah) di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Terengganu, yang mana terdapat isu bahawa pelbagai pihak telah pun mendakwa pelajar-pelajar ini merupakan golongan kelas ketiga, anti pemodenan, jumud, dan tidak berkualiti. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mendapati kesahihan dakwaan tersebut kerana menurutnya, metodologi pengajian mempunyai hubungan yang rapat dengan kualiti para graduan.

Hasil kajian mendapati bahawa dakwaan tersebut tidak boleh diterima bulat-bulat, kerana Program Diploma Pengajian Islam (Syariah) di KUSZA pun telah melahirkan ramai graduan yang berkualiti dan diiktiraf oleh masyarakat, juga pengiktirafan akademik oleh beberapa buah universiti tempatan dan luar negara, sehingga para graduan Diploma tersebut berpeluang menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Di KUSZA juga, mereka telah didedahkan dengan ilmu-ilmu lain seperti ilmu kemasyarakatan dan perniagaan, walaupun ianya tidak begitu luas. Walau bagaimanapun, kajian ilmiah yang dihasilkan di KUSZA belum mencukupi untuk menjadikan KUSZA sebagai pusat perkembangan ilmu, kerana ianya masih tergolong sangat sedikit.

7. Suraya bt Mohd Zin,<sup>19</sup> kajian yang dijalankan bagi mengenalpasti metode pengajian Syariah yang dipelajari di Kolej UNITI, Port Dickson yang turut menawarkan Diploma Pengajian Islam bagi para pelajar, dan seterusnya menilai pelaksanaan yang telah direalisasikan bersesuaian dengan wujudnya kesedaran masyarakat Islam

---

<sup>18</sup>Zurita bt Mohd Yusoff, "Metodologi Pengajian Syariah di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (K.U.S.Z.A), Terengganu", (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

<sup>19</sup>Suraya binti Mohd Zin," Metodologi Pengajian Syariah di Kolej UNITI", (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

dalam mendalaminya. Adapun skop utama kajian ini menyentuh tentang pengajian Islam yang ditawarkan pihak kolej. Ia merangkumi; objektif kursus, tenaga pengajar, pedagogi, sukatan pelajaran, kurikulum, ko-kurikulum, serta keberkesanan sistem pengajaran di kolej tersebut.

Berkenaan metodologi pengajian Syariah, penulis telah menguraikannya secara terperinci pada bab pertama. Hasil kajian yang diperoleh, Kolej UNITI telah berusaha memperkenalkan metode pengajian Syariah yang berbentuk teori fiqh klasik kepada masyarakat dan dinyatakan bahawa Kolej UNITI mempunyai beberapa persamaan dengan metode pembelajaran pengajian Syariah di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terdapat di Malaysia.

Kesimpulan daripada hasil kajian yang dinyatakan banyak menyentuh tentang pengajian Syariah yang dilakukan di Malaysia dan lebih tertumpu kepada pengajian Syariah secara luas serta dalam ruang lingkup yang besar dan ini berbeza dengan fokus kajian yang dilakukan pengkaji iaitu pengajian Usul Fiqh. Ianya lebih memfokuskan kepada ruang lingkup yang kecil berkenaan satu pelajaran sahaja daripada pengajian Syariah itu sendiri. Manakala dua kajian berkenaan Cot Kala Langsa yang ditulis oleh Muhaini dan Zulkarnain walaupun berkaitan dengan Cotkala yang menjadi skop kajian pengkaji, tetapi lebih kepada peninjauan sikap perilaku pelajar dan pencapaian pembelajaran pelajar secara keseluruhan subjek yang diajarkan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa serta pengamalan mazhab Shāfi‘ī di kalangan pelajar. Jadi walaupun skop kajian keduanya sama dengan skop kajian pengkaji namun fokus kajian yang pengkaji jalankan adalah untuk mengetahui kesan pembelajaran pelajar atas subjek Usul Fiqh sahaja.

## 1.9 Metodologi Kajian

Perkataan metodologi berasal dari perkataan metode yang bermaksud cara melakukan sesuatu atau sistem.<sup>20</sup> Di dalam bahasa Inggeris, metode bermakna kaedah iaitu cara atau aturan untuk membuat sesuatu.<sup>21</sup> Setiap penyelidikan memerlukan metode yang sesuai dengan bidang kajian yang tengah dijalankan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan dua metode iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data

### 1.9.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam pengumpulan data daripada sumber-sumber tertentu, pengkaji telah menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

#### a. Kajian Perpustakaan (*Library Research*)

Kajian ini digunakan dengan mengumpulkan data-data daripada sumber-sumber bacaan yang ada seperti buku-buku sejarah, ertikel-ertikel, jurnal, hasil-hasil seminar dan sumber-sumber bacaan lain yang relevan termasuk juga laman web.

#### i. Metode Dokumentasi

Metode ini merupakan kaedah pengumpulan data berupa fakta, perkataan, surat, rajah, carta, simbol yang mewakili objek, situasi, keadaan dan idea melalui dokumen-dokumen berkaitan.<sup>22</sup>

---

<sup>20</sup>Noresah et. A.I, *Kamus Dewan*, 1030.

<sup>21</sup>Sheikh Othman Sheikh Salim, *Kamus Inggeris Melayu Dewan*, (cet. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 957.

<sup>22</sup>Abd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, t.t), 63.

## **ii. Metode Penelitian Histori**

Metode ini merupakan satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian mahupun peristiwa sejarah tentang masalah yang dikaji. Dalam kajian ini, metode ini digunakan bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan sejarah berdirinya STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa dan pengajian Usul Fiqh di sana. Di sini pengkaji telah berusaha semaksimum mungkin bagi mendapatkan fakta-fakta yang sebenarnya.

### **b. Kajian Lapangan (*Field Research*)**

Dalam kajian lapangan, pengkaji telah melakukan beberapa metode seperti metode temu bual, soal selidik dan observasi bagi mendapatkan data yang tepat dan benar. Data-data yang pengkaji perolehi dikumpulkan dan diolah bagi menjawab persoalan kajian mengikut keperluan dalam kajian ini. Ini bersesuaian dengan kaedah tringulasi iaitu penggunaan beberapa metode untuk mempelajari satu masalah.<sup>23</sup>Data-data yang pengkaji perolehi melalui temu bual para pensyarah berkenaan pembelajaran Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa telahpun disokong dengan hasil soal selidik pelajar, seterusnya diperkukuhkan lagi melalui observasi pengkaji.

### **i. Metode Temu Bual**

Pengkaji telah mengadakan temu bual dengan masyarakat tempatan<sup>24</sup> bagi mendapatkan informasi berkenaan penubuhan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa dan pelaksanaan

---

<sup>23</sup>Janesik Velerie J. (1994), "The Dance Of Qualitative Research Design", dalam (Ed. Norman K. Denzin Yvonna S. Lincoln) *Handbook Of Qualitative Research* , London Sage Publication, 215.

<sup>24</sup>Salah seorang pelopor berdirinya STAIN Zawiyah Cot Kala, seorang anggota masyarakat yang mengetahui sedikit banyak sejarah pondok Zawiyah Cot Kala terdahulu, beberapa pensyarah yang mengajar mata kuliah Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala, guru-guru yang mengajar pelajaran Usul Fiqh perwakilan daripada Sekolah Menengah Agama, Ma'had moden, pondok, dan surau.

pengajian Usul Fiqh di Aceh, juga temu bual terhadap para pensyarah<sup>25</sup> di STAIN Zawiyah Cot Kala, terutama pensyarah yang mengajarkan subjek Usul Fiqh bagi mendapatkan maklumat yang terperinci serta permasalahan-permasalahan yang timbul dan juga pandangan-pandangan mereka yang berguna untuk mengembangkan kemajuan pengajian Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa pada masa akan datang.

Bagi temu bual pihak berkenaan dengan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa, pengkaji terlebih dahulu telah menjumpai Ketua Rektor STAIN Zawiyah Cot Kala iaitu Dr. Zulkarnain di pejabat beliau pada 09 January 2013 untuk mendapatkan keizinan secara lisan dan tulisan bagi menjalankan penyelidikan ilmiah di kampus STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa. Selanjutnya, pengkaji menghantarkan surat memohon kebenaran secara bertulis tersebut ke setiap ketua jurusan untuk dapat melaksanakan pembagian borang soal selidik kepada pelajar serta melakukan temubual kepada segenap pensyarah yang mengajar subjek Usul Fiqh.

Pengkaji dalam melaksanakan proses temubual tersebut telah menyediakan dengan rapi soalan-soalan yang perlu disoal kepada para pensyarah. Manakala temu bual yang pengkaji lakukan dengan masyarakat tempatan guna mendapatkan maklumat berkenaan dengan sejarah berdirinya STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa dan maklumat berkenaan pelaksanaan pengajian Usul Fiqh di Aceh (lembaga-lembaga pengajian Islam di Aceh), pengkaji terus menjumpai mereka di tempat kediamannya mahupun di sekolah pada saat jam istirahat dengan meminta izin sedikit waktu untuk melakukan temu bual berkenaan maklumat yang ingin pengkaji ketahui.

---

<sup>25</sup>Adelina Nasution, Anizar, Nairazi, Laila Mufida, Muhammad Thabri dan Siti Suryani (Para pensyarah mata pelajaran Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa).

## ii. Metode Soal Selidik

Pengkaji menggunakan metode soal selidik dalam usaha bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian. Dalam hal ini pengkaji telah mengedarkan sejumlah borang soal selidik kepada sejumlah pelajar perwakilan dari semua fakulti dan semester untuk mengetahui latar belakang profil responden dan permasalahan-permasalahan yang dihadapi dalam pengajian Usul Fiqh.

Penentuan jumlah bilangan responden dalam penyelidikan ini dipilih secara rawak bagi menghadkan bilangan populasi yang besar.<sup>26</sup> Model persampelan yang pengkaji gunakan dalam kajian ini ialah Persampelan Rawak Mudah (*Simple Random Sampling*) iaitu memilih satu unsur secara rawak daripada populasi. Setiap unsur daripada populasi mempunyai kesempatan yang sama untuk dipilih sebagai sampel.<sup>27</sup> Sebagaimana yang dikatakan oleh Bruce W. Tuckman, saiz sampel suatu kajian boleh sekecil yang mungkin kerana suatu kajian akan melibatkan masa yang lama dan menghabiskan kos perbelanjaan. Namun, sampel yang dipilih perlu mencukupi dalam mewakili populasi kajian.<sup>28</sup>

Pengkaji telahpun melakukan pra ujian (*Pre-test*) dengan mengambil sampel 10 pelajar sebagai responden bagi memastikan soalan-soalan dapat difahami dengan sebenarnya. Dan itu pengkaji lakukan tiga hari sebelum pengedaran soal selidik sebenarnya dilakukan. Pengedaran borang soal selidik telah memberikan gambaran yang jelas tentang perkara-perkara yang dikaji seperti permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh pelajar di saat mengambil subjek dalam pengajian Usul Fiqh.

---

<sup>26</sup>Bruce W. Tuckman (1988), *Conducting Educational Research*, c 3, Florida: Harcourt Brace Jovanovich. Inc, 126.

<sup>27</sup>*Ibid.*, 122. Lihat juga Ahmad Mahdzan Ayop (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*, c 2, Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 115.

<sup>28</sup>Bruce W. Tuckman, *Conducting Educational*, 123.



### **iii. Metode Observasi**

Metode ini, pengkaji telah pergi ke tempat kajian bagi membuat pengamatan secara lebih jelas lagi mengenai objek yang dikaji, yang mana metode ini bertujuan bagi melengkapkan metode-metode sebelumnya, juga agar pengkaji benar-benar berasa puas dengan apa yang diperoleh. Dalam metode ini, pengkaji membuat pengamatan terhadap pensyarah saat melakukan proses mengajar mata pelajaran Usul Fiqh di dalam ruangan, serta masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Di samping itu pengamatan juga dibuat terhadap pelajar-pelajar serta respon mereka terhadap masalah-masalah. Tempoh observasi mengambil masa lebih daripada dua minggu dan itu dilakukan bersamaan dengan masa pembahagian borang soal selidik kepada para pelajar.

### **1.9.2 Metode Analisis Data**

Pengkaji telah menganalisis semua data yang diperoleh setelah berjaya mengumpulkan data-data berkenaan. Pengkaji telah menganalisis semua data dan fakta tersebut berdasarkan sumber-sumber yang tepat dan benar, seterusnya membuat kesimpulan dan saranan daripada hasil kajian tersebut.

Langkah-langkah yang digunakan oleh pengkaji bagi menganalisis segala maklumat adalah sebagai berikut:

#### **a. Metode Induktif**

Metode induktif ialah cara membuat kesimpulan daripada bukti-bukti yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.<sup>29</sup> Metode ini digunakan pada bab ketiga dalam kajian pengkaji, dengan melihat konsep, sejarah berdirinya STAIN

---

<sup>29</sup>Noresah et. A.I, *Kamus Dewan*, 13.

Zawiyah Cot Kala dan pelaksanaan pengajian Usul Fiqh di setiap Fakulti yang tersedia di STAIN Zawiyah Cot Kala.

#### **b. Metode Deduktif**

Metode deduktif ini pula cara membuat kesimpulan daripada bukti-bukti yang bersifat umum bagi mencari kesimpulan yang bersifat khusus.<sup>30</sup> Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan metode tersebut pada bab keempat dan kelima, yang mana pengkaji telah menganalisis dan merumuskan fakta-fakta yang diperoleh daripada hasil pengedaran borang soal selidik dan temu bual pensyarah.

#### **c. Metode SPSS**

Metode ini diguna pakai dalam menganalisis borang soal selidik yang telah dikembalikan oleh sejumlah responden yang diminta.

### **1.10 Sistematika Penulisan**

#### **Bab Pertama: Pendahuluan**

Bab ini adalah bab pendahuluan dalam setiap kajian termasuk kajian ini. Dalam bab ini dihuraikan berkenaan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, pengertian tajuk, skop kajian dijalankan, *literature review*, metodologi kajian dan juga sistematika penulisan.

#### **Bab Kedua: Senario Pengajian Usul Fiqh di Pusat-Pusat Pengajian Agama Islam di Aceh**

Bab ini pula membahaskan tentang senario pengajian Usul Fiqh di Aceh yang meliputi pembahasan Islam di Aceh, kepentingan ilmu Usul Fiqh dalam pengajian Syariah,

---

<sup>30</sup>*Ibid.*

kedudukannya dalam Syariat Islam, dilanjutkan lagi dengan pendidikan Islam di Aceh serta lebih khusus pendedahan tentang pengajian Usul Fiqh di Aceh yang meliputi pengajian Usul Fiqh di surau, pondok, diikuti pengajian di sekolah menengah serta di institusi pengajian tinggi.

### **Bab Ketiga: Pengajian Usul Fiqh di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala Langsa**

Bab ini memaparkan latar belakang penubuhan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa. Adakah ia benar merupakan lanjutan dari Pondok Cot Kala yang didirikan oleh Teungku Chik Muhammad Amin pada masa dahulu? Serta pemaparan penubuhan fakulti-fakulti, organisasi dan kepemimpinan di STAIN Zawiyah Cot Kala dari awal penubuhan hingga sekarang dengan sistem pendidikan dan peraturan-peraturan akademik yang wajib dipatuhi. Pembahasan yang menyentuh mengenai kurikulum di STAIN Zawiyah Cot Kala terutama mengenai subjek Usul Fiqh yang diadakan pada semua fakulti di STAIN Zawiyah Cot Kala yang merupakan subjek wajib bagi seluruh pelajar, baik dari segi metode pengajaran para pensyarah mahupun metode pembelajaran pelajar.

### **Bab Keempat: Analisis Pengajian Usul Fiqh di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala**

Bab ini memuat tentang hasil kaji selidik analisis data berupa laporan penyelidikan lapangan yang diperoleh pengkaji berdasarkan hasil observasi, borang soal selidik, temu bual dan lain-lain, terutama mengenai metode pengajaran, pembelajaran dan keberkesanan para pelajar terhadap pencapaian daripada proses pengajian Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa serta latar belakang pendidikan para pelajar juga pandangan para pensyarah dan pelajar terhadap pengajian Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.

### **Bab Kelima: Penutup**

Bab ini merupakan penutup daripada kajian yang dibuat merangkumi rumusan, saranan daripada pelajar dan juga pensyarah kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa. Dalam bab ini, pengkaji juga memberi beberapa cadangan khususnya bagi mempertingkatkan lagi pengajian Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa dan umumnya secara keseluruhan pengajian di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.

**BAB II**

**SENARIO PENGAJIAN USUL FIQH DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN AGAMA**

**ISLAM DI ACEH**

**2.1 Islam di Aceh**

**2.1.1 Masuk dan Berkembang Agama Islam di Nanggroe Aceh Darussalam**

**a. Masuknya Islam ke Aceh**

Hampir semua ahli sejarah menyatakan bahawa daerah Indonesia yang mula-mula dimasuki Islam ialah daerah Aceh. Berdasarkan kesepakatan yang telah diambil oleh tokoh-tokoh Islam yang telah mengadakan seminar *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia* pada tarikh 17-20 Disember 1963 dan seminar kedua yang dilaksanakan di Banda Aceh pada tarikh 10-16 Julai 1978 oleh Majelis Ulama Propinsi Istimewa Aceh. Ianya juga diakui oleh beberapa pendapat sarjana barat.

Terdapat tiga teori yang memaparkan siapa yang mula-mula membawa agama Islam ke alam melayu.<sup>31</sup>

- Teori India, yang berpendapat bahawa Islam berasal dari India. Teori ini lahir selepas tahun 1883M, yang dibawa oleh C. Snouch Hurgronje. Asas kepada teori ini iaitu terdapat bukti perhubungan perniagaan yang teguh antara India dengan Gugusan Kepulauan Melayu. Juga berdasarkan kepada persamaan model batu nisan yang terdapat pada kedua-dua Negara tersebut.

---

<sup>31</sup>Wan Hussein Azmi, *Islam di Aceh, masuk dan berkembang hingga ke abad XVI (1568 M)*, (kertas kerja, Seminar Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh 1980), 3, 8. Lihat juga Haidar Putra Daulay, *Dinamika Pendidikan Islam di Asia Tenggara*, ( Jakarta, PT Rineka Cipta, 2009), 10.

- Teori Arab. Teori ini disokong oleh Hamka, Naquib al-Attas. Asas kepada teori ini iaitu keteguhan Muslimin alam Melayu berpegang kepada mazhab Shāfi‘ī
- Teori Persia, yang menyatakan bahawa Islam berasal dari Parsi dan bukannya dari Arab ataupun dari India. Penyokong teori ini ialah P.A Hoesen Djajaningrat.

Mengenai Permulaan masuknya Islam ke alam Melayu khususnya di Aceh, terdapat dua pendapat:

- Isu kedatangan Islam ke alam Melayu iaitu pada abad pertama Hijriah (VII Masehi). Penyokong terhadap pendapat ini di antaranya, Hamka, Syed Naquib al-Attas dan lainnya. Pendapat ini berdasarkan kepada beberapa asas, antaranya bahawa pedagang-pedagang Arab pada abad ke 7-8 Masehi memegang peranan penting dalam dunia pelayaran antara Bandar Aden di Arab dan Canton di Cina. Juga merujuk kepada kitab *Zubdatu al-Tawārikh* karya Nurul Haq al-Masyriqiy ad-Duhlaway dan kitab *Idāhu al-Ḥaq fī Mamlakatu-Peureula’* karya Abū al-Ishāq al-Makarani.<sup>32</sup>
- Islam dinyatakan baru masuk ke tanah Melayu pada abad ke-12/13 Masehi. Pandangan ini dipelopori oleh Snouck Hurgronje dan diikuti oleh J.P. Moquette, R.A Kern dan lain-lainnya.<sup>33</sup> Namun Hamka menolak pandangan tersebut. Beliau lebih memilih bangsa Arab yang telah memainkan peranan

---

<sup>32</sup>Mohammad Said, *Aceh Sepanjang Abad*, (cet. ke-2, Medan: Percetakan dan Penerbitan Waspada medan, 1981), 1:66.

<sup>33</sup>Uka Tjandrasasmita, *Proses Kedatangan Islam dan Munculnya Kerajaan-kerajaan Islam di Aceh*, (t.tp., t.p., t.t.), 3:1.

sebagai pembawa agama Islam ke Indonesia pada abad ke-7M. Juga berdasarkan fahaman Shāfi'ī yang menjadi pegangan bangsa Indonesia.<sup>34</sup>

#### **b. Berkembangnya Islam di Aceh**

Berbicara tentang proses berkembangnya Islam di Aceh, ianya sama dengan cara atau proses masuknya Islam ke Aceh iaitu dengan cara damai tanpa paksaan, begitu pula proses penyebaran yang berlaku di daerah Aceh dan persekitarannya. Sikap yang ditunjukkan oleh para mubaligh (pembawa) yang banyak memberikan contoh teladan dalam kehidupan seharian dengan mencerminkan akhlak yang mulia sehingga berjaya menarik hati masyarakat setempat yang sebelumnya telah menganut agama Hindu, memiliki kepercayaan animisme dan dinamisme bertukar menerima Islam sebagai agama baharu dan terakhir dalam hidup mereka.

Islam merupakan agama yang dinamis, rasional, lembut, menghormati hak kemanusiaan, adil, tidak membeza-bezakan kaum, warna kulit, keturunan, dan bangsa. Semuanya sama di hadapan Tuhan, yang membezakan hanyalah iman dan takwa. Sebagaimana yang dihuraikan oleh Fachry Ali dan Bachtiar Effendy, antara tiga faktor utama yang mempercepat proses penyebaran Islam di Indonesia iaitu Islam menerapkan prinsip keadilan dan persamaan dalam hubungan kemasyarakatan, yang jelas bertentangan dengan sistem kasta yang sedang diterapkan akibat ajaran Hindu.<sup>35</sup>

Setelah terbentuknya peribadi Muslim maka terbentuklah masyarakat Muslim dan akhirnya terbentuklah sebuah kerajaan Islam.<sup>36</sup> Peranan pemerintah ataupun

---

<sup>34</sup>Enung K Rukiati, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, ( cet. ke-1.Bandung: Pustaka Setia, 2006), 25.

<sup>35</sup>Enung K Rukiati, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, 21.

<sup>36</sup>Haidar Putra Daulay, *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaruan Pendidikan Islam di Indonesia*, (Jakarta: Kencana. 2007), 20.

kerajaan turut membantu dalam usaha mempercepatnya perkembangan agama Islam di Indonesia.<sup>37</sup> Islam disebarkan terlebih dahulu dalam kalangan rakyat bawahan, pedagang dan petani, dan mengambil masa yang cukup lama untuk melakukan proses pengislaman masyarakat setempat kerana sebelumnya mereka telah menganut agama lain dengan latar belakang kebudayaan yang sangat berbeza.

Oleh sebab itu, kembali kepada persoalan tentang awal permulaan masuknya Islam di Aceh seperti yang dijelaskan sebelum ini, benar-benar menunjukkan bahawa Islam mula-mula masuk ke Aceh ialah pada abad ke7-8M dan berkembang baik sehingga ke puncak kegemilangannya pada abad ke-13M.

## **2.2 Kepentingan Ilmu Usul Fiqh Dalam Pengajian Syariah**

Sebagai istilah keagamaan, “Syariah” digunakan bagi erti keseluruhan ajaran Islam. Tetapi sebagai satu disiplin pengajian, ia biasa digunakan dalam konsep yang lebih sempit. Secara umumnya ia merangkumi aspek amali dari pengajaran Islam.<sup>38</sup> Pengajian Syariah yang biasanya disebut pada hari ini lebih menjurus kepada fiqh atau pengajian ilmu sosial Islam yang bersangkutan dengan tindak tanduk lahiriah umat manusia yang merangkumi persoalan tentang undang-undang, ekonomi politik, pengurusan dan lain-lain. Ia juga merangkumi persoalan tentang ibadat.<sup>39</sup>

Sebagai satu istilah dalam pengajian Syariah “Usul Fiqh” dihuraikan sebagai memahami al-Quran dengan menggali hukum yang terkandung di dalamnya. Hal itu

---

<sup>37</sup>*Ibid.*, 29.

<sup>38</sup>Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid (1995), “*Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan*” (Seminar Pengajian Syariah, 13-14 Jun 1995),31.

<sup>39</sup>*Ibid.*, 3.



seperti yang diungkapkan oleh Muḥammad Abū Dhahrah, ilmu Usul Fiqh ialah suatu ilmu yang menghuraikan metode yang diguna pakai oleh para imam mujtahid dalam menggali dan menetapkan hukum syar'i daripada nas.<sup>40</sup> Oleh sebab itu, Usul Fiqh merupakan ilmu pengetahuan tentang kaedah-kaedah yang digunakan oleh ulama atau ahli hukum atau para intelektual untuk menggali dalil-dalil hukum yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah dalam menjawab dan menyelesaikan persoalan-persoalan hukum yang ada dengan mewujudkan kemaslahatan umat.

Untuk menganalisis hukum dari al-Quran memerlukan kaedah yang jelas sebagai satu disiplin pengajian, kerana itu pentingnya ilmu Usul Fiqh dalam Pengajian Syariah. Usul Fiqh sebagai metodologi Pengajian Syariah adalah ilmu yang amat penting sekali. Kata Ibn Khaldun, ianya ilmu Syariat yang paling tinggi dan paling berfaedah.<sup>41</sup> Kerana Usul Fiqh merupakan jalan untuk dilalui oleh para mujtahidin bagi memecahkan permasalahan hukum al-Quran yang merupakan asas yang paling penting dalam pengajian Syariah kerana di dalamnya mengandungi keseluruhan pengajaran Islam.<sup>42</sup> Oleh kerana itu ilmu Usul Fiqh dipelajari sebagai sebahagian dari pengajian Syariah. Ianya merupakan asas kepada pembinaan hukum fiqh dalam Syariat Islam.

Usul Fiqh mempunyai peran yang amat besar dalam memastikan usaha-usaha seorang mujtahid dalam pembinaan hukum fiqh yang bersandarkan kepada sumber-sumber perundangan hukum dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Sebagai contoh, di dalam kaedah ijtihad, Usul Fiqh telah menentukan skop dan disiplin serta kaedah yang boleh digunakan dalam berijtihad, samada yang berkaitan dengan ruang lingkup ijtihad,

---

<sup>40</sup>Muḥammad Abū Dhahrah, *Usul Fiqh*, terj. Saefullah Ma'shum et al., (cet. ke-13, Jakarta: PT. Pustaka Firdaus, 2010),10.

<sup>41</sup>Mahmood Zuhdi, (Seminar Pengajian Syariah), 45.

<sup>42</sup>*Ibid.*, 60.

syarat-syarat bagi orang yang berijtihad dan lain-lain berkaitan.<sup>43</sup> Penguasaan ilmu Usul Fiqh sangat penting dalam pengajian Syariah kerana kandungan daripada ilmu Usul Fiqh merupakan tentang kaedah-kaedah komprehensif seperti qiyās, istihsān, maṣlahah dan lainnya yang mesti diketahui oleh seorang mujtahid dalam berijtihad bagi menetapkan sesuatu hukum syarak yang amali dengan bantuan dalil-dalil terperinci.<sup>44</sup>

Bagi mujtahid, memiliki pengetahuan dan kefahaman yang benar tentang ilmu Usul Fiqh perlu didahulukan kerana ia membantu mereka untuk mengetahui sumber-sumber perundangan Islam, metodologi pembinaan hukum dalam Islam dan lainnya yang berkaitan dengan kaedah pembinaan hukum. Sehingga terselamatkan dari membuat penetapan hukum yang salah. Dalam tulisannya, Noor Naemah Abd Rahman dan Abd Karim Ali mengusulkan bahawa Usul Fiqh sebagai kaedah penyelidikan hukum memerlukan penguasaan terhadapnya sebagai suatu kemahiran kerana kerja-kerja penyelidikan hukum lebih memerlukan kemahiran lebih daripada penguasaan sebagai suatu ilmu dan teori. Oleh kerana itu, diharapkan agar para pelajar di pusat-pusat pengajian Islam benar-benar diberi kemahiran bagaimana melakukan sesuatu penyelidikan berkenaan.<sup>45</sup>

### **2.2.1 Kedudukan Usul Fiqh dalam Syariat Islam**

Al-Quran dan al-Hadith adalah pedoman manusia dalam kehidupan demi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat serta menjadi kunci untuk melepaskan diri daripada kesesatan sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

---

<sup>43</sup> Al-Shāṭibī, al-Muwāfaqāt Fī Uṣūl al-Shāri'ah, Jil.4, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 76-78.

<sup>44</sup> Mohammad Hashim Kamali.1989. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications,. 463-464.

<sup>45</sup> Noor Naemah Abd Rahman dan Abd Karim Ali, "Pengajian Kursus Uṣūl al-Fiqh, 217-223.

تركت فيكم أمرين لن تضلوا ما تمسكتم بهما: كتاب الله، وسنة نبيه - صلى الله

عليه وسلم.<sup>46</sup>

Terjemahan: Telahku tinggalkan kepada kalian dua perkara, dengan berpegang kepada kedua-duanya, kalian tidak akan tersesat, iaitu al-Quran dan Sunnah Nabi-Nya.

Kewajipan umat Islam adalah melaksanakan ajaran Islam ataupun sebahagian ulama menyebutnya Syariah. Pakar ilmu telah menyebutkan bahawa al-Quran itu telah mencakupi seluruh aspek kehidupan. Bagi memahami isi kandungan al-Quran, umat Islam mesti memahami beberapa ilmu yang menyokong bagi memahaminya, seperti Bahasa Arab, Balaghah, Usul Fiqh dan sebagainya. Oleh sebab itu, jelas bahawa Usul Fiqh mendapat peranan yang sangat besar dalam syariat Islam bagi mengetahui hukum syarak.

Tanpa mengetahui ilmu Usul Fiqh maka kita tidak akan sampai kepada penyelesaian sesuatu permasalahan hukum, dan tidak akan terjawab soalan-soalan yang berkembang dalam masyarakat kerana kita tidak menemui jalan yang mesti dilalui bagi mencapai suatu tujuan sebagaimana yang telah ditempuh oleh para mujtahid terdahulu. Tujuan yang hendak dicapai daripada ilmu Usul Fiqh adalah keupayaan menerapkan kaedah-kaedah terhadap dalil-dalil syarak yang terperinci agar sampai kepada hukum-hukum syarak yang bersifat amali yang ditunjuk oleh dalil-dalil itu.<sup>47</sup> Oleh sebab itu, Usul Fiqh wujud terlebih dahulu berbanding Fiqh. Walaupun terdapat pembukuan ilmu Fiqh yang berlaku terlebih dahulu berbanding ilmu Usul Fiqh, namun ianya tidak menafikan kedudukan Usul Fiqh sebagai dasar daripada Fiqh Islam.<sup>48</sup>

---

<sup>46</sup>Riwayat Mālik ibn al-Nās, kitāb *al-Tamhīd li mā fī al-Muwatṭa' min al- Ma'ānī wa al- Asānid*, bab Balāghah Mālik wa Mursalatuhu, no. 32.

<sup>47</sup>Amir Syarifuddin, *Usul Fiqh 1*, (Jakarta, Logos Wacana Ilmu: 2011), 45.

<sup>48</sup>Nazar Bakry, *Fiqh dan Usul Fiqh*, ed. ke-1., (Cet. ke-4, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2003), 88.

Hukum Fiqh semakin berkembang, mengikuti perkembangan zaman seiring berkembangnya ilmu Sains dan Teknologi. Perkembangan ini membawa dampak secara langsung maupun tidak langsung terhadap praktik keagamaan. Contohnya dalam persoalan ijab kabul dengan menggunakan telepon bimbit atau internet, penggunaan alat kosmetik atau jenis makanan yang memiliki kandungan alkohol atau emas dan banyak lagi permasalahan baharu yang tidak mungkin penulis sebutkan kesemuanya. Justeru, bagaimana permasalahan hukum tersebut dapat diselesaikan dengan baik dan benar jika seorang mujtahid tidak menguasai ilmu Usul Fiqh.

Oleh sebab itu, seorang mujtahid ataupun faqih, mesti menguasai ilmu Usul Fiqh sehingga dapat mengistinbatkan hukum secara benar dan terhindar daripada kekeliruan dalam penyimpulan sesuatu hukum. Para ulama memandang ilmu Usul Fiqh sebagai ilmu yang sangat penting untuk dimiliki oleh setiap ulama dan dipandang sebagai ilmu Syariat yang sangat penting dan sangat tinggi nilainya. Melalui ilmu Usul Fiqh, para ulama mencuba mengungkapkan maksud pembuat hukum (Allah) atau murad asy-Syar‘i.<sup>49</sup>

### **2.2.2 Hukum Mempelajari Ilmu Usul Fiqh**

Hukum mempelajari ilmu Usul Fiqh adalah fardu kifayah. Di dalam kitab ( *صفة المفتى و ( المستفتى* ) karangan Ibn. Ḥamdān rhm. mengatakan bahawa: “Dan pendapat ulama bahawa ilmu Usul Fiqh adalah fardu kifayah seperti ilmu fiqh.” Pendapat ini juga dipilih oleh Taqiyuddīn Ibn Taimiah rhm. di dalam kitabnya ( *المسودة* ). Berkata al-Shaykh al-

---

<sup>49</sup>Rachmat Syafē‘i, *Ilmu Uṣūl al-Fiqh* , (cet. ke-4, t.tp., t.p., (2010), 45.

‘Allāmah Ibn Najjār di dalam kitab (شرح المنير كوكب): “Dan mengetahui ilmu Usul Fiqh merupakan fardu kifayah sama seperti ilmu fiqh”.<sup>50</sup>

### 2.3 Pendidikan Islam di Nanggroe Aceh Darussalam

Menurut Haidar Putra Daulay, dalam bukunya *Dinamika Pendidikan Islam di Asia Tenggara*, pendidikan Islam adalah pembentukan manusia sesuai dengan tuntunan Islam.<sup>51</sup> Menurut Husain dan Ashraf, sebagaimana dikutip oleh Mujiburrahman et.al, menyebutkan bahawa pendidikan Islam adalah suatu pendidikan yang melatih perasaan murid-murid dengan cara tertentu sehingga dalam sikap hidup, tindakan, keputusan, dan pendekatan mereka terhadap segala jenis pengetahuan sangat dipengaruhi oleh nilai spritual dan sangat sadar akan nilai etis Islam.<sup>52</sup>

Selanjutnya, Hamid al-Ashir dan Darwis, mendefinisikan pendidikan Islam sebagai proses pengarahan perkembangan manusia (*ri'ayah*) dari sudut jasmani, akal, bahasa, tingkah laku, dan kehidupan sosial dan keagamaan yang diarahkan kepada kebaikan menuju kesempurnaan.<sup>53</sup> Shafi'i Ma'arif, berpendapat bahawa corak pendidikan yang diinginkan Islam ialah pendidikan yang mampu membentuk manusia yang unggul secara intelektual, kaya dalam amal serta anggun dalam moral dan bijaksana, untuk meraih tujuan ini diperlukan suatu landasan filosofis pendidikan yang sepenuhnya bermula daripada cita-cita al-Quran tentang manusia.<sup>54</sup> Seterusnya an-Nahlawi yang mengatakan tujuan akhir daripada pendidikan Islam adalah untuk

---

<sup>50</sup>Abdul Azib Hussain, *Manhaj Ilmu Fiqah dan Usul Fiqah*, (Kuala Lumpur: Telaga Biru SDN. BHD., 2012), 56.

<sup>51</sup>Haidar Putra Daulay, *Dinamika Pendidikan Islam Di Asia Tenggara*, (Jakarta: PT Rineka Cipta, 2009), 12.

<sup>52</sup>Mujiburrahman et.al, *Pendidikan Berbasis Syari'at Islam Di Aceh*, (Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Aceh, 2011), 20.

<sup>53</sup>*Ibid.*, 21.

<sup>54</sup>Haidar Putra, *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaruan Pendidikan*, 148.

membawa manusia kepada perilaku dan perbuatan yang berpedoman kepada Syariat Allah SWT.<sup>55</sup>

Terdapat beberapa lagi pendapat tokoh pendidikan Islam mengenai konsep pendidikan Islam, antaranya:<sup>56</sup>

- a. Dr. Ahmad Fuad al-Ahwani, mengemukakan bahwa pendidikan Islam adalah perpaduan yang menyatu antara pendidikan jiwa, membersihkan roh, mencerdaskan akal, dan menguatkan jasmani.
- b. Abu Khalil Abu al-‘Ainayn, mengungkapkan bahwa hakikat pendidikan Islam itu adalah perpaduan di antara pendidikan akal, akidah, akhlak, perasaan, keindahan, dan kemasyarakatan.
- c. Muhammad ‘Athiyah al-Abrashi, menjelaskan bahwa tujuan pendidikan Islam adalah untuk mencapai kesejahteraan dunia akhirat.
- d. Umar Mohammad al-Toumy al-Syaibani, menjelaskan tujuan tertinggi dari pendidikan Islam adalah persiapan untuk kehidupan dunia dan akhirat.

Oleh itu, melalui proses pendidikan Islam, akan terbentuk suatu peribadi insan yang memiliki kebersihan hati dan fikiran serta daya fikir yang matang dalam memilih melakukan tindakan yang benar sahaja di sisi Allah SWT sehingga memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Hal demikian sebagaimana yang diungkapkan Mujiburrahman et. al, salah satu dari aspek yang mesti diperhatikan dalam sistem pendidikan di Aceh ialah syariat Islam mesti dijadikan sebagai dasar dalam pembinaan pendidikan.<sup>57</sup>

---

<sup>55</sup>Mujiburrahman et al. *Pendidikan Berbasis Syari'at Islam Di Aceh*, 21.

<sup>56</sup>Haidar Putra, *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaruan*, 108.

<sup>57</sup>Mujiburrahman et. al, *Pendidikan Berbasis Syari'at Islam Di Aceh*, 8.

Pendidikan Islam bermula selari dengan proses perkembangan Islam itu sendiri kerana pendidikan Islam menjadi landasan secara langsung dalam dakwah penyebaran dan perluasan agama Islam. Aceh yang merupakan bahagian dari wilayah Indonesia merupakan sebuah negeri yang terkenal sebagai pusat perkembangan agama Islam dan ilmu pengetahuan agama ke seluruh Indonesia sehingga mendapat gelaran ‘Seuramoe Mekkah’ kerana Aceh merupakan tempat mula-mula masuknya agama Islam di Indonesia, yang kemudian berkembang pesat memasuki wilayah-wilayah lain di Negara Indonesia hingga ke seluruh Asia Tenggara. Selain itu, gelaran ‘Seuramoe Mekkah’ juga disandang olehnya, disebabkan Aceh pernah menjadi kiblat ilmu pengetahuan di Indonesia dengan hadirnya Jāmi’ah Bait al-Raḥmān.<sup>58</sup>

Pendidikan Islam di Aceh bermula secara tidak formal iaitu yang dikenal dengan istilah Zawiyah yang merupakan tempat seperti bahagian sudut atau pojok daripada masjid-masjid yang dijadikan tempat majlis ilmu agama. Manakala pendidikan Islam secara formal di Aceh pada peringkat awal bermula dari pondok, bahkan sangat masyhur dengan pondok perdananya iaitu Pondok Zawiyah Cot Kala yang berada di Peureulak Aceh bahagian Timur. Pendidikan Islam bermula di situ dan terus tersebar ke pelbagai daerah melalui para alumni pondok tersebut yang mendirikan pondok-pondok mereka sendiri yang lain di pelbagai wilayah negeri Aceh.

Sebagaimana yang disebutkan oleh Ali Hasymy dalam mukaddimah beliau dalam Seminar Perjuangan Aceh sejak 1873 hingga Kemerdekaan Indonesia di Medan (22-25 Mac 1976) dengan judul *Peranan Agama Islam dan Perang Aceh dan Perjuangan Kemerdekaan Indonesia*, antara lain menyebutkan: “Semenjak tertegaknya

---

<sup>58</sup>Ryanis, “Mengapa Aceh Digelar Serambi Makkah?”, dikemaskini 19 May 2008, dicapai 22 April 2013, <http://ryanis.wordpress.com/2008/05/19/mengapa-aceh-digelar-serambi-makkah/>.

kerajaan Islam pertama di Aceh, yaitu Kerajaan Islam Perlak, pendidikan Islam telah mengambil tempat yang terkehadapan dalam pembangunan bangsa, yang dimulakan dengan menubuhkan Pusat pendidikan Pondok Cot Kala, yang kemudian berkembang luas ke seluruh Aceh”. Hal itu diterjemahkan oleh Syahbuddin Razi, bahawa kalimah yang diucapkan oleh Ali Hasymy tersebut bermaksud Pondok Cot Kala itulah sumber (mata air) pendidikan Islam di Asia Tenggara, juga merupakan tempat permulaan pendidikan Islam di Tenggara Benua Asia ini.<sup>59</sup>

Pada tahap berikutnya, pendidikan Islam di Aceh semakin memperlihatkan perkembangannya, dengan terjadinya perubahan model atau bentuk, iaitu memasukkan subjek umum ke lembaga-lembaga pendidikan Islam serta mengubah suai sistem pengajaran mengikut perkembangan zaman dan memperbaiki sistem pentadbiran pendidikan agar lebih efektif. Bermula dengan mewujudkan pesantren moden, pembinaan madrasah-madrasah, memasukkan subjek agama ke dalam sekolah-sekolah umum mulai dari peringkat sekolah rendah hingga ke perguruan tinggi.

Sehingga sejak saat itu, lembaga pendidikan Islam yang ada di Aceh semakin banyak, meliputi pengajian tingkatan surau, balai atau rangkang, pondok, pondok moden, madrasah, dan perguruan tinggi Islam.

### **2.3.1 Pusat Pendidikan Islam di Aceh dan Pengenalalan Bentuk Pengajian Usul**

#### **Fiqh di Dalamnya**

Sifat dan bentuk-bentuk pendidikan yang ada di Aceh adalah sama seperti di negeri-negeri lain yang ada di Indonesia seperti Jawa, Padang, Jambi, Kalimantan dan lainnya iaitu berbentuk rangkang, surau atau masjid, pondok, madrasah dan perguruan tinggi.

---

<sup>59</sup>Syahbuddin Razi, “Pondok Cot Kala” , (Kertas Kerja Seminar), 1.



Terdapat empat model lembaga pendidikan yang terdapat di Aceh sekarang.<sup>60</sup>

**Pertama**, pendidikan sekolah di bawah koordinasi Dinas Pendidikan. Seperti Sekolah Dasar (SD) untuk istilah sekolah rendah, dilanjutkan Sekolah Menengah Pertama (SMP) kemudian Sekolah Menengah Atas (SMA) yang kemudian disusul Sarjana Muda (SM) dan seterusnya. **Kedua**, madrasah di bawah koordinasi Departemen Keagamaan. Walau tingkatannya itu setaraf dengan sekolah-sekolah tersebut, namun kurikulum yang tersedia berbeza. Madrasah adalah sebuah lembaga pendidikan hasil kombinasi antara sekolah dan pondok di Aceh.<sup>61</sup>

Ilmu Usul Fiqh tidak diajarkan di sekolah-sekolah yang berada di bawah koordinasi Dinas Pendidikan kerana istilah sekolah tersebut lebih memfokuskan kepada pelajaran-pelajaran umum atau ilmu moden, manakala pelajaran agama hanya sebatas pengetahuan secara umum. Berbeza dengan madrasah yang tujuannya adalah menyediakan 60%-65% dari jadual waktu untuk subjek umum, dan 35%-40% untuk subjek agama.<sup>62</sup>

**Ketiga** dan **keempat** adalah dayah (Pesantren atau Pondok) di bawah koordinasi Badan Pemberdayaan Pondok Pemerintah Aceh dan Departemen Agama. Pesantren di sini digolongkan dalam dua bentuk, salafi dan moden. Pesantren salafi hanya mengajarkan ilmu-ilmu agama dan merujuk kepada kitab-kitab kuning. Manakala pesantren moden ianya menggabungkan di antara kurikulum kitab-kitab kuning dengan ilmu pengetahuan moden. Selain daripada empat model pendidikan tersebut, wujudnya sistem pendidikan yang dikenal dengan istilah pengajian surau atau rangkang yang

---

<sup>60</sup>Hasbi Amiruddin, *Menatap Masa Depan Pondok di Aceh*, (cet. ke-1, Banda Aceh: Yayasan PENA, 2008), 15.

<sup>61</sup>*Ibid.*, 15.

<sup>62</sup>Enung K Rukiati, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, 70.

merupakan bentuk atau model daripada pengajian pesantren salafi, sehingga tidak tersebut ke dalam empat model pendidikan di atas.

### **2.3.1.1 Pengajian Usul Fiqh di Surau atau Rangkang (Balai)**

Penyamaan sebutan surau atau rangkang di sini tidaklah bermakna bahawa bentuk binaan surau itu sama seperti binaan rangkang. Namun maksud daripada pengkaji, bahawa persamaan di sini adalah persamaan model atau bentuk daripada isi pengajian yang terlaksana di kedua-dua tempat tersebut. Pengajian di surau merupakan pengajian dalam bentuk ruang lingkup yang kecil, yang biasanya dilaksanakan di surau-sarau atau di rangkang-rangkang di setiap kampung.

Sistem pendidikan di surau banyak persamaannya dengan sistem pendidikan di pondok dan murid tidak terikat dengan sistem pentadbiran yang ketat.<sup>63</sup> Murid-murid duduk membentuk lingkaran dan si guru menerangkan ilmu, berbentuk halaqah.<sup>64</sup> Pengajaran dilakukan oleh seorang yang 'arif akan ilmu agama dan biasa dipanggil dengan istilah 'teungku'. Pengajian dilaksanakan dengan sistem talaqqi dan mengajarkan beberapa bidang ilmu.

Bagi peringkat dewasa pengajian yang berlangsung menyentuh berkenaan akidah, ibadah dan akhlak yang dianggap dasar ilmu agama yang penting diketahui oleh masyarakat. Manakala bagi peringkat kanak-kanak, kajian bertumpu kepada pengajian al-Quran disertai pendidikan keimanan, ibadah dan akhlak. Namun kini, kebanyakan pengajian yang kita temui di surau-sarau lebih terfokus kepada pengajian al-Quran, samada bagi peringkat kanak-kanak mahupun orang dewasa. Seperti yang dituturkan

---

<sup>63</sup>Haidar Putra, *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaruan Pendidikan*, 27.

<sup>64</sup>Haidar Putra, *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaruan Pendidikan*, 24.

oleh Zulkifli,<sup>65</sup> masyarakat Aceh sekarang berbeza dengan masyarakat Aceh dahulu. Hal itu disebabkan oleh ramainya masyarakat setempat yang belum fasih bahkan belum dapat membaca al-Quran dengan betul, sehingga pengajian di surau atau rangkang sekarang ini lebih mengutamakan pengajian al-Quran daripada pengajian kitab-kitab. Tambahnya pula, bagaimana seseorang itu dapat diterima amal ibadahnya, jika bacaan solatnya belum benar. Oleh itu, penting mendahulukan mempelajari kaedah bacaan al-Quran yang betul, baru kemudiannya pengajian kitab-kitab lain. Hal demikian juga sama sebagaimana fakta yang disebutkan di dalam buku *Kearifan Tradisional Lokal: Penyerapan Syari'at Islam Dalam Hukum Adat Aceh* menyatakan bahawa pada masa dahulu tidak ada anak Aceh yang tidak boleh baca al-Quran, tetapi kalau sekarang ada calon eksekutif atau legislatif Aceh yang gagal dalam *test* (ujian) al-Quran.<sup>66</sup>

Menurut penelusuran yang dilakukan oleh pengkaji, seperti wilayah Aceh bahagian timur yang mempunyai luas 6.040,60 Km<sup>2</sup>, hanya terdapat satu surau yang benar-benar mengajarkan ilmu Usul Fiqh secara mendalam, iaitu di daerah kampung Beusa yang terletak di daerah Peureulak yang diajarkan oleh seorang teungku terkemuka<sup>67</sup> di Aceh. Para pelajar yang terdiri daripada sedikit masyarakat awam dan majoriti adalah golongan teungku-teungku setempat yang berasal dari pelbagai penjuru di sekitar wilayah Aceh timur bahkan ada juga yang datang daripada wilayah Medan, yang mempunyai jarak 5 jam perjalanan dengan menggunakan bas menuju tempat pengajian. Pengajian Usul Fiqh itu biasanya diadakan dalam masa satu kali dalam masa

---

<sup>65</sup>Zulkifli (Seorang teungku di tingkat pengajian surau yang berada di bandar Langsa), dalam temubual dengan pengkaji, 24 Maret 2013.

<sup>66</sup>Rusjdi Ali Muhammad & Dedy Sumardi, *Kearifan Tradisional Lokal: Penyerapan Syari'at Islam Dalam Hukum Adat Aceh*, 31.

<sup>67</sup>Tgk.H.Muhammad Amin Mahmud (Tumin) Balang Blahdeh, pimpinan Dayah Blang Blahdeh Aceh Utara.

satu bulan.<sup>68</sup> Kitab yang dipelajari ialah *Sharḥ Ghāyat al-Wuṣūl* karangan *Sheikh al-Islām Abī Yaḥyā Zakariā al-Anṣārī*.

Demikianlah bentuk pengajian Usul Fiqh di Aceh yang terlaksana di surau masih wujud bahkan sangat jarang untuk ditemui. Sepatutnya pengajian Usul Fiqh di tingkat surau lebih diperbanyakkan walaupun ia merupakan ilmu yang sukar, namun bukan bererti kesukaran itu untuk ditinggalkan. Justeru kesukaran itu mesti lebih diperhatikan lagi sehingga ia pun menjadi rapat dan tidak asing.

### **2.3.1.2 Pengajian Usul Fiqh Di Sekolah Menengah**

Pengajian Usul Fiqh tidak ditawarkan pada peringkat SMP, namun ianya ditawarkan pada peringkat SMA yang berasaskan keagamaan, yang dikenal dengan istilah “Madrasah ‘Aliyah”. Madrasah sebagai salah satu bentuk lembaga pendidikan Islam, bukanlah asal dari Indonesia tetapi dari Timur Tengah yang berkembang sekitar abad ke-10M/11M. Madrasah didirikan sebagai tempat pemindahan nilai-nilai keilmuan Islam. Madrasah juga sebagai lembaga pendidikan formal seperti *kuttāb*.<sup>69</sup>

Kehadiran madrasah sekitar permulaan abad ke-20M di Indonesia, boleh dikatakan sebagai fenomena baharu bagi lembaga pendidikan Islam<sup>70</sup> kerana ianya merupakan lembaga pendidikan yang dimulai dari sistem pendidikan pondok yang mengalami perubahan dan pembaharuan dalam sistem dan kurikulumnya.<sup>71</sup> Hal ini dapat dilihat dari madrasah sebagai gabungan daripada dua sistem pendidikan yang

---

<sup>68</sup>Sufyan, (salah seorang teungku di Pondok “Darul Huda” Beurandang yang rutin mengikuti pengajian di surau Kp. Beusa) dalam temubual dengan pengkaji, 1April 2013.

<sup>69</sup>Fatikhah, *Pendidikan Islam Indonesia Pasca Politik Etis*, (cet. ke- 2, Yogyakarta: Gama Media,diterbitkan oleh STAIN Pekalongan Press, 2006), 84.

<sup>70</sup>*Ibid.*, 85.

<sup>71</sup>*Ibid.*, 87.

telah muncul sebelumnya, yaitu pondok dan sekolah. Lembaga yang ketiga ini (madrasah) adalah hasil perpaduan daripada dua sistem sebelumnya.<sup>72</sup>

Madrasah Aliyah yang terdapat di Aceh dapat dibahagikan kepada dua model. **Pertama**, dalam bentuk madrasah / sekolah biasa yang memiliki persamaan sistem dengan sekolah umum. Seperti yang dituliskan oleh Prof. Dr. H. Haidar Putra Daulay, dalam bukunya *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaruan pendidikan Islam di Indonesia* bahawa gambaran sistem madrasah itu, para siswa tidak mesti tinggal di kompleks madrasah, cukup sekadar mereka datang ke madrasah pada waktu berlangsungnya pengajian pada pagi hari atau petang. Demikian juga halnya tidak mesti ada masjid di lingkungan madrasah, sekalipun para siswa bermaksud melaksanakan solat, mereka boleh melaksanakannya di musola. Pengajian kitab-kitab klasik pun tidak diadakan di madrasah. Pelajaran-pelajaran yang akan diajarkan telah tercantum dalam daftar pelajaran yang diuraikan dari kurikulumnya.<sup>73</sup>

**Kedua**, Madrasah Aliyah dalam bentuk pondok moden atau istilah lain “pondok terpadu”. Pondok moden iaitu pondok yang berusaha mengintegrasikan secara penuh sistem klasik dan sekolah ke dalam sistem pendidikannya. Pengajian kitab-kitab kuning tidak lagi menonjol bahkan hanya sebagai pelengkap, dan berubah menjadi bidang pengajian.<sup>74</sup>

Pondok moden tersebut merupakan hasil daripada usaha yang dilakukan oleh para intelektual baik yang berasal dari pondok atau sekolah lain, untuk mengubah dua perkara iaitu sistem dan kurikulum pondok, untuk menjadikan lembaga ini sesuai

---

<sup>72</sup>Haidar Putra, *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaruan Pendidikan*, 56.

<sup>73</sup>*Ibid.*, 94.

<sup>74</sup>Fatikhah, *Pendidikan Islam Indonesia*, 83.

dengan keperluan dunia moden sejak tahun 1980an.<sup>75</sup> Sehingga pondok-pondok tersebut dapat mengkombinasikan antara ilmu umum dan ilmu agama. Kurikulum yang diguna pakai adalah mengikut sistem madrasah, yang ianya diajarkan pada pagi hari, manakala pada sebelah petang ia menggunakan kurikulum sistem pondok. Namun ianya tidak mengajarkan kitab-kitab yang lebih tinggi dan pembahasan juga tidak mendalam kerana masa yang terhad untuk belajar secara intensif sebagaimana yang dilakukan oleh pelajar di pondok salafi. Oleh itu, kualiti pengetahuan Islam yang dimiliki oleh pondok moden tidak memenuhi syarat untuk disebut sebagai seorang ulama.<sup>76</sup>

Jumlah sukatan ilmu Usul Fiqh yang diterima oleh pelajar bagi kedua-dua model Madrasah Aliyah tersebut pastinya berbeza. Seperti Madrasah Aliyah Negeri (madrasah yang mirip dengan sistem sekolah umum), secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa sukatan yang diterima berkenaan ilmu Usul Fiqh pada sekolah-sekolah tersebut masih sedikit kerana subjek tersebut tidak dipelajari dari tingkatan pertama, akan tetapi dipelajari ketika pelajar telah sampai pada tingkatan ketiga (tahun 3) dan hanya di jabatan keagamaan yang mendapat sedikit perhatian lebih terhadap subjek Usul Fiqh.<sup>77</sup>

Berbeza di sekolah tingkatan Madrasah Aliyah dalam bentuk pondok, subjek tersebut lebih mendapat perhatian. Selain memiliki kecukupan masa, visi dan misi pondok tersebut jelas mahu membentuk masyarakat yang lebih Islami. Oleh itu, subjek Usul Fiqh menjadi kurikulum di madrasah-madrasah tersebut bagi mewujudkan cita-cita masyarakat dalam mencetak pelapis ulama di kemudian hari. Di madrasah (pondok moden) ini pelajaran Usul Fiqh menjadi kurikulum pelajaran pondok sehingga ke semua

---

<sup>75</sup>Hasbi Amiruddin, *Menatap Masa Depan Pondok di Aceh*, 52.

<sup>76</sup>*Ibid.*, 53.

<sup>77</sup>Mahyuddin, (seorang ustaz di Madrasah Aliyah Negeri 2 Langsa, Aceh Timur), dalam temubual dengan pengkaji, 5 Januari 2013.

jurusan dan ke semua kelas mempelajari Usul Fiqh.<sup>78</sup> Namun demikian, bagi jabatan keagamaan, subjek Usul Fiqh lebih ditekankan perbahasannya. Metode pengajaran yang terlaksana adalah ceramah, diskusi dan soal jawab.

Dari keseluruhan maklumat yang diperoleh pengkaji, halangan yang dihadapi oleh pelajar di setiap sekolah disebabkan faktor lemahnya kemampuan bahasa Arab para pelajar. Terutama bagi pelajar di sekolah Madrasah Aliyah Negeri (MAN) yang menguasai ilmu bahasa Arab hanya sedikit di dalam kelas, berbeza dengan pelajar Madrasah Aliyah di sekolah-sekolah pondok moden, yang mewajibkan penggunaan bahasa Arab dan Inggeris sebagai bahasa komunikasi seharian, sehingga membuatkan mereka lebih mudah memahami kaedah-kaedah Usul Fiqh yang terdapat dalam sukatan pelajaran. Seperti yang dituturkan oleh Azhari<sup>79</sup> kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab membuatkan mereka sulit memahami kaedah-kaedah yang terdapat dalam ilmu Usul Fiqh, sebagai contoh kalimah *amar* (perintah), bagaimana mereka hendak memahami amar itu sama ada menunjukkan wajib atau sunnah, sedangkan kalimah amar itu sendiri mereka tidak mengenalinya apabila mereka membaca ayat al-Quran mahupun hadits Nabi.

### **2.3.1.3 Pengajian Usul Fiqh di Institusi-institusi Pengajian Tinggi**

Di Aceh mahupun di seluruh wilayah Indonesia, lembaga atau Institusi-institusi Pengajian Tinggi yang menawarkan kurikulum Usul Fiqh hanyalah lembaga-lembaga yang menawarkan kursus Pengajian Islam, antaranya seperti Universiti Islam Negeri (UIN), Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri

---

<sup>78</sup>Hasyimi (seorang Ustaz di Pesantren Moden Madrasah Ulumul Qur'an Pondok Bustanul Ulum Langsa), dalam temubual dengan pengkaji, 8 Januari 2013.

<sup>79</sup>Azhari (Seorang guru bidang pengajian fiqh dan usul fiqh di Sekolah Madrasah Aliyah Negeri Peureulak Aceh Timur), dalam temubual dengan pengkaji, 12 Februari 2013.

(STAIN) dan beberapa lainnya yang tidak tergolong dalam perguruan tinggi besar. Namun setakat ini, di Aceh baru memiliki satu lembaga atau institut yang disebut UIN yang berada di Banda Aceh yang merupakan bandar daripada negeri Aceh sendiri yang baru mendapat perubahan status dari sebelumnya IAIN ar-Raniry Banda Aceh kini telah menjadi UIN ar-Raniry Banda Aceh.

Kemudian terdapat tiga lembaga yang disebut STAIN, iaitu STAIN Malikussaleh yang berada di negeri Aceh bahagian Utara, STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa yang berada di negeri Aceh bahagian Timur dan STAIN Gajah Putih Takengon yang berada di negeri Aceh bahagian Tengah serta beberapa lembaga pengajian tinggi lainnya yang masih tergolong dalam lembaga-lembaga kecil yang merupakan cabang daripada lembaga-lembaga STAIN yang ada di Aceh.

Pengkaji akan memberikan gambaran berkenaan pelaksanaan pengajaran Usul Fiqh yang dijalankan di lembaga-lembaga tersebut, seperti UIN ar-Raniry Banda Aceh, UIT (Universiti Islam Tamiang) di Kuala Simpang yang merupakan perguruan tinggi swasta dan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa yang merupakan skop tujuan daripada penelitian dalam disertasi ini, yang dapat mewakili keseluruhan institut pengajian tinggi yang ada di Aceh. Pengajian Usul Fiqh yang terlaksana di pengajian tinggi Islam di Aceh dibahagikan kepada tiga tingkatan, iaitu Usul Fiqh I, Usul Fiqh II dan Usul Fiqh III yang ianya mengikuti tingkatan semester pelajar. Kurikulum yang diguna pakai di istitusi pengajian tinggi di Aceh iaitu:

1. Usul Fiqh I, diajarkan pada pelajar tingkatan semester I dengan kandungan materi berupa pengenalan ilmu Usul Fiqh yang mencakupi pengertian, objek kajian Usul Fiqh, sejarah perkembangan Usul Fiqh. Kemudian pembahasan memasuki kepada



pengenalan sumber-sumber hukum Islam seperti al-Quran, Sunnah, Ijmak, Qiyās dan lain sebagainya dan penjelasan berkenaan ijihad.

2. Usul Fiqh II, sukatan ini akan diajar pada semester II di perguruan Tinggi STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa. Manakala di perguruan Tinggi UIN ar-Raniry Banda Aceh, sukatan berkenaan akan diajar pada pelajar semester IV.<sup>80</sup> Pengambilan subjek Usul Fiqh II tersebut tidak diwajibkan pada semua jabatan sebagaimana pengambilan Usul Fiqh I yang diwajibkan pada semua jabatan. Sukatan yang terkandung dalam subjek Usul Fiqh II merangkumi pengenalan dan pemahaman bentuk atau kandungan lafaz al-Quran, dan juga pembahasan sumber-sumber hukum yang mencakupi hukum syar‘i, hukum taklifi, dan hukum wadh‘i.
  
3. Usul Fiqh III, adapun pengambilan sukatan subjek ini lebih dikhususkan lagi, iaitu hanya bagi pelajar Fakulti Syariah seperti pelajar semester V di Perguruan Tinggi STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa dan pelajar semester VI pada Perguruan Tinggi UIN ar-Raniry Banda Aceh. Manakala di fakulti selain daripada Fakulti Syariah tidak lagi diwajibkan mengambil subjek tersebut. Kandungan sukatan Usul Fiqh III tersebut di antaranya membahas berkenaan istinbat hukum, konsep maqāṣid shāri‘ah, konsep Qā’idah Fiqhiyyah, sumber-sumber hukum yang diperselisihkan seperti maṣlahah mursalah, istiṣhāb, istiḥsān dan sebagainya.

Bahan rujukan yang diguna pakai pada umumnya seperti *Usul Fiqh* Muhammad Abu Zahrah yang telah diterjemahkan dalam bahasa Indonesia, *Usul Fiqh* Amir Syarifuddin, terjemahan *Ilmu Uṣūl al-Fiqh* Abdul Wahab Khallaf, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* Wahbah Duhaylī, *al-Muwāfaqāt al-Shāṭibī*, *Jam’u al-Jawāmi’ al-Subkī*, *Irshād*

---

<sup>80</sup>Tim Revisi Buku Panduan Program S-1 Dan D-3 IAIN ar-Raniry Tahun Akademik 2012/2013.

*al-Fuhūl al-Shawkānī* dan masih banyak lagi buku-buku Usul Fiqh dalam bahasa Arab lainnya yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia.

Pengajian Usul Fiqh merupakan subjek yang berada di bawah kelolaan seluruh jabatan yang disediakan oleh lembaga perguruan tinggi Agama Islam. Namun sukatan yang diperoleh setiap fakulti dan jabatan adalah tidak sama. Hanya fakulti Syariah yang mendapat sukatan paling banyak memandangkan Usul Fiqh adalah bahagian yang penting daripada ilmu syari'ah .

Tenaga pengajar yang mengajar subjek Usul Fiqh pada perguruan tinggi memiliki kelulusan akademik serta pengalaman mengajar yang berbeza-beza. Di Aceh masih kurang ditemui pakar ahli Usul Fiqh yang menyandang status Doktor. Manakala di perguruan tinggi di Aceh kini sedang mengupayakan untuk menetapkan penerimaan pensyarah yang berkelayakan sekurang-kurangnya Ijazah Master.

#### **2.3.1.4 Pengajian Usul Fiqh di Pondok**

Di Aceh terdapat banyak sekali pondok, mulai dari pondok yang kecil sehingga pondok yang besar yang dipimpin oleh seorang alim ulama yang memiliki karismatik tersendiri. Pondok di Aceh dikenal dengan istilah 'dayah' yang merupakan lembaga pendidikan tertua di Aceh. Di Jawa pula dikenal dengan istilah 'pesantren'. Di sini pengkaji mengambil sampel beberapa pondok yang terdapat di Aceh, iaitu Pondok Bustanul Huda (Pondok Paya Pasi)<sup>81</sup>, Pondok Darul Huda (Pondok Lhok Nibong)<sup>82</sup> dan Pondok

---

<sup>81</sup>Bustanul Huda atau lebih dikenal dengan Pondok Paya Pasi, didirikan oleh Teungku Muhammad Ali atau kerap dipanggil Abu Paya Pasi, merupakan seorang ulama karismatik di Aceh. Pondok tersebut terletak di Alue Cekdoi, Kecamatan Julok, Aceh Timur. Dengan jumlah santri +- 1.250 santri tetap dan ratusan santri lainnya yang hanya mengikut pengajian satu kali dalam satu minggu.

<sup>82</sup>Pondok Darul Huda, yang secara resmi berdiri pada tahun 1976, sebagai pimpinan Teungku Muhammad Daud Ahmad ( Abu Lueng Angen), masih hingga ke sekarang. Pondok tersebut terletak di negeri Aceh bahagian Utara, dengan jumlah murid sekarang ini +- 2.000 santri.

Bustanul Ulum Teungkop.<sup>83</sup> Metode pengajaran di pondok pada dasarnya dengan oral dan metode hafalan.<sup>84</sup> Seorang guru atau istilah di Aceh dengan sebutan ‘teungku’ akan duduk di hadapan pelajar dan membaca serta menjelaskan isi kandungan kitab kemudian mengulangnya beberapa kali hingga pelajar benar-benar memahami dan dapat mengulang tanpa panduan ‘teungku’ lagi.

Pengajian pondok sangat menekankan kepada pemahaman dan penguasaan yang mendalam terhadap ilmu-ilmu agama yang bersumberkan kepada kitab-kitab klasik. Sasarannya adalah memastikan seorang pelajar yang berkelulusan pondok dapat memahami pelbagai subjek agama dengan kemampuan merujuk kepada kitab-kitab klasik.<sup>85</sup> Kitab-kitab klasik yang diajarkan di pondok lebih masyhur dengan istilah ‘kitab kuning’. Kitab-kitab klasik yang diajarkan di pondok dapat digolongkan kepada lapan kelompok; nahu/sharaf, fekah, usul fiqh, hadits, tafsir, tauhid, tasawuf dan akhlak, serta cabang-cabang ilmu yang lain seperti tarikh dan balaghah.<sup>86</sup>

Semua kitab yang diajarkan di pondok-pondok yang terdapat di Aceh berdasarkan kepada karya-karya besar Imam al-Shāfi‘ī. Karya-karya tersebut menggunakan bahasa Arab klasik<sup>87</sup> kemudian akan dijelaskan dengan menggunakan bahasa Aceh dan bahasa Indonesia, memandangkan para pelajar merupakan masyarakat Aceh asli atau pendatang yang sedikit sebanyak sudah boleh komunikasi dalam bahasa Aceh. Antara karya lain juga adalah kitab-kitab jawi hasil karya ulama-ulama daripada Aceh, Fathani, Banjar dan sebagainya dalam bentuk tulisan jawi yang biasanya

---

<sup>83</sup>Pondok Bustanul Ulum, sebagai pimpinan Teungku Isma’il ibn Abdullah, pondok tersebut berada di Jl. Caleue- Keubang Tungkop, kec. Indra Jaya, Siglie Kab. Aceh Pidie, dengan jumlah santri +- 300 orang.

<sup>84</sup>Hasbi Amiruddin, *Menatap Masa Depan Pondok di Aceh*, 50.

<sup>85</sup>Haidar Putra, *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaruan Pendidikan*, 68.

<sup>86</sup>*Ibid.*, 64.

<sup>87</sup>Hasbi Amiruddin, *Menatap Masa depan Pondok di Aceh*, 52.

diajarkan di peringkat dasar. Pengajaran akan diberikan secara mendalam. Beberapa pondok dan ulama menggunakan media tarekat sebagai metode pendidikan pelajar dan masyarakat sekitar.<sup>88</sup>

Sistem pendidikan pondok tidak memiliki penilaian khusus sehingga pelajar lulusan pondok tidak memiliki ijazah. Sesuai dengan tujuan pondok yang memberikan penekanan penting dalam menuntut ilmu iaitu keikhlasan; menuntut ilmu bukan untuk mencari pangkat dan kedudukan dan bukan untuk mencari harta. Oleh itu, ijazah dalam erti kata tanda lulus ujian akhir, yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk digunakan mencari pekerjaan, tidak begitu dipentingkan.<sup>89</sup> Pelajar dinilai dan diukur berdasarkan kitab yang mereka baca.<sup>90</sup> Lamanya masa pembelajaran di pondok juga tidak dihadkan, sehingga terdapat pelajar yang belajar dalam tempoh satu tahun, tiga tahun, 10 tahun, 12 tahun bahkan 20 tahun.

Pondok merupakan pendidikan asli produk masyarakat Aceh sendiri, walaupun ruhnya berasal dari sistem pengajian Nabi Muhammad SAW di Masjid Madinah di awal Islam.<sup>91</sup> Pendidikan pondok di peringkat rendah kebiasaannya diajar oleh pelajar di peringkat menengah yang dianggap mahir. Begitu juga pelajar di tingkat menengah akan diajarkan lagi oleh pelajar di tingkat atasnya yang juga dianggap mahir, dan itu semua atas tunjuk Teungku Chik (pimpinan pondok tersebut). Manakala untuk pelajar-pelajar yang berada di tingkat atas, akan diajarkan langsung oleh Teungku Chik (pimpinan pondok tersebut).

---

<sup>88</sup>Edy Mulyana, *Aceh Menembus Batas*, (Banda Aceh: Badan Perpustakaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, 2007), 157.

<sup>89</sup>Haidar Putra, *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaruan Pendidikan*, 71.

<sup>90</sup>*Ibid.*, 67.

<sup>91</sup>Hasbi Amiruddin, *Menatap Masa Depan Pondok di Aceh*, 16.

Untuk pengajian Usul Fiqh di pondok-pondok Aceh, kitab yang dipelajari yaitu *Ḥāshiyah al-Dimmiyāt ‘alā sharḥ al-Waraqāt* atau dikenal dengan kitab “*waraqāt*”, karangan *syekh Aḥmad ibn Muḥammad al-Dimmiyāt* syarah dari kitab *waraqāt fī uṣūl al-fiqh* milik *Imam Jalāluddīn al-Maḥallī*. Yang dibantu dengan kitab *al-Nuḥḥat* syarah dari kitab *waraqāt* karangan *Syeikh Aḥmad ibn ‘Abd al-Laṭīf* sebagai pelengkap.<sup>92</sup> Kemudian pada tingkat berikutnya dilanjutkan dengan kitab *Laṭāif al-Ishārah* karangan *Syeikh ‘Abd al-Ḥamīd Ibn Muḥammad*.

Pengajian di pondok lebih menitikberatkan kepada kajian kitab-kitab Fiqh, sehingga jam kredit bagi kitab Fiqh lebih banyak berbanding kajian kitab lain. Seperti di Pondok Paya Pasi dan Pondok Bustanul Huda Tungkop, pengajian Usul Fiqh bermula pada tingkat III hingga tingkat akhir.<sup>93</sup> Bagi pelajar pondok sendiri, pengajian Usul Fiqh merupakan kajian yang sukar sehingga tidak semua pelajar dapat menyerap ilmu tersebut dengan mudah. Hanya pelajar yang memiliki kemampuan dan minat belajar yang tinggi yang dapat menguasai ilmu tersebut dengan cepat.<sup>94</sup>

---

<sup>92</sup>Yanti (seorang alumnus tingkat 12, dari Pondok Darul Huda Lhok Nibong Aceh Utara), dalam temubual dengan pengkaji, 1 April 2013.

<sup>93</sup>Muthi’ah (seorang pengajar di Pondok Paya Pasi Aceh Timur) dalam temubual dengan pengkaji, 19 Maret 2013 Dan Temubual dengan Tgk Masyithah, seorang pengajar di Pondok Bustanul Ulum Teungkop, 20 Desember 2012.

<sup>94</sup>*Ibid.*

## **Kesimpulan**

Pelaksanaan pengajian Usul Fiqh di Aceh masih lagi dijalankan dan boleh ditemui di pondok, pondok moden, madrasah aliyah, perguruan tinggi agama dan pengajian surau. Namun, tidak ramai yang berminat untuk mempelajarinya berbanding dengan ilmu fiqh, akhlak, tauhid dan lainnya. Pengajian Usul Fiqh memerlukan perhatian yang lebih daripada semua pihak seperti kerajaan, para alim ulama Aceh dan masyarakat awam.

Bagi pengajian di surau, sepatutnya perlu diberikan keutamaan khusus untuk mengajak lebih ramai para pelajar mengikutinya kerana mereka adalah pelapis generasi bangsa dan agama. Usia remaja adalah usia yang sesuai untuk mempelajari ilmu Usul Fiqh, kerana pada usia tersebut mereka telah mampu memahami permasalahan semasa yang berlaku dan kemudian mengaplikasikan ilmu tersebut sehingga berjaya mengeluarkan satu penjelasan dan penetapan hukum dengan baik. Walau bagaimanapun, pengajian di surau semakin kurang diminati oleh remaja sebaliknya disemarakkan oleh kanak-kanak dan orang tua, sedangkan ilmu Usul Fiqh agak sukar untuk dipelajari oleh mereka yang majoriti tidak mempunyai latar belakang pendidikan asas (agama dan Usul Fiqh) bagi membantu untuk memahaminya dengan mudah.

Begitu pula pengajian Usul Fiqh di sekolah-sekolah menengah dan pondok moden terutama dari segi kurikulum, masih banyak perlu diperbaiki dan dipantau dari semasa ke semasa sehingga para pelajar dapat memahami asas-asas ilmu tersebut dan akan memudahkan mereka ketika mencari dan mengembangkannya di perguruan tinggi. Bagi pelajar pondok pula, kurikulum yang sedia ada telah memenuhi matlamat pengajian Usul Fiqh, namun sasaran objektif bagi setiap pelajar belum tercapai sepenuhnya sebagaimana yang diharapkan. Semua itu dipengaruhi oleh minat dan

kemampuan pelajar yang masih perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh semua pihak khususnya para teungku setempat.

## **BAB III**

### **PENGENALAN SEKOLAH TINGGI AGAMA ISLAM NEGERI (STAIN) ZAWIYAH COT KALA LANGSA DAN PELAKSANAAN PENGAJIAN USUL FIQH**

#### **3.1 Pendahuluan**

Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala merupakan satu lembaga Pendidikan Tinggi di bawah Jabatan Agama Republik Indonesia, yang terdapat di Aceh yang merupakan lembaga Pendidikan Tinggi Agama Islam ketiga ternama setelah UIN ar-Raniry Banda Aceh dan STAIN Malikussaleh Lhokseumawe. Ia merupakan salah satu lembaga pendidikan Islam yang menjadi acuan masyarakat tempatan bagi meneruskan pendidikan ke tahap selanjutnya setelah menamatkan sekolah tingkat menengah ke atas khususnya dalam bidang agama.

Dari semasa ke semasa STAIN Zawiyah Cot Kala terus melakukan perubahan dalam pelbagai perkara bagi meningkatkan mutu pendidikan yang diperlukan masyarakat dan perkembangan semasa. Usahanya dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti terlihat jelas dari pelbagai aspek yang sedang dijalankan. Usaha memperluas dan penambahan gedung-gedung sedang terlaksana bagi memberi kepuasan dalam menjalankan kegiatan proses belajar dan mengajar. Penganjuran seminar juga kerap dijalankan bagi meningkatkan mutu pelajar dan para pensyarah. Pengiriman para pensyarah dan kaki tangan akademik ke luar negeri mahupun luar negara dalam rangka melanjutkan pengajian juga kerap dijalankan untuk penambahan bilangan tenaga pensyarah yang berkelulusan Master dan PHD serta meningkatkan jawatan kaki tangan



ke satu tahap lebih baik. Jumlah pelajar pada setiap tahun mengalami peningkatan, itu terlihat jelas dari grafik angka kemasukan pelajar dari masa ke masa.

### **3.2 Sejarah Latar Belakang Penubuhan Perguruan Tinggi Zawiyah Cot Kala Langsa**

Sejarah awal penubuhan Perguruan Tinggi Agama Islam Zawiyah Cot Kala merupakan idea gagasan hasil daripada seminar Sejarah Islam di Rantau Pertamina Kuala Simpang. Cadangan awal penubuhan Perguruan Tinggi Zawiyah Cot Kala tersebut disuarakan oleh masyarakat tempatan bahawa perlunya mewujudkan sebuah Institusi Pengajian Tinggi di negeri Aceh bahagian Timur. Kemunculannya di tengah-tengah masyarakat merupakan reaksi terhadap aspirasi masyarakat yang merindukan kehadiran pendidikan tinggi yang berasaskan Islam yang mampu merefleksikan dan mempersembahkan dunia keagamaan yang begitu kental di Aceh.<sup>95</sup>

Penubuhan Perguruan Tinggi Zawiyah Cot Kala, dirasai sangat tepat, sebab memberi peluang kepada masyarakat tempatan daripada lulusan sekolah agama untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, tanpa perlu ke luar bandar yang menempuh jarak yang jauh, memandangkan luas negeri Aceh yang sangat luas sehingga menyukarkankan masyarakat yang tinggal jauh dari lokasi perguruan-perguruan tinggi yang sedia ada untuk pergi menuntut ilmu.

Dengan wujudnya perguruan tinggi di tempat tersebut, telah memberi solusi bagi mempermudah masyarakat untuk menimba ilmu pengetahuan agama ke peringkat

---

<sup>95</sup>Marzuki Hamid et al., *Dinamika Perkembangan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa (1980-2011)*, (Langsa, 2011). 100.

yang lebih tinggi. Sebagaimana yang dituturkan oleh Ust. Jamil Hanafiah, kehadiran STAIN Zawiyah Cot Kala dianggap sebagai pewarisan budaya dan sebagai lanjutan jenjang pendidikan pondok yang lebih banyak mempelajari subjek keagamaan.<sup>96</sup> Penisbahan nama Zawiyah Cot Kala pada perguruan tinggi ini bertujuan untuk menghidupkan kembali Zawiyah Cot Kala sediakala yang ketika itu merupakan satu-satunya lembaga pendidikan tinggi terbesar dan tertua di Asia Tenggara sekitar tahun 258H, yang telah memberi kejayaan dalam ilmu pengetahuan agama khususnya di Aceh dan di seluruh Asia Tenggara secara umumnya.

Pemilihan Langsa sebagai tempat berdirinya perguruan tinggi Zawiyah Cot Kala tersebut dimaksudkan untuk menghidupkan kembali kebesaran lembaga Tinggi Islam pertama yang pernah ada pada masa dahulu. Nama Zawiyah Cot Kala belum digunakan oleh lembaga-lembaga pendidikan Islam yang ada di Aceh sehinggalah tertubuhnya Institut Agama Islam Zawiyah Cot Kala Langsa yang terletak tidak jauh dari tempat asal.<sup>97</sup> Dengan wujudnya perguruan tinggi Agama Islam di daerah tersebut akan lahir generasi intelektual yang mempunyai moral kerana kehadirannya akan memberi prioriti utama ilmu pada bidang pembinaan mental dan spiritual dalam masyarakat sehingga menumbuhkan kembali kekuatan kesatuan umat Islam di kepulauan melayu, kerana dasar utama dari semangat kesatuan itu terbit di Peureulak dan akan bersinergi dengan semangat persatuan nasional.<sup>98</sup>

---

<sup>96</sup>*Ibid.*, 92.

<sup>97</sup>*Ibid.*, 106.

<sup>98</sup>Buku *Panduan Akademik Tahun 2012/2013 STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa*, 3.

Kewujudan perguruan tinggi Zawiyah Cot Kala ini dipelopori oleh M. Hasan ZZ, BA (yang kala itu menjabat sebagai Kakandepag<sup>99</sup> Aceh Timur), Drs. T. M. Arifin Amin, Drs. Azhar Zakaria<sup>100</sup> (ketua MAN ketika itu), H. Zainuddin Saman, dan Drs. Idris Harahap.

Sejarah perjalanan STAIN Zawiyah Cot Kala dapat dikelompokkan kepada tiga fasa. **Pertama fasa** di mana awal pembentukannya menggunakan nama Institut Agama Islam (IAI) Zawiyah Cot Kala. Adapun **fasa kedua** iaitu setelah berubah status daripada IAI menjadi Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Zawiyah Cot Kala. Dan **fasa ketiga** pula ialah fasa di mana STAI telah menjadi sekolah tinggi yang berada di bawah kerajaan Indonesia sehingga dari STAI menjadi STAIN (Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri) Zawiyah Cot Kala Langsa.

Semasa perasmian penubuhannya pada tahun 1980, IAI Zawiyah Cot Kala telah dipimpin oleh Drs. Arsyad Husen sebagai rektor selama 21 tahun (1980-2001), kemudian disusuli oleh Drs. H. Ibrahim Daud (2002-2006), Dr. Amirul Hadi, MA (2007) kemudian berpindah kepada, Dr. H. Zulkarnaini, MA (2007-sekarang ). Pada awal penubuhannya dalam bentuk Lembaga Institut Agama Islam (IAI) Zawiyah Cot Kala telah terdiri dari tiga fakulti, iaitu Fakulti Tarbiyah, Fakulti Syariah dan Fakulti Dakwah.<sup>101</sup>

Pengaktifan kuliah perdana dimulakan pada tarikh 14 Oktober 1980 dan hanya dirasmikan dua fakulti sahaja iaitu Fakulti Tarbiyah dengan membuka jurusan

---

<sup>99</sup>Kepala Kantor Departemen Agama

<sup>100</sup>Telah almarhum pada tarikh 14 July 2013 dan pengkaji telah mempunyai kesempatan untuk temuduga sebelumnya.

<sup>101</sup>Buku *Panduan Akademik*, 1.

Pendidikan Agama Islam (PAI) dan Fakulti Dakwah dengan membuka Jurusan Penerangan Agama. Awal mula pembentukannya bertempat di Madrasah Ibtidaiyyah Negeri (MIN) Pilot Proyek Langsa. Manakala Fakulti Syariah, disebabkan tidak ada pelajar ketika itu<sup>102</sup> dan sedikit sekali permintaannya, akhirnya operasinya terhenti. Oleh sebab ianya memiliki dua fakulti sahaja, maka bentuk IAI pada lembaga tersebut tidak dapat dipertahankan, kerana untuk menjadi IAI mestilah memiliki minimal tiga fakulti, mengikut kepada peraturan penubuhan lembaga pendidikan tinggi. Sehingga tahun 1997 Institut Agama Islam (IAI) Zawiyah Cot Kala berubah bentuk menjadi Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Zawiyah Cot Kala.<sup>103</sup>

Kemajuan yang berlaku di STAI Zawiyah Cot Kala sama ada dari segi kualiti mahupun kuantiti, sejak tahun 2000 lembaga ini mendapat peningkatan status menjadi status diakui berdasarkan keputusan Direktur Jendral Pembinaan Kelembagaan Agama Islam Departemen Agama Republik Indonesia Nombor: E/36/2000 tarikh 20 Mac 2000, yang memiliki dua jurusan iaitu Pendidikan Agama Islam (PAI) dan jurusan Komunikasi dan Penyiaran Islam. Sejak tahun 2001, STAI Zawiyah Cot Kala Langsa berupaya mengembangkan lembaga dengan membuka Program Diploma Dua (D-II) Jurusan Guru Pendidikan Agama Islam (GPAI) dan Jurusan Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyyah (PGMI).<sup>104</sup>

Dari awal penubuhan hingga ke tahun 2001, STAI Zawiyah Cot Kala masih belum memiliki bangunan sendiri sehingga dari satu tempat pindah ke tempat lain dengan menumpang di sekolah-sekolah seperti Madrasah Ibtidaiyyah Negeri (MIN)

---

<sup>102</sup> Azhar Zakaria (Salah seorang pelopor penubuhan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa), dalam temubual dengan pengkaji, 4 Maret 2013.

<sup>103</sup> Hamid et al., *Dinamika Perkembangan STAIN Zawiyah Cot Kala*, 87.

<sup>104</sup> *Ibid.*

Pilot Proyek Langsa, Madrasah Aliyah Negeri Langsa dan juga Akademi Kebidanan (AKBID) Bustanul Ulum Langsa dan berakhir pada tahun 2002 kerana telah memiliki bangunan sendiri di Meurandeh (alamat sekarang).<sup>105</sup> Melalui perkembangan yang terjadi sehingga pada tahun 2006 STAI Zawiyah Cot Kala telah berubah status menjadi Sekolah Tinggi yang berada di bawah Kerajaan Indonesia dan pada saat itu STAI Zawiyah Cot Kala berada di bawah kepemimpinan Drs. H. Ibrahim Daud atau lebih dikenal dengan panggilan Pak IBDA.

Akhirnya sehingga hari ini, STAIN Zawiyah Cot Kala telah dan terus mengalami perkembangan sama ada dari sudut penambahan jurusan yang merancang untuk membuka jurusan tafsir mahupun dari sudut pembinaan gedung yang lebih layak. Semasa kajian ini dilakukan, masih terdapat bangunan baharu yang dibina sama ada bangunan untuk menampung keperluan pelajar yang semakin meningkat, mahupun bangunan masjid baharu untuk menggantikan surau yang selama ini tidak dapat menampung jumlah jamaah yang ramai. Diharapkan STAIN Zawiyah Cot Kala untuk masa hadapan akan dapat setaraf dengan IAIN-IAIN, UIN bahkan Universiti Islam terkemuka di dunia.

### **3.3 Lokasi**

STAIN Zawiyah Cot Kala berada sedikit agak jauh dari pusat bandar, sehingga ianya dapat memberi ketenangan dan keselesaan bagi pelajar dalam menjalankan aktiviti belajar. Kawasan tersebut dikelilingi hutan dan tanah-tanah lapang yang masih sunyi daripada pembangunan tempat tinggal masyarakat sekali gus memberi peluang yang lebih besar kepada STAIN untuk memperluas kawasannya dari semasa ke semasa.

---

<sup>105</sup> Azhar Zakaria, dalam temubual dengan pengkaji, 4 Maret 2013.

STAIN Zawiyah Cot Kala beralamatkan di jalan Meurandeh, Bandar Langsa, Provinsi Aceh.

### **3.4 Visi dan Misi serta Objektif Penubuhan<sup>106</sup>**

#### **- Visi**

Menjadikan Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala Langsa sebagai salah satu lembaga pusat pendidikan pengembangan ilmu pengetahuan agama Islam Unggulan dalam mengaktualisasikan syariat Islam.

#### **- Misi**

STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa dalam pengaplikasian objektif penubuhannya di tengah-tengah masyarakat mempunyai beberapa misi iaitu:

- a. Melakukan kegiatan transfer ilmu pengetahuan ke-Islaman secara mendalam dengan penekanan pada peningkatan kualiti pendidikan dan pengajaran pendidikan tinggi.
- b. Melakukan kegiatan pengembangan ilmu pengetahuan ke-Islaman dalam bentuk pendidikan penelitian dan pengabdian pada masyarakat.
- c. Melaksanakan pengabdian kepada masyarakat dalam rangka melaksanakan Tri Dharma Perguruan Tinggi.
- d. Menciptakan lingkungan pendidikan dan pengajaran yang mampu melahirkan sarjana yang professional dan siap pakai pada masa hadapan.
- e. Melakukan pelbagai kegiatan dalam upaya mensosialisasikan syariah Islam dalam pelbagai aspek kehidupan secara kaffah.
- f. Upaya menciptakan Provinsi Aceh sebagai daerah yang melaksanakan Syariat Islam dalam segenap aspek kehidupan masyarakat.

---

<sup>106</sup>Buku Panduan Akademik, 3-4.

#### - **Objektif Penubuhan:**

Penubuhan STAIN Zawiyah Cotkala Langsa bertujuan untuk menyiapkan pelajar agar menjadi anggota masyarakat yang memiliki kemampuan akademik dan profesional yang dapat menerapkan, mengembangkan dan mencipta ilmu pengetahuan agama Islam, ilmu pengetahuan dan teknologi, serta seni yang dijiwai oleh nilai-nilai ke-Islaman khususnya bagi masyarakat tempatan, kerana sampai saat STAIN ini didirikan, belum wujud satu pun perguruan tinggi Agama di kawasan tersebut sehingga saat itu dirasakan perlunya mewujudkan satu pusat perguruan tinggi Agama bagi memudahkan masyarakat tempatan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi setelah sebelumnya menamatkan sekolah menengah tanpa perlu keluar bandar.<sup>107</sup>

Kehadiran STAIN Zawiyah Cot Kala diharapkan dapat mengembangkan dan menyebarkan ilmu agama Islam, ilmu pengetahuan dan teknologi, serta seni yang dijiwai oleh nilai-nilai ke-Islaman, dan mengupayakan penggunaannya untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat dan memperkayakan kebudayaan nasional dengan ramainya masyarakat yang mempelajari ilmu-ilmu agama pada tahap yang lebih tinggi.

### **3.5 Organisasi**

Untuk kelancaran dan kemudahan menjalankan suatu sistem perlembagaan perlu dibentuk satu organisasi yang menyokong penuh dengan segenap daya dan upaya dalam menjalankan tugas-tugas untuk mencapai matlamat yang dicita-citakan. Sejak ditubuhkan dan masih dalam bentuk lembaga IAI hingga tahun 1996 sebagai Rektor

---

<sup>107</sup> Azhar Zakaria, dalam temubual dengan pengkaji, 4 Maret 2013.

Drs. Arsyad Husen, sampai berganti menjadi STAI (STAIN) telah mengalami beberapa masa kepemimpinan. Adapun pada bab III ini pengkaji hanya akan mendedahkan carta organisasi tempoh masa 2011-2015 (sekarang). Adapun carta organisasi kepemimpinan masa sebelumnya pengkaji lampirkan pada bahagian akhir disertasi ini.

### **3.5.1 Unsur Kepemimpinan Lembaga Stain Zawiyah Cot Kala Langsa Tempoh Masa 2011-2015 (Sekarang).<sup>108</sup>**

STAIN Zawiyah Cot Kala diketuai oleh seorang pengetua dan disertai tiga orang pembantu pengetua yang masing-masing memiliki tugas dan fungsi membantu dan mengiringi ketua dalam melaksanakan tugas-tugasnya.

#### **1. Unsur Pimpinan**

- Ketua : Dr. H. Zulkarnaini, MA
- Timbalan Ketua Bidang Akademik : Drs. H. Basri Ibrahim, MA
- Pgs. Pembantu Ketua Bidang Adm. Umum : Iqbal, S.Ag. M.Pd
- Pembantu Bidang Kemahasiswaan : Drs. Zainuddin, MA

#### **2. Unsur Pelaksana**

##### **i. Fakulti Tarbiyah**

- Ketua Fakulti : Dra.Hj.Purnamawati, M.Pd
- Setiausaha Fakulti : Zainal Abidin, MA
- Ketua Jurusan Pendidikan Agama Islam (PAI) : Amiruddin, MA
- Ketua Jurusan Pend. Bahasa Arab : Mohd. Nasir, MA
- Ketua Jurusan Bahasa Inggeris : Cut Intan Meutia, MA
- Ketua Jurusan Matematik : Yenny Suzanna, M.Pd

---

<sup>108</sup>Buku Panduan Akademik, 5.



**ii. Fakultas Syariah**

- Ketua Fakultas : Drs. H. Abdullah AR, MA
- Setiausaha Fakultas : Ismail Fahmi Arrauf Nst, MA
- Ketua Jurusan Muamalat : Abdul Hamid, MA
- Ketua Jurusan Ahwal asy-Syakhsiyah : Drs. Nawawi Marhaban

**iii. Fakultas Dakwah**

- Ketua Fakultas : Drs. H. Zakaria AB, MM
- Setiausaha Fakultas : Samsuar, MA
- Ketua Jurusan Komunikasi dan Penyiaran Islam : Ismail Sulaiman, M.Mar.Com

**iv. Pusat Penelitian Dan Pengabdian Kepada Masyarakat**

- Ketua Pusat Penelitian : Junaidi, MA

**v. Bahagian Pentadbiran**

- Ketua Bahagian Pentadbiran, Akademik Kewangan dan Umum (ADM AKU) : Drs. Islahul Umam
- Ketua Sub Bahagian Umum : Yusmami, MA
- Ketua Sub Bahagian Kepegawaian dan Kewangan : Muhibuddin, S.Ag
- Ketua Sub Bahagian Akademik dan Kemahasiswaan : Anwar, S.Ag

**vi. Unsur Penunjang**

- Ketua Lab. Bahasa : Muhaini, MA
- Ketua Unit Bahasa : Budi Juliandi, MA
- Ketua Unit Perpustakaan : Drs. Razali Mahmud, MM
- Ketua Unit Komputer : Rudi Iswadi, S.Sos.I

Selain organisasi kakitangan atau pendidik, STAIN Zawiyah Cot Kala juga mempunyai lembaga organisasi bahagian atau ruang lingkup pelajar, yang terdiri daripada sekumpulan pelajar itu sendiri dan bertanggungjawab penuh kepada ketua STAIN Zawiyah Cot Kala.

**3.5.2 Bahagian Organisasi Pelajar:<sup>109</sup>**

Dengan terbentuknya organisasi bahagian pelajar akan sangat membantu bahagian pentadbiran kampus untuk lebih mudah mengkoordinasi suatu sistem pentadbiran yang lebih terarah. Berikut beberapa organisasi bahagian pelajar yang terdapat di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa:

**1. PEMA (Pemerintahan Mahasiswa)**

a. Tugas Utama:

Mewakili mahasiswa Sekolah Tinggi, mengkoordinasikan kegiatan organisasi kemahasiswaan dalam kegiatan kokurikulum di tingkat Sekolah Tinggi dan memberikan cadangan dan saranan kepada pimpinan Sekolah Tinggi terutama yang berkaitan dengan fungsi dan pencapaian tujuan pendidikan nasioanal.

---

<sup>109</sup>*Ibid.*, 90.

b. Fungsi:

- i. Perwakilan mahasiswa di tingkat Sekolah Tinggi untuk menampung dan
- ii. menyalurkan aspirasi mahasiswa dalam lingkungan STAIN.
- iii. Perencanaan dan penetapan garis-garis program di tingkat STAIN.
- iv. Komunikasi mahasiswa antara organisasi kemahasiswaan di tingkat jabatan dan kelas-kelas kegiatan mahasiswa di STAIN.
- v. Koordinasi kegiatan-kegiatan kokurikulum di tingkat Sekolah Tinggi.
- vi. Memantapkan pengurusan diri pelajar.

**2. Unit Kegiatan Mahasiswa (UKM)**

a. Tugas Utama:

Merancang dan melaksanakan kegiatan kokurikulum di tingkat Sekolah Tinggi dalam bidang tertentu sesuai dengan bidang tugas tanggungjawabnya.

b. Fungsi:

Wadah dalam merancang pelaksanaan dan pengembangan aktiviti kokurikulum di tingkat Sekolah Tinggi yang bersifat keilmuan, minat dan kegemaran, kesejahteraan mahasiswa serta khidmat kepada masyarakat.

**3. HMJ (Himpunan Mahasiswa Jurusan/Jabatan)**

a. Tugas Utama:

Menyelenggarakan kegiatan kokurikulum yang bersifat akademik dan keilmuan yang sesuai dengan program di setiap jurusan.

b. Fungsi:

Wadah yang menyalurkan aspirasi pelajar dalam akademik dan keilmuan yang sesuai dengan program di setiap jurusan.

### **3.6 Tenaga Pengajar**

Adapun para pensyarah yang mencurahkan segenap kemampuan dan ilmu yang dimilikinya di Sekolah Tinggi ini mempunyai latar belakang kelulusan yang pelbagai. Sama ada berkelulusan dalam negeri, luar negeri bahkan luar negara sekalipun. Masing-masing telah memiliki status yang dikategorikan sebagai Dosen (pensyarah) Tetap PNS (Pegawai Negeri Sipil), Dosen Honor Tetap, Dosen Tidak Tetap dan Dosen Luar Biasa serta Dosen Tamu.

### **3.7 Program-Program Pengajian di Stain Zawiyah Cot Kala Langsa<sup>110</sup>**

- **Fakulti dan Jurusan yang ada di STAIN Zawiyah Cot Kala iaitu:**
  - a. Fakulti Tarbiyah terdiri daripada:**
    - i. Sarjana Muda, Jurusan Pendidikan Agama Islam (PAI).
    - ii. Sarjana Muda, Jurusan Pendidikan Bahasa Arab.
    - iii. Sarjana Muda, Jurusan Pendidikan Bahasa Inggeris.
    - iv. Sarjana Muda, Jurusan Pendidikan Matematik.
  - b. Fakulti Syariah terdiri daripada:**
    - i. Sarjana Muda, Jurusan Muamalat (Ekonomi Islam).
    - ii. Sarjana Muda, Jurusan Ahwal Syakhsiyah.
  - c. Fakulti Dakwah terdiri daripada:**
    - i. Sarjana Muda, Jurusan Komunikasi dan Penyiaran Islam (KPI).

---

<sup>110</sup>*Ibid.*, 31.

Setakat kajian ini dilaksanakan, STAIN Zawiyah Cot Kala belum menubuhkan dua fakulti lagi yang merangkumi program pengajian Islam, iaitu Fakulti Usuluddin dan Fakulti Adab. Namun usaha menuju ke arah tersebut sedang dalam perancangan.

### **3.8 Kurikulum<sup>111</sup>**

#### **3.8.1 Klasifikasi subjek**

Subjek yang diajarkan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa mencakupi subjek yang ada dalam Kurikulum Nasional, Kurikulum Lokal dan Kurikulum Khas yang terdiri dari tiga komponen, iaitu:

**a. Subjek Umum.**

Subjek umum merupakan subjek dasar yang perlu dikuasai mahasiswa berupa pengetahuan kebahasaan, kompetensi keilmuan, kebangsaan dan kompetensi keagamaan.

**b. Subjek Dasar Keahlian.**

Subjek ini merupakan ilmu pengetahuan dasar keahlian dalam jurusan dan wajib diikuti oleh pelajar di jurusan tersebut.

**c. Komponen Subjek Keahlian.**

Subjek ini merupakan pengetahuan kemahiran dan pekerjaan menurut program pengajian pada setiap jurusan.

---

<sup>111</sup>*Ibid.*, 60.

### **3.8.2 Subjek Bersyarat dan Pilihan**

Dalam pelaksanaan sistem SKS, subjek dibahagi kepada tiga kategori, iaitu; subjek biasa, subjek bersyarat dan subjek pilihan.

#### **a. Subjek biasa**

Subjek biasa merupakan subjek yang diambil oleh mahasiswa sebagai teras pengajian pada suatu semester tanpa ada syarat khusus dengan lulus atau tidak lulus subjek tertentu sebelumnya.

#### **b. Subjek bersyarat**

Subjek bersyarat pula merupakan subjek yang terdiri dari beberapa subjek yang mesti diambil oleh mahasiswa sebagai teras pengajian secara berturutan, lulus subjek awal menjadi syarat untuk mengambil subjek berikutnya atau disebut juga subjek berstruktur.

### **3.8.3 Matrikulasi**

STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa menetapkan program matrikulasi bahasa Arab dan bahasa Inggeris dalam rangka menyelaraskan kemampuan berbahasa asing bagi mahasiswa baharu dan ianya hanya diadakan dalam masa dua minggu pada masa awal kemasukan pelajar baharu. Minggu pertama akan digunakan untuk matrikulasi bahasa Arab dan pada minggu kedua akan dilaksanakan matrikulasi bahasa Inggeris.

### **3.8.4 Pembinaan al-Quran**

Pembinaan al-Quran dilaksanakan bagi pelajar baharu yang belum dapat membaca al-Quran dengan baik (tepat dengan ilmu tajwid). Pembinaan ini akan terus dilaksanakan sehingga seorang pelajar tersebut dinyatakan berhak mendapatkan kelulusan minimum kemampuan membaca al-Quran sebagai seorang sarjana agama.

### **3.9 Tempoh Pengajian Di Stain Zawiyah Cot Kala Langsa<sup>112</sup>**

Untuk menyelesaikan Program Sarjana Muda, masa yang ditempuh adalah empat tahun (8 semester). Namun ianya juga dapat ditempuh dalam masa kurang daripada empat tahun (8 semester), iaitu sekurang-kurangnya dalam masa tiga tahun setengah. Selewat-lewat tempoh penamatan adalah tujuh tahun (14 semester). Dan beban pengajian untuk setiap program Sarjana adalah 146-160 SKS.

### **3.10 Fasiliti Kampus<sup>113</sup>**

STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa telah berusaha menyediakan fasiliti di kampus dari semasa ke semasa bagi memudahkan pembelajaran. Beberapa fasiliti yang telah sedia ada, antaranya:

#### **3.10.1 Bilik Kuliah**

Setakat ini, STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa telah memiliki 68 buah bilik kuliah dan sedang dalam proses penambahan seiring penubuhan bangunan baharu untuk Fakulti Tarbiyah dan Fakulti Syariah.

#### **3.10.2 Laboratorium**

Beberapa laboratorium telah pun wujud di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa, iaitu:

- a. Laboratorium Bahasa yang dilengkapi dengan peranti audio visual dan sistem operasi canggih.
- b. Laboratorium Micro Teaching dengan peralatan tercanggih dan moden di dalamnya serta komputer dengan spesifikasi tertinggi.

---

<sup>112</sup>*Ibid.*, 31.

<sup>113</sup>*Ibid.*, 10.

- c. Laboratorium Komputer Multimedia yang menyediakan 40 buah unit komputer berserta penyediaan internet.
- d. Laboratorium Muamalat, dilengkapi dengan kaunter bank mini dengan peranti alatnya yang lain serta mengikut dekorasi sebagaimana di bank-bank sedia ada.
- e. Laboratorium Dakwah dengan sebuah pemancar mini berteknologi terkini.
- f. Laboratorium Matematik dilengkapi dengan beberapa alat seperti komputer, trigonometri, alat peraga geometri, head projector dan lain-lain.
- g. Mahkamah Moot adalah suatu bilik yang digunakan oleh pelajar jurusan Ahwal Syaksiyyah bagi melakukan proses penghakiman. Terdiri daripada peralatan dan persiapan sebagaimana yang ada di mahkamah sebenar.

### **3.10.3 Perpustakaan**

Perpustakaan STAIN Zawiyah Cot Kala menyediakan koleksi buku-buku rujukan, kertas kerja pelajar, jurnal-jurnal, surat khabar dan beberapa buah komputer yang hanya dapat digunakan oleh kakitangan perpustakaan sahaja dengan kemudahan internet yang juga dapat digunakan oleh pelajar.

### **3.10.4 Fasiliti Layanan Umum**

- Bilik pentadbiran seperti kaunter layanan bank ataupun hotel untuk kemudahan urusan pentadbiran pelajar.
- Bilik Pensyarah mengikut kepada masing-masing jurusan dalam ruang lingkup yang dapat dikatakan kecil, hanya terdapat beberapa meja untuk beberapa pensyarah yang masuk ke dalam golongan dosen tetap PNS.



- Surau

Sampai kepada kajian ini dijalankan, STAIN Zawiyah Cot Kala sedang membangun sebuah masjid yang lebih besar yang dapat menampung seluruh pelajar untuk dapat melaksanakan ibadah secara bersamaan.

- Dewan Kuliah
- Bilik Kegiatan Pelajar
- Mini Koperasi

### **3.10.5 Sarana Olah Raga**

### **3.10.6 Fasilitas Non-Fisik**

Selain fasilitas fisik, STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa juga menyediakan fasilitas non-fisik seperti insuran kemalangan, rawatan sakit serta kematian. Tajaan tersebut bergantung kepada dua ketentuan; **pertama**, kepada pelajar yang mampu menghafal al-Quran secara keseluruhan ataupun sebahagian, dengan ketentuan mendapatkan SK daripada ketua STAIN Zawiyah Cot Kala. **Kedua**, kepada pelajar berprestasi.

## **3.11 Undang - Undang dan Peraturan di Stain Zawiyah Cot Kala Langsa**

Bagi melahirkan suasana yang harmoni di antara pelajar dengan pensyarah, pelajar dengan kakitangan kampus, pelajar dengan pelajar maka sudah sepatutnya adanya *take and give* yang berlaku. Adanya peraturan yang mesti dipatuhi dan hak-hak yang patut diperoleh pelajar agar kesemuanya menjadi seimbang.

### **3.11.1 Syarat Kemasukan Pelajar**

Untuk menerima pelajar baharu pada setiap tahun, STAIN Zawiyah Cot Kala menerapkan syarat yang mesti ditempuh oleh semua calon pelajar. Adapun syarat

tersebut iaitu dengan mengikuti peperiksaan secara bertulis dan peperiksaan secara lisan (kemampuan membaca al-Quran dan Minat PMDK/Penulusuran Minat dan Kemampuan).

### **3.11.2 Kegiatan Kuliah<sup>114</sup>**

Terdapat tiga tahap kegiatan perkuliahan yang mesti dilalui oleh semua pelajar, iaitu:

#### **a. Kuliah Matrikulasi**

Sebelum pelajar memasuki kelas untuk memperoleh ilmu asas daripada jurusan yang telah dipilihnya, mereka diwajibkan mengikuti ujian matrikulasi dalam bidang kemampuan berbahasa seperti bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Bagi pelajar yang memperoleh kelulusan dalam ujian tersebut dapat terus melanjutkan program di jurusannya, manakala pelajar pelajar yang gagal diwajibkan mengambil kursus bahasa (matrikulasi bahasa Arab atau Inggeris) selama satu minggu mengikut kepada hasil ujian bahasa yang tidak lulus dalam peperiksaan.

#### **b. Kuliah Teori**

Kuliah seharian yang dilalui oleh pelajar dengan menghadiri kelas untuk semua subjek yang telah diambil.

#### **c. Praktikum Kerja Lapangan (PKL)**

Ia merupakan agenda kuliah dalam bentuk kerja di lapangan dengan mengaplikasikan teori-teori yang telah diperoleh selama belajar dengan tujuan untuk mengetahui dan menilai sejauh mana kemampuan yang telah dimilikinya.

---

<sup>114</sup>Hamid et al., 128.

### 3.11.3 Ketentuan-ketentuan lainnya:<sup>115</sup>

- a. Bagi pelajar yang tidak memenuhi jumlah kehadiran, yaitu minimal 75% dari aktivitas kelas atau sesi bertemu muka, maka tidak dibenarkan untuk mengikuti ujian akhir semester.
- b. Pelajar yang tidak mendaftar selama dua semester berturut-turut dianggap telah keluar dari STAIN Zawiyah Cot Kala.
- c. Pelajar yang mencapai batas tempoh maksimal 14 semester akan dibuang.
- d. Pelajar yang memperoleh GPA kurang dari 2.00 sehingga semester IV dianggap gugur pada semester V dan dibuang.<sup>116</sup>
- e. Selain itu, pelajar juga diwajibkan mengikuti Kuliah Pengabdian Masyarakat (KPM) yang merupakan salah satu komponen evaluasi penamatan pengajian sehingga disahkan oleh ketua jurusan, ianya dimasukkan ke dalam kurikulum.
- f. Teras pengajian untuk setiap program Sarjana Muda di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa adalah 146-160 Sistem Kredit Semester (SKS).

### 3.12 Sistem Penilaian di Stain Zawiyah Cot Kala Langsa<sup>117</sup>

Terdapat tiga jenis peperiksaan yang akan dilalui oleh setiap pelajar sehingga dia dapat menyelesaikan pengajiannya dan mendapatkan gelaran sarjana muda, iaitu:

- a. Peperiksaan semester yang mencakupi peperiksaan pada pertengahan semester atau disebut dengan *midterm* dan peperiksaan akhir semester (*final*). Pelaksanaan *midterm* bertujuan untuk menilai kesan pembelajaran selama mana kuliah berlangsung sebelum *midterm* bermula, bagi mengukur tahap pemahaman pelajar

---

<sup>115</sup>Buku Panduan Akademik.

<sup>116</sup>*Ibid.*, 42.

<sup>117</sup>*Ibid.*, 43.

dan juga kesan daripada cara yang telah diguna pakai oleh pensyarah dalam penyampaian sukatan pelajaran sehingga dapat mengenali kemampuan pelajar serta pengajar untuk diperbaiki agar lebih baik sebelum peperiksaan akhir semester dilaksanakan.

Adapun sistem pemberian nilai oleh pensyarah kepada pelajar bagi setiap subjek dipecahkan mengikut kategori kehadiran 10% markah, 20% markah diperuntukkan bagi tugas kuliah sepanjang sesi kuliah berlangsung, 10% markah diperuntukkan bagi pelaksanaan kuiz ketika sesi perkuliahan, sementara 20% markah pula diperuntukkan bagi penilaian ujian *midterm* dan 40% markah diperuntukkan bagi peperiksaan akhir semester.

- b. Peperiksaan akhir (Ujian Sarjana), mencakupi peperiksaan komprehensif dan peperiksaan munaqasyah (perbincangan) untuk menguji karya tulisan kertas kerja ilmiah pelajar sebagai syarat untuk memperolehi gelaran sarjana muda.
- c. Peperiksaan praktikum yang dilaksanakan oleh kelas-kelas tertentu bertujuan menguji keterampilan khusus pelajar secara spesifik dalam bidang tertentu sesuai dengan aturan yang ditetapkan oleh unit pelaksana.

### 3.12.1 Gred dan Mata Nilai<sup>118</sup>

**Jadual 1: Gred dan Mata Nilai**

No	Peratus Markah	Gred	Mata Nilai
1	92-100	A	4.0
2	83-91	A-	3.5
4	67-74	B -	2.5
5	60-66	C	2.0
6	55-59	C -	1.5
7	50-54	D	1.0
8	45-49	D -	0.5
9	00-44	E	0.0

Sumber: Buku Panduan Akademik STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.

### 3.12.2 Pengulangan Subjek<sup>119</sup>

- a. Subjek yang bernilai (E) wajib diulang dengan mengikuti proses kuliah secara penuh.
- b. Subjek yang lulus dengan nilai (D-) dan (D) diwajibkan mengikuti kuliah minimal 60% kehadiran.
- c. Subjek yang lulus dengan nilai (C-) dan (C) diwajibkan mengikuti kuliah minimal 40% kehadiran.

---

<sup>118</sup>*Ibid.*, 45.

<sup>119</sup>*Ibid.*, 49.

### 3.12.3 Kedudukan Akademik<sup>120</sup>

**Jadual 2: Kedudukan Akademik**

<b>Taraf Kedudukan</b>	<b>PNGK</b>
Kepujian	3.50-4.00
Sangat Memuaskan	3.00-3.49
Memuaskan	2.50-2.99
Cukup	2.00-2.49
Tidak Lulus	0.00-1.99

Sumber: Buku Panduan Akademik STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.

### 3.12.4 Gelar Kelulusan<sup>121</sup>

Gelar yang diberikan oleh STAIN Zawiyah Cot Kala bagi lulusan sarjana muda adalah seperti berikut:

- a. Lulusan sarjana muda di Fakulti Tarbiyah akan diberikan gelaran Sarjana Pendidikan Islam (S.Pd.I).
- b. Lulusan sarjana muda di Fakulti Syari'ah akan diberikan gelaran Sarjana Hukum Islam (S.H.I).
- c. Lulusan sarjana muda di Fakulti Dakwah akan diberikan gelaran Sarjana Sosial Islam (S.Sos.I).

---

<sup>120</sup>*Ibid.*, 47.

<sup>121</sup>*Ibid.*, 55.

### 3.12.5 Kewajiban-kewajiban Pelajar<sup>122</sup>

Kewajiban-kewajiban pelajar yang mesti dilakukan sepanjang menyelesaikan pengajian di STAIN Zawiyah Cot Kala adalah sebagai berikut:

- a. Setiap pelajar berkewajiban menjunjung tinggi integriti akademik dalam melaksanakan kegiatan akademiknya.
- b. Setiap pelajar berkewajiban membayar yuran pendidikan, melainkan bagi mereka yang dikecualikan daripada kewajiban tersebut sesuai dengan ketentuan.
- c. Setiap pelajar berkewajiban mematuhi semua peraturan sama ada norma ke-Islaman atau norma Akademik yang berlaku.
- d. Setiap pelajar berkewajiban menjaga sarana dan prasarana, kebersihan, ketertiban dan keamanan.
- e. Setiap pelajar berkewajiban menghargai ilmu agama, ilmu pengetahuan dan teknologi, serta seni.
- f. Setiap pelajar berkewajiban untuk menjaga kewibawaan dan nama baik perguruan tinggi.
- g. Setiap pelajar berkewajiban untuk menjunjung tinggi kebudayaan daerah dan nasional.

Bagi pelajar yang tidak mematuhi norma-norma tersebut di atas akan diambil tindakan sama ada secara lisan mahu pun tindakan sesuai yang telah ditetapkan.

---

<sup>122</sup>*Ibid.*, 28.

### 3.12.6 Hak Pelajar<sup>123</sup>

Di sebalik kewajipan-kewajipan yang mesti dipatuhi oleh pelajar, sudah sepatutnya mereka juga memperolehi hak-hak mereka, iaitu:

- a. Menggunakan kebebasan akademik secara bertanggungjawab untuk menuntut dan mengkaji ilmu sesuai dengan norma ke-Islaman yang berlaku dalam lingkungan akademik.
- b. Memperoleh pendidikan dan pengajaran, bimbingan pensyarah, layanan informasi dan kesejahteraan, serta layanan bidang akademik sesuai dengan minat, bakat, kegemaran, dan kemampuan.
- c. Memanfaatkan sumber daya yang ada melalui organisasi kemahasiswaan sekolah tinggi.
- d. Memanfaatkan fasiliti dalam rangka kelancaran proses belajar dan menyelesaikan pengajian sesuai dengan syarat dan ketentuan yang ditetapkan.
- e. Beralih program atau pindah ke perguruan tinggi yang lain sesuai dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

### 3.12.7 Tata Kesopanan Pelajar<sup>124</sup>

Perilaku sopan sangat dituntut dalam kehidupan seharian bagi mewujudkan suasana harmoni dan menjunjung tinggi nilai-nilai ke-Islaman. Berikut beberapa norma yang harus dijaga oleh setiap pelajar:

#### **a. Sikap pelajar terhadap orang lain:**

- i. Menghormati pensyarah dan kakitangan fakulti yang ada.
- ii. Menghargai sesama rakan.
- iii. Menjunjung tinggi alumnus dalam masyarakat

---

<sup>123</sup> *Ibid.*

<sup>124</sup> *Ibid.*, 29.



**b. Pergaulan dan tingkah laku.**

- i. Berdisiplin, tidak boleh lewat hadir ke kampus.
- ii. Dilarang merokok dan memakan dalam bentuk apa sahaja di dalam bilik kuliah.
- iii. Tidak membuat bising di dalam kampus, terutama bilik kuliah.
- iv. Tidak dibenarkan meninggalkan bilik kuliah ketika kuliah sedang berlangsung kecuali dengan alasan tertentu dan mendapat izin daripada pensyarah yang sedang mengajar.
- v. Menghormati hak milik STAIN serta tidak merosak atau mengotori kemudahan yang ada.

**c. Penampilan:**

Selain aturan berkenaan dengan perilaku, Perguruan Tinggi STAIN Zawiyah Cot Kala juga menetapkan batasan dalam penampilan dan berpakaian dengan tujuan mengaplikasikan penerapan syariat Islam dan menjunjung tinggi nilai-nilai kesopanan.

- i. Pelajar wajib berpakaian menurut Islam ketika berada di dalam kawasan kampus, yang meliputi; pakaian yang menutup aurat, sopan, tidak ketat, tidak tipis, bersih dan rapi.
- ii. Berpenampilan rapi, seperti rambut bagi pelajar lelaki, tidak dibenarkan berambut panjang.
- iii. Wajib memakai kasut, tidak dibenarkan memakai selipar.
- iv. Meletakkan kenderaan di ruang yang telah disediakan.
- v. Tidak dibenarkan berhias secara berlebihan.

### 3.13 Bahasa Pengantar

Secara keseluruhannya, bahasa pengantar yang digunakan oleh pensyarah dalam pengajaran di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa adalah bahasa Indonesia, namun dalam bidang ilmu pengetahuan seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab, para pensyarah sedikit sebanyak menggunakan bahasa bidang pengajian yang sedang diajarkan. Untuk pelajaran- pelajaran agama, sedikit sekali penggunaan atau penerapan bahasa Arab.

### 3.14 Pengajian Usul Fiqh di Stain Zawiyah Cot Kala Langsa

#### 3.14.1 Tenaga Pengajar yang Mengajar Subjek Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa

Sehingga kini, STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa hanya memiliki dua orang pensyarah tetap yang mengajar subjek Usul Fiqh pada setiap semesternya.<sup>125</sup> Manakala selebihnya merupakan pensyarah yang mengajar subjek lain namun memiliki kemampuan untuk mengajar subjek Usul Fiqh sehingga memperolehi jam mengajar untuk subjek Usul Fiqh pada semester tertentu.

Adapun tenaga pengajar bagi subjek Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa menurut data yang diperoleh pengkaji untuk tahun akademik 2011-2013 iaitu:

Jadual 3: Tenaga Pengajar Usul Fiqh

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Kelulusan</b>
1	Anizar, MA. (Pensyarah pada Fakulti Syariah, pensyarah tetap untuk subjek Usul Fiqh).	Master Hukum Islam di IAIN, Medan Sumatera utara.

---

<sup>125</sup>Anizar (Pensyarah mata kuliah Usul Fiqh, Fakulti Syari'ah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa), dalam temubual dengan penulis, 2 April 2013.

2	Adelina Nasution, MA (Pensyarah pada Fakulti Syariah, pensyarah tetap untuk subjek Usul Fiqh).	Master Hukum Islam di IAIN, Medan Sumatera Utara.
3	Siti Suryani, Lc, MA. (Pensyarah pada Fakulti Syariah).	Master Fiqh Muqarran di Universiti al-Azhar, Cairo.
4	Budi Juliandi, MA (Pensyarah pada Fakulti Tarbiyah).	Master Hukum Islam IAIN, Sumatera Utara.
5	Awwaluzzikri, Lc, MA (Pensyarah pada Fakulti Syariat).	Master Fiqh Muqaran di Universiti al-Azhar, Cairo (Sedang melanjutkan Program Doktor di Universiti al-Azhar, Cairo).
6	Laila Mufida, Lc (Pensyarah pada Fakulti Tarbiyah).	Sarjana Muda Syariah Islamiyah Universiti al-Azhar, Cairo (Sedang menyelesaikan Program Master di IAIN, Medan).
7	Nairazi AZ, MA (Pensyarah pada Fakulti Syariah).	Master Fiqh Moden IAIN ar-Raniry, Banda Aceh.
8	Mahyiddin, MA (Pensyarah pada Fakulti Tarbiyah)	Master Pengurusan Pendidikan IAIN, Sumatera Utara.
9	Syahrizal, S.Pd.I. (Pensyarah pada Fakulti Tarbiyah)	Sarjana Muda Pendidikan Islam IAIN, Sumatera Utara.
10	Dahlan (Pensyarah pada Fakulti Tarbiyah)	Sarjana Muda Sosiologi Pendidikan IAIN ar-Raniry, Banda Aceh
11	Zubir, MA (Pensyarah pada Fakulti Syariah)	Master Pengajian Islam di Universiti Sains Malaysia
12	Muhammad Thabri, Lc (Pensyarah pada Fakulti Tarbiyah)	Sarjana Muda Syariah Islamiyah Universiti al-Azhar, Cairo (Sedang melanjutkan Program Master di IAIN, Medan).
13	Zarkasyi (Pensyarah pada Fakulti Tarbiyah)	Sarjana Muda Syariat STAIN Malikussaleh Lhokseumawe Aceh Utara (Sedang melanjutkan Program Master di IAIN Medan Sumatera Utara).
14	Mursyidin AR.MA (Pensyarah pada Fakulti Tarbiyah)	Master Pengkajian Islam IAIN Sumatera Utara

Sumber: Buku Panduan Akademik STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.

Pensyarah-pensyarah yang berkhidmat dalam mengajar ilmu Usul Fiqh ini datang dari pelbagai daerah dan memiliki latar belakang kelulusan yang berbeza-beza dan pengalaman mengajar yang pelbagai. Ada yang berpengalaman mengajar sekitar dua tahun hingga melebihi 10 tahun.

### **3.14.2 Metode Pengajaran dan Pembelajaran**

Dalam pelaksanaan proses belajar dan mengajar, teknik atau metode penyampaian merupakan salah satu faktor yang penting bagi membantu mencapai tujuan yang dimaksudkan ketika menyampaikan ilmu kepada pelajar. Adapun metode yang kerap diguna pakai oleh para pensyarah terhadap pelajarannya di STAIN Zawiyah Cot Kala, iaitu:

#### **a. Metode Kuliah (ceramah)**

Pensyarah berdiri di hadapan kelas dengan menerangkan isi kandungan pelajaran dengan jelas dan pelajar mendengar dengan penuh perhatian. Apabila wujud persoalan yang tidak difahami, maka pelajar diberi kebebasan untuk bertanya. Metode seperti ini kerap dipraktikkan di negara-negara Timur Tengah, antaranya Universiti al-Azhar, Cairo, sehingga hari ini masih menggunakan metode tersebut sebagai metode utama dalam pengajaran. Melalui metode tersebut, pelajar dikehendaki untuk membuat nota tersendiri hasil daripada pemahaman mereka yang dianggap merupakan isi penting apa yang telah disampaikan oleh pensyarah.

#### **b. Metode Diskusi dan Soal Jawab**

Hampir keseluruhan subjek yang diajarkan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa, metode inilah yang kerap dilaksanakan. Pelajar diminta untuk lebih proaktif sehingga dapat membuka minda mereka dalam mengkaji sesuatu ilmu dan membentuk keaktifan

dan kreativiti mereka supaya mereka tidak berasa bosan dan mengantuk, sebaliknya mereka dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada pembelajaran.

Melalui metode ini, pelajar dibahagikan kepada beberapa kelompok dan masing-masing diberikan satu tajuk untuk mengupas dengan baik risalah dan perbentangan dalam setiap kali pertemuan. Di sini akan berlaku proses perbincangan dan tanya jawab antara pelajar, yang kemudiannya akan mendapat pembetulan jawapan atau pemberian pandangan yang benar daripada pensyarah sehingga pelajar jauh daripada kekeliruan.

### **c. Metode Hafalan**

Dalam subjek Usul Fiqh, metode hafalan turut digunakan untuk mengingat ayat-ayat hukum dan hadits-hadits hukum supaya pelajar lebih mudah membezakan antara amaran wajib dan amaran sunnah, dan sebagainya.

### **3.14.3 Bahan Pengajaran**

Bahan pengajaran yang dimaksud di sini adalah kurikulum, sebagaimana yang diertikan oleh Noresah bt. Baharom, kurikulum ialah skop dan isi kandungan sesuatu subjek yang dipelajari di sekolah.<sup>126</sup> Untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran sesuatu ilmu, mestilah ada perancangan yang pasti berkenaan rangkuman isi kandungan dan tujuan yang ingin dicapai dari ilmu tersebut.

Berikut pengkaji akan paparkan skop subjek Usul Fiqh serta rujukan utama dan rujukan tambahan yang diguna pakai sebagai bahan pengajaran yang menjadi garis panduan dalam penyampaian ilmu Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.

---

<sup>126</sup>Noresah Bt. Baharom et al., *Kamus Dewan*, Ed. Ke-3 (cet. ke-5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 735.

Sukatan pelajaran Usul Fiqh I yang diajarkan pada pelajar semester I adalah sebagai

berikut:

Jadual 4: Sukatan pelajaran Usul Fiqh I

<b>Sukatan Pelajaran:</b>	<b>Rujukan:</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Usul Fiqh; Pengertian, Objek Kajian, Manfaat dan Sejarah Perkembangan Usul Fiqh.</li> <li>- Sumber-sumber Hukum Islam yang disepakati; al-Qur`ān, al-Sunnah, al-Ijmā`, al-Qiyās.</li> <li>- Sumber-sumber Hukum Islam yang tidak disepakati; al-Istihsān, Maşlahah Mursalah, Istiṣhāb, Shar`u Man Qablanā, Dzari`ah, Qaul Şahābī dan `Uruf.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Al-Ghazalī, <i>al-Mustaşfā fī Uşūl al-Fiqh I</i> Beirut: Dar al-Kuttub al-Ilmiyah, 1983.</li> <li>- Nasroen Hanun, <i>Usul Fiqh</i>, Jakarta Logos Wacana Ilmu, 1997.</li> <li>- Wahbah al-Dhuhailī, <i>Uşūl al-Fiqh al-Islāmī I</i>, Beirut: Dar al-Fikri, 1986.</li> <li>- `Abd al-Wahāb Khallāf, <i>Fiqh Terj. Masdar Helmi</i>, Bandung Gema Risalah Press, 1997.</li> </ul>

Sumber: Silibus Pengajaran Subjek Usul Fiqh.

Sukatan pelajaran Usul Fiqh II yang diajarkan pada pelajar semester II adalah:

Jadual 5: Sukatan Pelajaran Usul Fiqh II

<b>Sukatan Pelajaran:</b>	<b>Rujukan:</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bentuk-bentuk lafaz dan cara memahaminya; lafaz ḥaqīqī dan majāzī.</li> <li>- Şariḥ dan Kināyah.</li> <li>- Lafaz ditinjau daripada kejelasan dan ketidakjelasan; Waḍīh dan Mubhām (ghairu waḍīh).</li> <li>- Khāş dan `Ām.</li> <li>- Amr dan Nahyi.</li> <li>- Muṭlaq dan Muqayyad.</li> <li>- Zāhir dan Muawwal (ta`wil).</li> <li>- Nāsikh dan Mansūkh.</li> <li>- Murādif dan Mushtarak.</li> <li>- Mantūq dan Mafhūm.</li> <li>- Dilālah `Ibarah, `Ishārah, Naş, al-Iqtida`.</li> <li>- Hukum Taklīfī dan Hukum Waḍ`ī.</li> <li>- Ḥākim, Maḥkūm fīh, Maḥkūm</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Nasrun Haroen, <i>Usul Fiqh I</i>, 1996.</li> <li>- Satria Efendi, <i>Usul Fiqh</i>, 2005.</li> <li>- Abd. Wahāb Khallāf, <i>Ilmu Uşūl al-Fiqh</i>, 1995.</li> <li>- Amir Syarifuddin, <i>Usul Fiqh III</i>, 2008.</li> <li>- Abū Dhahrah, <i>Uşūl al-Fiqh</i>, 1996.</li> <li>- Wahbah Dhuhailī, <i>Uşūl Fiqh al-Islāmī</i>.</li> <li>- Mukhtar Yahya, <i>Dasar-dasar Pembinaan Hukum Islam</i>.</li> <li>- Khudari Beik, <i>Usul Fiqh</i>.</li> <li>- Rachmat Syafe`i, <i>Ilmu Usul Fiqh</i>.</li> <li>- Nazar Bakry, <i>Fiqh dan Usul Fiqh</i>.</li> <li>- Mukhsin Nyak Umar, <i>Usul Fiqh</i>.</li> </ul>

<ul style="list-style-type: none"> <li>- `alah.</li> <li>- `Awāriḍ Ahliyah.</li> </ul>	
--	--

Sumber: Silibus Pengajaran Subjek Usul Fiqh.

Sukatan pelajaran Usul Fiqh III yang diajarkan khusus pada pelajar semester IV Jabatan

Ahwal Syakhsyiah dan Muamalah yang berada di bawah Fakulti Syariah adalah:

Jadual 6: Sukatan Pelajaran Usul Fiqh III

<b>Sukatan Pelajaran:</b>	<b>Rujukan:</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kaji ulang pengertian Usul Fiqh, Sumber Hukum, Sejarah Usul Fiqh dan Metode Usul Fiqh.</li> <li>- Ijtihad yang meliputi, pengertian, hukum, perkembangan, maidan ijtihad, macam-macam ijtihad dan lain sebagainya. Sehingga pelajar mampu menerangkan dan menginterpretasikan dalam istinbath hukum.</li> <li>- Lafaz Hakikat dan Majaz.</li> <li>- Sunnah dan Bayan sehingga pelajar mampu memahami fungsi Sunnah sebagai Bayan.</li> <li>- Maqāsid al-Shari‘ah .</li> <li>- Qā’idah Fiqh.</li> <li>- Pemahaman mendetail berkenaan al-Adillah al-Mukhtalaf fihā; Istihsān, ‘Uruf, Istishāb.</li> <li>- Maşlahah; Darūriyyah, Ḥājiyyah, Taḥsiniyyah.</li> <li>- Pemikiran hukum mazhab Shāfi’ī dan Ḥanbalī.</li> <li>- Elastisitas Hukum Islam.</li> <li>- Feminisme; Hak Waris Perempuan, Hak Poligami, Perempuan dan Kesaksian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Abd. al-Wahāb Khallāf, <i>Ilmu Uşūl al-Fiqh</i>.</li> <li>- Abū Dhahrah, <i>Uşūl al-Fiqh</i>.</li> <li>- Al-Āmidī, <i>al- Iḥkām fī Uşūl al-Aḥkām</i>.</li> <li>- M. Daud Ali, <i>Usul Fiqh</i>.</li> <li>- Satria Efendi, <i>Usul Fiqh</i>.</li> <li>- Amir Syarifuddin, <i>Usul Fiqh</i>.</li> <li>- Syafe’i Rahmad, <i>Ilmu Usul Fiqh</i>.</li> <li>- Al-Ghazalī, <i>al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uşūl</i>.</li> <li>- Muh. Khudari Beik, <i>Usul Fiqh</i>.</li> <li>- Mukhtar Yahya dan Fathurrahman, <i>Dasar-dasar Pembinaan Hukum Islam</i>.</li> <li>- Aḥmad Ibn ‘Abd al-Latīf al-Khatīb, <i>al- Nufahāt ‘alā Sharḥ al-Waraqāt</i>.</li> <li>- Al-Shāṭibī, <i>al-Muwāfaqāt</i>.</li> <li>- Shāfi’ī, <i>al-Risālah fī al-Uşūl al-Fiqh</i>.</li> <li>- Ibn al-Qudāmah, <i>Rauḍat al-Nāzir wa Junnah al-Munāzir fī Uşūl al-Fiqh</i>.</li> <li>- Asghar Ali Engineer, <i>Islam Masa Kini</i>.</li> <li>- Mukhsin Nyak Umar, <i>Rekonstruksi Pemikiran Hukum Islam di Indonesia</i>.</li> <li>- Amir Mu’allim dan Yusdani, <i>Konfigurasi Pemikiran Hukum Islam</i>.</li> </ul>

Sumber: Silibus Pengajaran Subjek Usul Fiqh.

## **Kesimpulan**

Jika ditinjau dari sejarah penubuhan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa yang ditubuhkan pada tahun 1980 yang berada di Bandar Langsa yang memiliki nama dari pengambilan nama pondok terbesar yang terkenal pada masa silam itu, dapat dianggap sebagai satu 'pintu ilmu', hingga sekarang dan pada masa akan datang. Hari ini, setelah mencapai usia 33 tahun STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa berdiri teguh sebagai sebuah institusi pendidikan yang telah banyak memberikan sumbangannya terhadap pembangunan masyarakat dari segi pendidikan.

STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa mempunyai masa depan yang cerah. Itu dapat dilihat daripada minat masyarakat tempatan berdasarkan jumlah pelajar paada setiap tahun yang terus mengalami peningkatan. Lanjutan daripada permintaan yang memberansangkan, mendorong STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa melakukan penambahan pelbagai fakulti.

Sudah menjadi tugas suatu institusi pengajian Islam untuk melahirkan graduan yang berpotensi, berguna bagi agama, negara dan bangsa. Sistem pendidikan yang diamalkan perlu dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan keberkesanannya bagi memenuhi keperluan masyarakat. Oleh itu, berikut pengkaji paparkan apa yang telah dan sedang terjadi di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.

### **a. Matlamat Pogram**

Matlamat program pengajian sudah sangat baik iaitu mengeluarkan graduan yang profesional dalam menerap, mengembang, dan menciptakan ilmu pengetahuan agama Islam, ilmu pengetahuan dan teknologi, dan seni yang dijiwai oleh nilai-nilai ke-Islaman



serta menyebarkan ilmu agama Islam. Namun pelaksanaan atau persiapan di dalamnya yang masih kurang.

Menurut pengamatan pengkaji, semestinya STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa menerapkan subjek hifzhul Quran daripada semester awal hingga selesai, walaupun dalam sukatan yang kecil, dapat dicontohkan penghafalan beberapa juzuk awal, bahagian juzuk akhir dari al-Quran, surah-surah wajib seperti Yasin, al-Waqiah, ar-Rahman, al-Mulk dan sebagainya yang mempunyai kelebihan tertentu. Selain itu pelajaran tajwid al-Quran, semestinya juga menjadi subjek wajib bagi semua jurusan, tidak hanya jurusan-jurusan tertentu seperti Pendidikan Agama Islam (PAI), Fakulti Syariah, Jurusan Muamalah dan Ahwal Syakhsiyyah, manakala jurusan lain tidak mempelajarinya.

#### **b. Syarat Kemasukan**

Sepatutnya STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa mendapat pujian kerana telah dan selalu memberi peluang kepada individu yang sebelumnya merupakan pelajar sekolah-sekolah umum yang memiliki kemampuan seadanya dalam bidang agama untuk mempelajari syariat Islam dengan lebih dekat. Namun, penguasaan bahasa Arab yang lemah terkadang membuatkan mereka berputus asa dalam menghadapi subjek-subjek tertentu seperti nahwu, sharaf, fiqh, usul fiqh dan sebagainya.

Walaupun pada awal kemasukan, STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa telah mewajibkan pelajar memasuki peperiksaan matrikulasi bahasa Arab dan bahasa Inggeris bagi mengetahui kemampuan penguasaan bahasa mereka. Sehingga bagi pelajar yang tidak lulus dalam peperiksaan matrikulasi tersebut diwajibkan mengikuti kelas bahasa

dalam tempoh satu minggu bagi mendalami bahasa Arab atau bahasa Inggeris bagi melanjutkan pengajian semester-semester barikutnya.

Namun, bagi pengkaji, tempoh tersebut tidak mencukupi bagi seorang pelajar menguasai bahasa Arab terutamanya, berbeza dengan bahasa Inggeris yang telah dipelajari lebih jauh sejak mereka masih bersekolah di tingkat rendah. Perkara ini boleh membawa masalah dalam proses pembelajaran. Ini terbukti dengan kesulitan yang mereka hadapi dalam memahami ilmu-ilmu agama yang perbahasannya banyak menggunakan istilah-istilah dalam bahasa Arab. Terutama kaedah-kaedah yang terkandung dalam pelajaran bahasa Arab itu sendiri yang mesti mereka kuasai dalam masa yang singkat. Akhirnya, banyak kita jumpai daripada hasil peperiksaan subjek bahasa Arab mereka tidak sebaik pelajar yang mempunyai latar belakang sekolah agama seperti lulusan pondok atau Madrasah Aliyah Negeri (MAN). Pengkaji mencadangkan penambahan tempoh atau penambahan kelas kursus bahasa bagi pelajar yang kemampuan bahasa Arabnya dibawah rata-rata yang mana ia memberi peluang yang lebih besar kepada pelajar untuk menguasai bahasa.

### **c. Sarana dan Prasarana**

Dari segi sarana dan prasarana, dapat dikatakan telah dapat memenuhi keperluan pelajar dan pensyarah walaupun masih terdapat kekurangan di sana sini yang sampai saat ini terus dilakukan penambahbaikan fasiliti, seperti pembangunan surau yang lebih besar, penambahan binaan khusus bagi tiap-tiap fakulti, penambahan buku-buku rujukan di perpustakaan. Cuma setakat ini, bilik para pensyarah sahaja yang masih kurang serta fasiliti di dalamnya sehingga tidak sesuai untuk pensyarah-pensyarah berehat sementara menunggu pelajaran seterusnya.

#### **d. Kurikulum**

Kurikulum secara keseluruhan mungkin telah disebutkan dalam matlamat program di atas. Di sini pengkaji hanya akan menghurai sedikit berkenaan kurikulum atau isi pelajaran Usul Fiqh yang diajarkan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa. Isi kandungannya sudah memenuhi matlamat daripada ilmu tersebut, namun bagi sebahagian jurusan yang tidak mengambil subjek Usul Fiqh secara keseluruhan seperti halnya jurusan Dakwah dan Komunikasi, sepatutnya isi kurikulum dapat diubahsuai untuk lebih baik sehingga dirasai akan dapat menyentuh hampir dari keseluruhan ilmu Usul Fiqh.

#### **e. Tenaga Pendidik**

STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa mempunyai jumlah tenaga pendidik yang dapat dikatakan mencukupi dari segi bilangannya. Keseluruhan daripada mereka memiliki kelayakan akademik dan pengalaman yang luas dalam bidang pengajian. Kecuali pada bidang ilmu tertentu masih kurang tenaga pakar yang benar-benar menguasai satu bidang tertentu. Seperti untuk mata pelajaran Usul Fiqh, setakat ini STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa baharu memiliki tiga orang pensyarah tetap untuk mata pelajaran tersebut. Bilangan pensyarah yang bergelar Doktor juga sangat sedikit sehingga perlu diperhatikan pada bahagian ini, sama ada dengan memberi sokongan penuh kepada pensyarah bergelar Master untuk mengambil program Doktor mahupun dengan mendatangkan Doktor dari luar.

#### **f. Kaedah Pengajaran dan Penilaian**

Kaedah-kaedah pengajaran yang telah dan sedang digunakan oleh para pendidik dalam penyampaian ilmu telah dapat memberi kesan positif membantu pelajar memahami isi pengajaran yang disampaikan, hanya sahaja kepada pelajar yang tidak berkelulusan

sekolah agama hendaklah pensyarah memberi perhatian lebih mengingat mereka tidak memiliki asas ilmu tersebut dan juga asas bahasa Arab.

Kemudian juga minat dan semangat pelajar yang perlu dikobarkan agar cita-cita masyarakat untuk menciptakan generasi penerus yang berintelektual menjadi kenyataan. Kaedah penilaian yang dijalankan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa telah mampu memberi penilaian terhadap kemampuan pelajar dan mengetahui keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan.

Akhir sekali, STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa sebagai lembaga perguruan tinggi yang telah memberi banyak manfaat bagi masyarakat tempatan khususnya dan Aceh amnya patut diberikan sokongan dari pelbagai pihak agar ia terus berkembang seiring dengan peredaran zaman dan kemajuan negara, seterusnya mampu melahirkan cendikiawan Islam yang benar-benar mampu mengahayati dan mengamalkan ajaran Islam dan memberi sumbangan yang besar dalam memartabatkan Islam sebagai Din al-Haq.

## **BAB IV**

### **DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini akan memaparkan hasil dapatan kajian yang diperoleh pengkaji berdasarkan jawapan daripada responden (pelajar STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa) terhadap soal selidik yang telah diedarkan beberapa waktu lalu. Hal ini dimaksudkan bagi mendapatkan maklumat yang terperinci dan sebenarnya berkenaan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari ilmu Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa, sehingga dengan adanya penelitian ini kita dapat berkongsi idea untuk menyelesaikan permasalahan mereka serta memberikan gagasan-gagasan cemerlang terhadap metode pembelajaran yang lebih efektif dan bersesuaian dengan latar belakang pelajar. Juga pemaparan hasil temu bual beberapa pensyarah berkenaan metode pengajaran yang mereka laksanakan serta masalah-masalah yang mereka hadapi dalam proses pengajaran.

#### **4.2 Profil Responden**

Sebagaimana yang telah disebutkan dalam proposal, soal selidik diedarkan kepada para pelajar dari pelbagai fakulti, jurusan dan tahun sehingga maklumat ini dirasakan dapat menyentuh keseluruhan pelajar di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa. Soalan telah diedarkan pada awal bulan April 2013 dan pengkaji menghabiskan masa selama dua minggu lebih untuk pengedaran borang soal selidik. Pada awalnya, pengkaji mengambil 10 sampai 15 pelajar mewakili setiap unit (ruang) dari setiap jurusan untuk dijadikan

responden. Namun, cara itu ternyata menyukarkan pengkaji kerana perlu memilih waktu sesuai dengan pelajar agar pengkaji dapat mengumpulkan mereka dalam satu kesempatan.


Akhirnya pengkaji mengambil inisiatif untuk mengambil satu unit (satu bilik) dari setiap jurusan yang belum ada wakil untuk mengisi soal selidik yang telah pengkaji lakukan sebelum ini dengan meminta bantuan kepada pensyarah yang akan mengajar pada hari tersebut. Sehingga pada akhirnya, dari keseluruhan 220 set soal selidik yang diedarkan, hanya 195 soal selidik sahaja yang dapat dikumpulkan oleh pengkaji. Ini disebabkan responden tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyelesaikannya dengan segera sehingga soalan itu dilanjutkan untuk dijawab di rumah dan akhirnya terlupa untuk dipulangkan kepada pengkaji malah ada yang telah menghilangkan borang soal selidik tersebut.

#### **4.2.1 Berdasarkan Jurusan**

Daripada 195 jumlah responden yang mencakupi semua jurusan dan semester yang telah mewakili untuk mengisi borang soal selidik yang telah pengkaji edarkan, terdapat 14 responden (7.2%) merupakan pelajar jurusan Dakwah, 17 responden (8.7%) berasal dari jurusan Tarbiyah Matematika, 20 responden (10.3%) pelajar jurusan Tarbiyah Bahasa Arab (PBA), 21 responden (10.8%) pelajar jurusan Tarbiyah Bahasa Inggeris (PBI) dan 30 responden (15.4%) adalah pelajar jurusan Tarbiyah yang mengambil spesifik Pendidikan Agama Islam (PAI). Manakala perwakilan pelajar dari jurusan Syariah terdapat 45 responden (23.1%) merupakan pelajar yang mengambil spesifik Ahwal Syakhsiyyah (AS) iaitu Undang-undang Sivil dan 48 responden (24.6%) mereka yang mengambil spesifik Muamalah. Data tersebut dapat dilihat pada jadual 1. Majoriti responden adalah pelajar jurusan Syariah kerana Usul Fiqh merupakan pelajaran asas

bagi jurusan tersebut. Oleh itu pengkaji memilih mereka lebih banyak untuk mengisi soal selidik berbanding jurusan yang lain.

Rajah 4.2.1 Profil Responden Berdasarkan Jurusan




Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.2.2 Berdasarkan Semester

Pengkaji menjalankan penelitian ketika pelajar berada pada semester genap iaitu II, IV dan seterusnya. Majoriti responden adalah pelajar semester VI, kemudian IV dan II kerana hanya semester-semester tersebut yang sedang aktif mengikuti proses pengajian di kelas. Sedangkan pelajar semester VIII, X, XII, dan XIV hanya sejumlah pelajar yang sedang mengunjungi kampus dengan pelbagai keperluan, sama ada mereka yang sedang mencari bahan rujukan skripsi (Latihan Kerja Ilmiah) di perpustakaan ataupun menyelesaikan keperluan di bahagian pentadbiran dan keperluan lain. Pengambilan pelajar yang sedang menempuh semester VI lebih banyak dijadikan responden kerana menurut pengkaji, mereka telah pun menyelesaikan pengambilan seluruh subjek Usul Fiqh dari Usul Fiqh I, Usul Fiqh II dan Usul Fiqh III sehingga dapat menilai keberkesanan pengajaran Usul Fiqh secara keseluruhan.

#### Rajah 4.2.2 Profil Responden Berdasarkan Semester



Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.2.3 Umur Responden

Merujuk kepada jadual di bawah, profil responden berdasarkan umur yang sedang mengambil program Sarjana Muda di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa mendapati bahawa majoriti mereka adalah 138 responden (70.8%) berusia 20-25 tahun dan 52 responden (26.7%) merupakan pelajar berusia dibawah 20 tahun. Hanya sedikit pelajar yang berusia 26-30 tahun iaitu 5 responden (2.6%). Lihat jadual 4.2.3.

Jadual 4.2.3 Umur Responden

Umur		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Bawah 20 tahun	52	26.7	26.7	26.7
	20-25 tahun	138	70.8	70.8	97.4
	26-30 tahun	5	2.6	2.6	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.



#### 4.2.4 Status Perkahwinan

Majoriti pelajar di STAIN Zawiyah Cot Kala masih berstatuskan bujang. Perkara itu dapat kita lihat di jadual 4.2.4 yang mana peratusan daripada responden iaitu 179 responden (91.8%) belum berkahwin manakala hanya 15 responden (7.7%) sahaja yang sudah berkahwin. Dan terdapat 1 responden yang tidak mengisi, mungkin tersilap kerana keterbatasan waktu ketika mengisi sehingga ada soalan yang terlepas pandang dan dia tidak memeriksa kembali sebelum mengembalikan kepada pengkaji.

Jadual 4.2.4 Status Perkahwinan

<b>Status Perkahwinan</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Berkahwin	15	7.7	7.7	7.7
	Bujang	179	91.8	92.3	100.0
	Total	194	99.5	100.0	
Missing	System	1	.5		
Total		195	100.0		

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.2.5 Tempat Penginapan Pelajar

Hampir seluruh pelajar STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa merupakan masyarakat tempatan sehingga 150 responden (76.9%) adalah pelajar yang tinggal bersama keluarganya disebabkan lokasi yang tidak terlalu jauh. Namun, terdapat sejumlah pelajar yang bukan masyarakat tempatan sehingga 37 responden (19.0%) mengambil inisiatif untuk menyewa tempat tinggal dipersekitaran kampus dan 8 responden (4.1%) memilih untuk tinggal di pondok-pondok sebagai pelajar ataupun guru di pondok tersebut. Ini dapat dilihat pada jadual 4.2.5.

Jadual 4.2.5 Tempat Penginapan Pelajar

Tempat penginapan		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tinggal bersama keluarga	150	76.9	76.9	76.9
	Asrama/pondok yang disediakan	8	4.1	4.1	81.0
	Menyewa (di luar pondok)	37	19.0	19.0	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

Jika dilihat pada tempat penginapan individu terkadang itu juga menjadi faktor masalah tersendiri bagi sebahagian pelajar kerana rutin seharian pelajar di dalam kehidupan mereka turut mempengaruhi cara atau masa kesempatan yang mereka peroleh untuk dapat belajar dengan lebih fokus ataupun tidak. Secara kebiasaanya, pelajar yang tinggal terpisah dengan keluarga lebih memiliki kecukupan masa untuk dapat lebih fokus kepada pelajaran berbanding pelajar yang tinggal bersama orang tua, mereka yang mempunyai kesempatan untuk lebih sering berkumpul bersama keluarga sama ada untuk menonton atau berbual ataupun memiliki rutin keseharian membantu menyelesaikan pekerjaan rumah, sehingga mengambil sebahagian waktu mereka dari mengerjakan tugas mahupun sekedar mengulangkaji pelajaran. Kita lihat kepada pencapaian PNGK pelajar berikut mengikut kepada pengaruh tempat tinggal mereka.

Jadual 4.2.6 Pencapaian PNGK Pelajar Mengikut kepada Pengaruh Tempat Tinggal

Tempat penginapan * jumlah pencapaian PNGK		Berapakah jumlah pencapaian PNGK yang terkini					Total
		3.57-4.00	3.00-3.66	2.50-2.99	2.00-2.49	<2.00	
Tempat penginapan	Tinggal bersama keluarga	4	106	39	0	1	150
	Asrama/pondok yang disediakan	1	5	2	0	0	8
	Menyewa (di luar pondok)	0	20	15	1	1	37
Total		5	131	56	1	2	195

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

Hal itu dapat dilihat pada jadual di 4.2.6, nampak jelas perbandingan antara individu yang tinggal bersama keluarganya dengan individu yang tinggal terpisah dengan keluarganya. Dari 150 responden yang tinggal bersama keluarganya hanya 4 responden yang mendapat PNGK antara 3.57-4.00, dan 106 respondennya mendapat nilai rata-rata 3.00-3.66 dan seterusnya. Manakala dari 8 responden yang tinggal terpisah dari keluarganya terdapat 1 responden yang memperolehi PNGK 3.57-4.00 dan 5 respondennya memperolehi PNGK 3.00-3.66 dan seterusnya. Namun, bukanlah bermaksud bahawa pelajar yang tinggal bersama keluarganya lalu mendapat kesan yang negatif, kerana semua itu terpulang kepada kondisi dan perhatian keluarga mereka jua. Menurut pengkaji, dalam hal ini bukan tempat yang patut dipersalahkan, namun perhatian ibu bapa yang perlu lebih dipertegaskan.

#### **4.2.7 Sumber Kewangan Pelajar**

Oleh kerana majoriti pelajar STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa belum bekerja sehingga kebanyakan daripada mereka iaitu seramai 142 responden (72.8%) masih dibiayai oleh ibu bapa, namun demikian terdapat 37 responden (19.0%) yang membiayai diri mereka sendiri mungkin disebabkan faktor ekonomi keluarga yang tidak mencukupi sehingga mereka terpaksa bekerja separuh masa di samping kesibukan kuliah untuk meringankan beban orang tua. Hanya 12 (6.2%) dari responden yang mendapatkan tajaan daripada Yayasan STAIN Zawiyah Cot Kala yang pastinya telah memenuhi syarat sebagai pelajar yang berhak menerima tajaan belajar di STAIN tersebut, antara syarat-syarat tersebut ialah menghafal 30 juzuk al-Quran. Terdapat 4 responden (2.1%) yang mendapatkan tajaan daripada pihak luar.

Jadual 4.2.7 Sumber Kewangan Pelajar

Sumber kewangan membiayai pelajaran	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Yayasan Cot Kala	12	6.2	6.2	6.2
Biasiswa lembaga lain	4	2.1	2.1	8.2
Wang sendiri	37	19.0	19.0	27.2
Keluarga	142	72.8	72.8	100.0
Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.2.8 Kerjaya yang Ingin Diceburi Setelah Tamat Pengajian

Adapun kerjaya yang ingin diceburi oleh pelajar setelah tamat pengajian adalah seramai 78 responden (40.0%) memilih ingin menjadi guru dan sejenisnya iaitu menyumbang ilmu yang ada kepada masyarakat, 60 responden (30.8%) memilih bekerja di pejabat, 25 responden (12.8%) memilih bekerja di bank, dan 20 responden (10.3%) memilih berniaga. Namun demikian terdapat 12 responden (6,2%) yang belum memikirkan kerjaya apa yang ingin diceburi selepas tamat pengajian. Itu dapat dilihat dari rajah berikut.

Rajah 4.2.8 Kerjaya yang Ingin Diceburi Setelah Tamat Pengajian



Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.2.9 Penggunaan Masa di Rumah

Pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh pelajar STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa di luar waktu belajar dapat dilihat pada jadual 4.2.9. Seramai 73 responden (37.4%) adalah menolong ibu bapa. Kadangkala kesibukan mereka dalam menyelesaikan pekerjaan di rumah menyebabkan mereka tidak memiliki masa yang mencukupi untuk mengulangkaji pelajaran. Tambahan pula mereka yang memiliki waktu pembelajaran al-Quran pada sebelah petang ataupun malam hari sehingga keadaan tersebut benar-benar menghabiskan sebahagian masa mereka untuk belajar dengan lebih efisien.

Selain itu, terdapat beberapa pelajar yang menggunakan waktu untuk bekerja separuh masa bagi meringankan kewangan keluarganya iaitu 37 responden (19.0%). Hal tersebut juga antara faktor seseorang tidak dapat belajar dengan sebaiknya. Namun terdapat 51 responden (26.2%) yang memiliki banyak waktu kosong sehingga dapat mengulangkaji pelajaran dengan baik, kebanyakan mereka ini tidak memiliki banyak pekerjaan di rumah untuk dilakukan dan juga mungkin tidak ada agenda mempelajari al-Quran sebagaimana disebutkan di atas. Begitu juga dengan 24 responden (12.3%) yang memilih menonton TV daripada mengulangkaji pelajaran. Pelbagai program TV telah menarik perhatian masyarakat. Mereka dihiasi dengan pelbagai rancangan sehingga membuat seseorang menjadi lalai daripada melaksanakan kewajipan sebagai seorang pelajar. Manakala 10 responden (5.1%) menjawab lain-lain. Lihat jadual berikut:

Jadual 4.2.9 Penggunaan Masa di Rumah

<b>Penggunaan Masa di Rumah</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Menolong ibu bapa	73	37.4	37.4	37.4
	Menonton TV	24	12.3	12.3	49.7
	Baca buku dan buat kerja rumah	51	26.2	26.2	75.9
	Bekerja paruh waktu	37	19.0	19.0	94.9
	Lain-lain	10	5.1	5.1	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.2.10 Pernahkah Anda Bersekolah Agama?

Analisis seterusnya bertujuan untuk mengenalpasti latar belakang kelulusan pelajar, sama ada berkelulusan sekolah Agama ataupun tidak. Seramai 91 responden (46.7%) menjawab pernah bersekolah agama sebelumnya dan 104 responden menjawab tidak pernah. Itu sebabnya mengapa kebanyakan daripada mereka perlu beradaptasi dengan pelajaran-pelajaran baharu sehingga mereka tidak memiliki masa yang mencukupi untuk memahami pelajaran dalam bidang pengajian Islam. Dari segi kesan hasil pembelajaran yang dicapai, majoriti pensyarah<sup>127</sup> memberi pandangan bahawa ianya kurang memuaskan, antara sebabnya ialah majoriti pelajar yang memiliki daya kemampuan dalam memahami pelajaran Usul Fiqh kurang bagus dan keseluruhan pensyarah bersetuju ianya berpengaruh besar dengan latar belakang pelajar yang bukan lulusan dari sekolah agama atau lulusan pondok. Lihat jadual 4.2.10.

Jadual 4.2.10 Pernahkah Anda Bersekolah Agama

<b>Pernahkah anda bersekolah agama</b>	<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid Ya	91	46.7	46.7	46.7
Tidak	104	53.3	53.3	100.0
Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

Menurut persepsi pensyarah terhadap pelajar berkelulusan sekolah Agama, kesemuanya bersetuju bahawa pelajar yang memiliki latar belakang kelulusan sekolah agama pada umumnya lebih mudah faham terhadap pelajaran yang disampaikan kerana telah memiliki kemahiran asas sehingga mereka tidak lagi asing terhadap terminologi-

---

<sup>127</sup>Mohammad Thabri dan Laila Mufida ( Pensyarah mata kuliah Usul Fiqh, Fakulti Tarbiah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa), dalam temubual dengan pengkaji, 3 April 2013. Siti Suryani dan Adelina Nasution (Pensyarah mata kuliah Usul Fiqh, Fakulti Syari'ah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa), dalam temubual dengan pengkaji, 2 April 2013.

terminologi ilmu yang diajarkan. Tambahan pula, mereka sudah mempunyai ilmu alat iaitu bahasa Arab untuk memahami ilmu ke-Islaman.<sup>128</sup>

Sedangkan untuk pelajar yang bukan berkelulusan sekolah agama, pensyarah sering mendapati wujud masalah dalam pembelajaran, seperti sukarnya memberi penjelasan tentang istilah-istilah dalam ilmu Usul Fiqh. Ditambah pula dengan sikap pelajar yang tidak memiliki semangat untuk belajar kerana dari awal mereka merasakan bahawa ilmu tersebut sukar untuk difahami, hal ini menjadi halangan besar bagi pensyarah dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar.<sup>129</sup> Menurut beliau lagi, bilangan pelajar yang bukan berkelulusan sekolah agama lebih mendominasi pelajar yang mempunyai latar belakang kelulusan sekolah agama. Contohnya, pada sesi pembelajaran tahun 2012-2013, dari enam unit (200 pelajar) yang beliau ajarkan, hanya 5 orang pelajar yang memiliki latar belakang kelulusan sekolah agama.

### **4.3 Pandangan atau Kecenderungan Pelajar**

#### **4.3.1 Alasan pelajar memilih program pengajian Islam**

Berdasarkan jawapan responden pada soal selidik terhadap alasan memilih program pengajian Islam, hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar memilih kerana ingin menambah ilmu pengetahuan Islam iaitu seramai 143 responden (73.3%). Manakala 27 responden (13.8%) memilih kerana memiliki minat pada program pengajian Islam. Selain itu, 9 responden (4.6%) memilih kerana pekerjaan, mungkin mereka ingin manjadi guru dalam bidang pengajian agama di sekolah, juga terdapat 4 responden (2.1%) yang terpaksa mengambil program ini disebabkan desakan ibu bapa

---

<sup>128</sup> *Ibid.*

<sup>129</sup> Adelina Nasution (Pensyarah mata kuliah Usul Fiqh, Fakulti Syari'ah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa).

mereka. Selebihnya seramai 12 responden (6.2%) yang mengambil program pengajian ini kerana tiada pilihan lain kerana mereka tidak memiliki kesempatan untuk melanjutkan pengajian pada program pilihan mereka, hal ini disebabkan keterbatasan kewangan atau tidak memenuhi syarat-syarat kemasukan pada program tertentu sehingga mereka terpaksa mengambil program pengajian Islam. Lihat jadual berikut:

Jadual 4.3.1 Alasan pelajar memilih program pengajian Islam

<b>Kenapa memilih pengajian Islam</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Menambah Pengetahuan Islam	143	73.3	73.3	73.3
	Untuk pekerjaan	9	4.6	4.6	77.9
	Minat	27	13.8	13.8	91.8
	Desakan ibu bapa	4	2.1	2.1	93.8
	Tiada pilihan lain	12	6.2	6.2	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### **4.3.2 Faktor Pelajar Memilih STAIN Zawiyah Cot Kala Sebagai Lanjutan Pengajian Mereka Setelah Tamat Sekolah Menengah.**

Kemudian kajian juga dibuat untuk mengetahui latar belakang dan sebab-sebab pelajar memilih STAIN Zawiyah Cot Kala sebagai tempat mereka menuntut ilmu. Daripada jawapan responden yang diperoleh, majoriti pelajar iaitu seramai 112 responden (57.4%) menjawab kerana minat dan kemahuan sendiri, namun terdapat 35 responden (17.9%) menjawab kerana minat dan dorongan ibu bapa mereka, dan 6 responden (3.1%) merupakan kerana dorongan daripada teman. Selebihnya 37 responden (19.0%) memilih STAIN Cot Kala kerana yuran kuliah yang murah, itu kerana STAIN Zawiyah Cot Kala merupakan perguruan tinggi yang berada di bawah kerajaan sehingga pembiayaan yuran relatif lebih murah berbanding sekolah-sekolah swasta. Manakala 5 responden (2.6%) memilih lain-lain. Lihat jadual 4.3.2.



Jadual 4.3.2 Faktor Pelajar Memilih STAIN Zawiyah Cot Kala Sebagai Lanjutan Pengajian Mereka Setelah Sebelumnya Tamat Sekolah Menengah.

Faktor belajar di STAIN Zawiyah Cot Kala		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Minat dan kemahuan sendiri	112	57.4	57.4	57.4
	Minat dan dorongan daripada keluarga	35	17.9	17.9	75.4
	Minat dan dorongan daripada kawan	6	3.1	3.1	78.5
	Biaya kuliah yang terjangkau	37	19.0	19.0	97.4
	Lain-lain	5	2.6	2.6	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

### 4.3.3 Minat Kepada Jurusan yang Telah Diambil

Kemudian soalan dilanjutkan untuk mengenalpasti minat pelajar terhadap jurusan yang telah mereka pilih semasa awal mula masuk di STAIN Zawiyah Cot Kala. Majoriti mereka menjawab berminat, iaitu 106 responden (54.4%), dan 65 responden (33.3%) menjawab amat berminat, namun terdapat 21 responden (10.8%) yang menjawab kurang minat dan hanya 3 responden (1.5%) yang menjawab tidak berminat. Bermakna hanya sebahagian kecil daripada jumlah responden yang memberi pandangan negatif terhadap pilihan jurusan yang telah mereka ambil. Justeru, hal ini tidaklah dapat dikatakan faktor terbesar yang memberi pengaruh kepada sukarnya pelajar dalam menyelesaikan pengajian dengan baik, khususnya untuk pelajaran-pelajaran agama seperti Usul Fiqh dan lain-lain kerana minat termasuk di antara hal penting yang mesti dimiliki oleh seseorang dalam mewujudkan cita-citanya.<sup>130</sup>

<sup>130</sup>Muhaini, "Pengajian Perbandingan Tentang Sikap dan Prestasi", 84.

Rajah 4.3.3 Minat kepada Jurusan yang Telah Diambil



Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.3.4 Syarat Kemasukan

Berkenaan syarat kemasukan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa, 113 responden (57.9%) daripada mereka memberi pandangan bahawa syarat kemasukan adalah ketat, mungkin dilihat kepada ujian yang diadakan bagi calon pelajar yang akan memasuki STAIN Zawiyah Cot Kala, dan 20 responden (10.3%) menganggap ianya sangat ketat, namun 48 responden (24.6%) berpendapat kurang ketat, mungkin itu bagi mereka yang dengan mudah menghadapi ujian yang diadakan ketika pendaftaran, boleh jadi mereka telah memiliki asas pendidikan agama yang bagus. Juga 14 responden (7.2%) memberi pandangan tidak ketat. Lihat jadual 4.3.4.

Jadual 4.3.4 Syarat Kemasukan

Syarat Kemasukan		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat ketat	20	10.3	10.3	10.3
	Ketat	113	57.9	57.9	68.2
	Kurang ketat	48	24.6	24.6	92.8
	Tidak ketat	14	7.2	7.2	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

### 4.3.5 Pandangan Pelajar Terhadap Program yang Telah Diambil

Hasil kajian diperoleh bahawa daripada 195 jumlah responden, terdapat 132 responden (67.7%) yang mengatakan bahawa program yang ditawarkan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa adalah sukar, namun itu adalah semestinya kerana sudah begitu isi pembelajarannya. Ianya dapat dilihat seperti program-program yang ditawarkan di UIN ar-Raniry Banda Aceh mahupun STAIN Malikussaleh Lhokseumawe puratanya adalah sama bahkan di IAIN dan STAIN lainnya di luar Aceh juga menawarkan program yang lebih kurang memiliki kesamaan. Bahkan terdapat 9 responden (4.6%) yang menyatakan ianya amat sukar bagi mereka. Namun 27 responden (13.8%) menyatakan kurang sukar, begitu pula 27 responden (13.8%) bakinya berpandangan tidak sukar.

Lihat graft di bawah:

Rajah 4.3.5 Pandangan Pelajar Terhadap Program yang Telah Diambil



Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

### 4.3.6 Persepsi Pelajar Tentang Ilmu Usul Fiqh

Seterusnya soal selidik juga diteruskan untuk mengetahui pandangan pelajar, sama ada mereka menganggap ilmu Usul Fiqh itu ilmu yang penting untuk dipelajari ataupun

tidak. Hampir kesemuanya bersetuju bahawa ilmu Usul Fiqh adalah ilmu asas dalam pengajian Islam, seramai 97 responden (49.7%) mengatakan penting dan 95 responden (48.7%) mengatakan amat penting dan hanya 3 responden (1.5%) yang mengatakan kurang penting. Bahkan tidak seorang pelajar pun yang mengatakan ianya tidak penting. Itu membuktikan bahawa pada realitinya mereka mengetahui tujuan daripada mempelajari ilmu Usul Fiqh. Lihat jadual berikut:

Jadual 4.3.6 Persepsi Pelajar Mengenai Ilmu Usul Fiqh

<b>Persepsi Pelajar Mengenai Ilmu Usul Fiqh</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Penting	97	49.7	49.7	49.7
	Amat penting	95	48.7	48.7	98.5
	Kurang penting	3	1.5	1.5	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.3.7 Tujuan Mempelajari Ilmu Usul Fiqh

Hasil analisis terhadap tujuan pelajar mempelajari ilmu Usul Fiqh mendapati bahawa majoriti mereka menginginkan untuk dapat memahami serta mengamalkannya iaitu sebanyak 171 responden (87.7%), namun 10 responden (5.1%) menjawab hanya sekadar lulus dalam peperiksaan bahkan 13 responden berasa terpaksa mengambil subjek ini kerana tidak ada pilihan untuk meninggalkan subjek ini pada semester yang telah ditentukan. Dan 1 responden tidak memberi sebarang pandangan. Mungkin tersilap ketika melihat soalan, sehingga soalan tersebut terlepas untuk dijawab. Lihat jadual 4.3.7.

Jadual 4.3.7 Tujuan Mempelajari Ilmu Usul Fiqh

<b>Tujuan Mempelajari Ilmu Usul Fiqh</b>	<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid untuk lulus peperiksaan sahaja	10	5.1	5.2	5.2
untuk difahami dan diamalkan	171	87.7	88.1	93.3
Tidak ada pilihan untuk tidak mengambil subjek ini	13	6.7	6.7	100.0
Total	194	99.5	100.0	
Missing System	1	.5		
Total	195	100.0		

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### **4.3.8 Bagaimana Pandangan Anda Terhadap Kemampuan Pensyarah yang Mengajarkan Ilmu Usul Fiqh**

Pada jadual di bawah ini dapat dilihat bahawa majoriti pelajar mengakui bahawa pensyarah untuk subjek Usul Fiqh khususnya memiliki kemampuan dan pengetahuan agama yang baik dengan jumlah 156 responden (80.0%) memberi respons tersebut. Namun 16 daripada jumlah responden (8.2%) menyatakan bahawa kemampuan pensyarah adalah sederhana, pada pendapat pengkaji, mungkin ini hanya pada sebahagian kecil pelajar yang mungkin tidak memiliki minat dengan ilmu tersebut atau mereka adalah pelajar yang tidak memiliki kemampuan menerima pelajaran dengan cepat sehingga bagi mereka pensyarah tersebut tidak dapat menarik minat mereka untuk dapat meminati ilmu tersebut. Namun, menurut pengkaji, tentunya sebahagian kecil sahaja daripada pensyarah yang penguasaannya terhadap ilmu tersebut belum memadai atau mungkin metode yang digunakan dalam mengajar yang kurang memuaskan sebagaimana seramai 23 responden (11.8%) menyatakan hal itu. Lihat jadual di bawah:

Jadual 4.3.8 Pandangan Anda Terhadap Kemampuan Pensyarah yang Mengajarkan Usul Fiqh

<b>Pandangan Anda Terhadap Kemampuan Pensyarah</b>	<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid Kemampuan dan pengetahuan agama yang baik	156	80.0	80.0	80.0
Kemampuan mereka biasa-biasa sahaja	16	8.2	8.2	88.2
Kemampuan dan metode mereka dalam mengajar kurang memuaskan	23	11.8	11.8	100.0
Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.3.9 Minat Pelajar Terhadap Subjek Usul Fiqh

Analisis selanjutnya adalah bertujuan untuk mengetahui adakah pelajar berminat terhadap ilmu Usul Fiqh, setelah sebelumnya mereka memberi pandangan berkenaan pentingnya ilmu Usul Fiqh. Majoriti pelajar mengatakan berminat terhadap ilmu Usul Fiqh, dengan jumlah responden 132 (67.7%), dan 40 responden (20.5%) memberi pandangan amat berminat, hanya 19 responden (9.7%) yang menunjukkan kurang berminat, malahan 4 responden (2.1%) tidak berminat langsung terhadap pelajaran Usul Fiqh, mungkin pelajaran ini dirasai amat sukar bagi mereka.

Jadual 4.3.9 Minat Pelajar Terhadap Subjek Usul Fiqh

<b>Minat Pelajar Terhadap Subjek Usul Fiqh</b>	<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid Amat berminat	40	20.5	20.5	20.5
Berminat	132	67.7	67.7	88.2
Kurang berminat	19	9.7	9.7	97.9
Tidak berminat	4	2.1	2.1	100.0
Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.3.10 Alasan Pelajar yang Menyatakan Memiliki Minat Terhadap Ilmu Usul Fiqh

Berkaitan dengan perkara tersebut dari 195 responden, 171 responden (87.7%) yang memberi pandangan positif terhadap minat kepada pelajaran Usul Fiqh, seramai 129 responden (66.2%) memberi alasan ingin mengetahui fungsi ilmu Usul Fiqh tersebut, iaitu bagaimana cara penyelesaian sesuatu masalah hukum melalui kaedah Usul Fiqh, 27 responden (13.8%) memilih kerana pensyarah menguasai ilmu yang disampaikan dengan baik sehingga mereka berpuas hati terhadap ilmu yang diperoleh. 9 responden (4.6%) berminat kerana mereka mempunyai asas yang cukup semasa menyelesaikan pengajian di peringkat sekolah menengah, namun baki 6 responden (3.1%) memberi pandangan kerana para pensyarah mudah dalam memberi markah sehingga mereka berasa senang dengan subjek tersebut.

Jadual 4.3.10 Alasan Pelajar yang Menyatakan Memiliki Minat Terhadap Ilmu Usul Fiqh

Alasan Jika berminat		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Mengetahui cara (proses) pengeluaran sesuatu hukum	129	66.2	75.4	75.4
	Pensyarah mengetahui materi dengan baik	27	13.8	15.8	91.2
	Pensyarah tidak begitu payah dalam memberi markah	6	3.1	3.5	94.7
	Kerana mahasiswa tamatan dari sekolah menengah agama	9	4.6	5.3	100.0
	Total	171	87.7	100.0	
Missing	System	24	12.3		
	Total	195	100.0		

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

Namun bagi sebahagian pelajar yang memberi pandangan negatif berkenaan subjek Usul Fiqh juga mempunyai pelbagai alasan antaranya 1 responden (0.5%) menyatakan pensyarah tidak menguasai subjek dengan baik, justeru alasan itu bertentangan dengan alasan majoriti daripada responden yang mengatakan para pensyarah menguasai subjek dengan baik (Lihat jadual 4.3.8). Kemudian 2 responden (1.0%) memberi alasan bahawa pensyarah terlalu sibuk bekerja di luar sehingga kurang memberi perhatian dan waktu yang lebih kepada pelajar, bahkan terpaksa mengambil sebahagian masa pelajaran mereka. Ada pula yang beralasan kerana metode pengajaran yang membosankan sehingga mereka yang tidak faham menjadi tidak berminat dengan ilmu tersebut ianya sebanyak 6 responden (3.1%). Manakala majoritinya sejumlah 14 responden (7.2%) kerana tidak memiliki latar belakang sekolah agama, sehingga pelajaran Usul Fiqh ini dirasakan baharu bagi mereka. Namun menurut Anizar<sup>131</sup> latar belakang pendidikan pelajar yang bukan berasal dari sekolah agama bukanlah punca utama bagi seseorang pelajar tidak dapat memahami sesuatu pelajaran, namun minat dan keseriusan seseorang pelajar itulah yang lebih mempengaruhi kejayaan mereka dalam memahami sesuatu ilmu. Sehingga menurut beliau, bagi pelajar yang memiliki minat dan keseriusan dalam belajar, walaupun ianya bukan pelajar berkelulusan sekolah agama sebelumnya, ianya akan memiliki kemampuan yang sama dengan pelajar yang berkelulusan sekolah agama.

Oleh itu, keupayaan pensyarah dalam meningkatkan semangat dan minat pelajar menjadi prioriti. Hal serupa juga dikemukakan oleh Siti Suryani<sup>132</sup> bahawa pensyarah perlu lebih memberi motivasi kepada pelajar untuk lebih rajin dan bersungguh-sungguh

---

<sup>131</sup>Anizar (Pensyarah mata kuliah Usul Fiqh, Fakulti Syari'ah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa), dalam temubual dengan pengkaji, 2 April 2013.

<sup>132</sup>Siti Suryani (Pensyarah mata kuliah Usul Fiqh, Fakulti Syari'ah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa).



sehingga mereka dapat mengikuti subjek Usul Fiqh. Pengkaji bersetuju dengan pandangan mereka, hanya sahaja pengkaji ingin menekankan lagi bahawa minat dan keseriusan itu mesti dibina sejak mereka mencuba mengenali ilmu tersebut sehingga mereka tertarik untuk mempelajarinya, ianya akan berterusan sampai ke titik akhir. Namun, apabila minat dan keseriusan baharu dibina pada tahun berikutnya, kemungkinan pelajar akan mudah bosan sehingga akhirnya berputus asa dengan sesuatu permasalahan yang tidak difahami.

Jadual 4.3.11 Alasan Pelajar yang Menyatakan Tidak Berminat Terhadap Ilmu Usul Fiqh

<b>Alasan jika tidak berminat</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Metode pengajaran membosankan	6	3.1	26.1	26.1
	Pensyarah tidak menguasai materi dengan baik	1	.5	4.3	30.4
	Pensyarah terlalu sibuk bekerja di luar	2	1.0	8.7	39.1
	Mahasiswa bukan berasal dari lulusan sekolah agama	14	7.2	60.9	100.0
	Total	23	11.8	100.0	
Missing	System	172	88.2		
	Total	195	100.0		

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

## 4.4 Persepsi Pelajar Berkenaan Metode Pengajaran

### 4.4.1 Metode yang Disukai dalam Penyampaian Ilmu Usul Fiqh

Berikut adalah persepsi pelajar berkenaan metode pengajaran yang paling mereka sukai dalam penyampaian materi oleh pensyarah. Graf di bawah menunjukkan ramai pelajar yang menyukai kaedah perbincangan atau diskusi ianya sebanyak 118 responden (60.5%) daripada jumlah keseluruhan, seramai 37 responden (19.0%) pula memilih kaedah kuliah atau ceramah sebagai kaedah yang mereka sukai. Selain itu, 23 responden (11.8%) lebih memilih kepada kaedah praktikal dan 13 responden (6.7%) daripada mereka memilih kaedah bercerita. Dan 4 responden (2.1%) di antara mereka tidak memberi sebarang pandangan. Lihat jadual 4.4.1 berikut.

Jadual 4.4.1 Metode yang disukai dalam penyampaian ilmu Usul Fiqh

<b>Metode yang disukai dalam penyampain pengajaran</b>	<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid Kuliah/ ceramah	37	19.0	19.0	19.0
Perbincangan/diskusi	118	60.5	60.5	79.5
Metode praktikal	23	11.8	11.8	91.3
Kaedah bercerita	13	6.7	6.7	97.9
Lain-lain	4	2.1	2.1	100.0
Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

### 4.4.2 Metode yang Sering Digunakan Oleh Pensyarah dalam Penyampaian Subjek Usul Fiqh

Berdasarkan kajian soal selidik yang dijalankan, jadual di bawah menunjukkan seramai 126 responden (64.6%) mengatakan metode diskusi dan soal jawab yang sering digunakan oleh pensyarah dalam penyampaian ilmu Usul Fiqh khususnya, begitu pula jawapan para pensyarah<sup>133</sup> ketika ditanya soalan yang sama ketika temu bual berlangsung. Namun 66 responden (33.8%) mengatakan metode ceramah yang sering

<sup>133</sup>Mohammad Thabri dan Laila Mufida ( Pensyarah mata kuliah Usul Fiqh, Fakulti Tarbiah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa).

sekali digunakan oleh pensyarah dalam penyampaian materi dan hanya 3 responden yang memberi jawapan metode praktikal.

Jadual 4.4.2 Metode yang Sering Digunakan oleh Pensyarah dalam Penyampaian

Subjek Usul Fiqh

<b>Metode yang Sering Digunakan</b>	<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid Metode kuliah/ceramah	66	33.8	33.8	33.8
metode diskusi dan tanya jawab	126	64.6	64.6	98.5
Metode praktikal	3	1.5	1.5	100.0
Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.4.3 Pandangan Pelajar Terhadap Metode Kuliah

Berikut adalah pandangan pelajar terhadap metode kuliah yang diguna pakai oleh pensyarah dalam penyampaian materi pelajaran. Seramai 133 responden (68.2%) bersetuju bahawa metode tersebut adalah baik bahkan 40 responden (20.5%) sangat bersetuju terhadap penggunaan metode kuliah tersebut. Hanya 20 responden (10.3%) yang memberi pandangan kurang bersetuju, baki 2 responden menyatakan tidak bersetuju. Dapat dikatakan di sini, besar peratusan pelajar yang memberi pandangan positif terhadap metode kuliah yang diguna pakai oleh para pensyarah dalam penyampaian materi pelajaran. Mungkin menurut pendapat pengkaji, untuk sebahagian besar daripada pelajaran pengajian Islam memang sudah bersesuaian dalam penyampaian pelajaran dengan menggunakan metode kuliah ini, hanya yang perlu diperhatikan lagi adalah bagaimana menciptakan suasana kelas untuk lebih hidup dan bersemangat sehingga pelajar tidak berasa bosan bahkan mengantuk di saat penyampaian kuliah sedang belangsung.

Jadual 4.4.3 Pandangan Pelajar Terhadap Metode Kuliah

<b>Pandangan Pelajar Terhadap Metode Kuliah</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Sangat baik	40	20.5	20.5	20.5
	Baik	133	68.2	68.2	88.7
	Kurang baik	20	10.3	10.3	99.0
	Tidak baik	2	1.0	1.0	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.4.4 Pandangan Pelajar Terhadap Metode Diskusi dan Soal Jawab

Berdasarkan jawapan responden terhadap pandangan mereka berkenaan metode diskusi dan soal jawab yang digunakan oleh para pensyarah dalam penyampaian kuliah adalah majoriti pelajar iaitu 122 responden (62.6%) menjawab baik terhadap penggunaan metode ini dan 60 responden (30.8%) mengatakan sangat baik, hanya 12 responden (6.2%) mengatakan kurang baik dan 1 responden yang mengatakan tidak baik. Di sini juga diperoleh bahawa peratusan pelajar adalah banyak yang memberi tanggapan positif terhadap metode tersebut. Boleh jadi kerana suasana belajar yang tercipta dengan menggunakan metode diskusi dan soal jawab itu lebih menciptakan suasana belajar yang lebih aktif, sehingga jauh daripada kesan negatif seperti suasana kelas yang membosankan bahkan pelajar kecil kemungkinan untuk berasa mengantuk. Lihat jadual 4.4.4.

Jadual 4.4.4 Pandangan Pelajar Terhadap Metode Diskusi dan Soal Jawab

<b>Pandangan Pelajar Terhadap Metode Diskusi</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Sangat baik	60	30.8	30.8	30.8
	Baik	122	62.6	62.6	93.3
	Kurang baik	12	6.2	6.2	99.5
	Tidak baik	1	.5	.5	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

## 4.5 Kaedah Pembelajaran

### 4.5.1 Tindakan Pelajar Apabila Tidak Memahami Sesuatu Pelajaran Secara Keseluruhan

Analisis penilaian terhadap cara pelajar mengatasi ketidakfahaman dalam sesuatu pelajaran iaitu seramai 83 responden (42.6%) lebih memilih untuk berbincang atau memecahkan masalah dengan sesama rakan berbanding mengulangkaji sendiri, itu dapat dilihat dengan jumlah 25 responden (12.8%) yang memilih cara dengan belajar bersendirian, terutama bagi mereka yang malu untuk bertanya kepada pensyarah pada saat pelajaran berlangsung di dalam kelas. Dan 76 responden (39.0%) lebih memilih dengan cara berbincang dengan pensyarah selama kegiatan kelas sedang berlangsung, manakala bakinya sebanyak 11 responden (5.6%) memilih membiarkannya sahaja, biasanya kerana pelajar tersebut tidak berminat dengan pelajaran tersebut atau bahkan mereka yang tidak memiliki semangat dalam menuntut ilmu.

Jadual 4.5.1 Tindakan Pelajar Disaat Tidak Memahami Sesuatu Pelajaran Secara Keseluruhan

<b>Jika tidak memahami sesuatu pelajaran</b>	<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid Berbincang dengan pensyarah	76	39.0	39.0	39.0
Berbincang dengan rakan	83	42.6	42.6	81.5
Mengulangkaji sendiri	25	12.8	12.8	94.4
Membiarkan sahaja	11	5.6	5.6	100.0
Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.5.2 Kaedah yang Digunakan Pelajar Khusus untuk Mengulangkaji Pelajaran Usul Fiqh

Kebiasaan pelajar yang diberikan tugas secara kumpulan sehingga membuat mereka terbiasa belajar bersama atau hanya sekadar bertanya kepada sesama rakan iaitu seramai 70 responden (35.9%) lebih sering berbincang dengan rakan untuk mengulangkaji pelajaran tersebut, 66 responden (33.8%) mengulangkaji pelajaran dengan berbincang dengan pensyarah ianya boleh selepas jam pelajaran atau di luar jam pelajaran. 40 responden lebih memilih belajar sendiri, boleh jadi disebabkan mereka sukar menentukan waktu untuk mengulangkaji dengan yang lain yang mana sebahagian besar mereka memiliki kesibukan di rumah atau bekerja separuh waktu sehingga dirasakan mengulangkaji secara individu adalah cara terbaik. 15 responden (7.7%) memilih interaktif dan 4 responden (2.1%) tidak memberi jawapan pasti.

Jadual 4.5.2 Kaedah yang Digunakan Pelajar Khusus untuk Mengulangkaji Ilmu Usul Fiqh

<b>Kaedah mengulangkaji Usul Fiqh</b>	<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid Berbincang dengan kawan	78	40.0	40.0	40.0
Berbincang dengan pensyarah	73	37.4	37.4	77.4
Belajar sendiri	40	20.5	20.5	97.9
lain-lain	4	2.1	2.1	100.0
Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

Pengkaji seterusnya melanjutkan soalan terhadap pelajar berkenaan kesan interaksi di antara pensyarah dengan pelajar adakah ianya baik. Merujuk kepada soalan sebelumnya terdapat pilihan cara pelajar menyelesaikan ketidakfahaman penjelasan melalui berbincang dengan pensyarah. Seramai 145 responden (74.4%) bersetuju bahawa komunikasi di antara pensyarah yang mengajar bidang pengajian Usul Fiqh dengan para pelajar adalah baik dan seramai 29 responden (14.9%) justeru sangat bersetuju atas pernyataan tersebut. Dan hanya 16 responden (8.2%) yang kurang bersetuju ditambah 5

responden (2.6%) yang menyatakan tidak setuju. Peratusan yang banyak adalah yang memberi jawapan positif. Oleh sebab itu berkenaan komunikasi di antara pengajar dan pelajar tidak menjadi masalah bagi pelajar dalam suasana pembelajaran.

Jadual 4.5.3 Kesan Interaksi Pelajar dengan Pensyarah

<b>Interaksi dengan pensyarah subjek usul fiqh adalah baik</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Sangat setuju	29	14.9	14.9	14.9
	Setuju	145	74.4	74.4	89.2
	Kurang setuju	16	8.2	8.2	97.4
	Tidak setuju	5	2.6	2.6	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

Seterusnya, soal kaji selidik dilanjutkan untuk mengenalpasti adakah pelajar pernah diberi tugas untuk melakukan penyelidikan hukum bagi persoalan-persoalan hukum semasa. Majoriti pelajar menyatakan bahawa mereka tidak pernah dapat tugas untuk mencuba menyelesaikan persoalan semasa iaitu dengan jumlah responden 175 pelajar (89.7%) dan hanya 20 responden (10.3%) yang menyatakan pernah.

Jadual 4.5.4 Tugas Melakukan Penyelidikan

<b>Tugas untuk melakukan penyelidikan</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Ya	20	10.3	10.3	10.3
	Tidak	175	89.7	89.7	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.6 Kesan Pembelajaran

Soalan dilanjutkan untuk mengetahui adakah subjek Usul Fiqh yang disampaikan oleh pensyarah adalah jelas difahami ataupun tidak. Majoriti pelajar telah bersetuju bahawa subjek Usul Fiqh yang disampaikan oleh pensyarah adalah jelas difahami iaitu dengan jumlah bilangan responden 122 (62.6%) dan diikuti dengan 21 responden (10.8%)

menyatakan sangat setuju. Namun 48 responden (24.6%) kurang bersetuju dengan pernyataan di atas bahkan 4 responden (2.1%) tidak bersetuju dengan pernyataan di atas. Dapat disimpulkan bahawa 2,5 % dari jumlah responden memberi pandangan yang tidak positif, ini menunjukkan  $\frac{1}{4}$  dari peratusan pelajar yang menjadi responden masih kurang berpuas hati terhadap pencapaian dari pembelajaran ilmu tersebut. Lihat jadual 4.6.1 di bawah:

Jadual 4.6.1 Kefahaman Pelajar Terhadap Subjek Usul Fiqh

<b>Pelajar faham terhadap subjek Usul Fiqh</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Sangat setuju	21	10.8	10.8	10.8
	Setuju	122	62.6	62.6	73.3
	Kurang setuju	48	24.6	24.6	97.9
	Tidak setuju	4	2.1	2.1	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

Soal berikutnya untuk mengenalpasti pandangan pelajar adakah pengajian Usul Fiqh yang dipelajari di STAIN Zawiyah Cot Kala dapat memberi penjelasan kepada persoalan-persoalan hukum Fiqh yang dihadapi di dalam kehidupan keseharian. Pada umumnya, majoriti pelajar memberi respon yang positif terhadap ilmu Usul Fiqh yang mana ilmu tersebut dapat menjawab persoalan-persoalan hukum yang dihadapi dalam keseharian. 79 responden (40.5%) mengatakan ianya amat bererti, dan 109 responden (55.9%) menyatakan ianya bererti. Manakala yang memberi pandangan negatif iaitu 6 responden (3.1%) menyatakan kurang bererti dan hanya 1 responden (0.5%) yang menyatakan ianya tak bererti langsung. Lihat jadual 4.6.2.



Jadual 4.6.2 Adakah pengajian Usul Fiqh yang dipelajari di STAIN Zawiyah Cot Kala memberi penjelasan kepada persoalan-persoalan hukum Fiqh yang dihadapi di dalam kehidupan keseharian.

<b>Kategori</b>	<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid amat bererti	79	40.5	40.5	40.5
Bererti	109	55.9	55.9	96.4
kurang bererti	6	3.1	3.1	99.5
tidak bererti	1	.5	.5	100.0
Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

Seterusnya soalan berkenaan pandangan pelajar, secara keseluruhan adakah subjek yang ditawarkan di STAIN Zawiyah Cot Kala memenuhi matlamat program pengajian Islam. Berdasarkan analisis soal selidik terhadap bagaimana pandangan pelajar terhadap keseluruhan subjek yang ditawarkan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa, 47 responden (24.1%) menyatakan bahawa ianya memenuhi matlamat pengajian Islam sepenuhnya, dan 103 responden (52.8%) berpendapat hanya sebahagian besar dari keseluruhan subjek sahaja yang memenuhi matlamat pengajian Islam. Sedangkan 35 responden (17.9%) memberi pandangan bahawa hanya sebahagian kecil dari keseluruhan pelajaran sahaja yang dapat dikatakan memenuhi matlamat pengajian Islam. Bahkan 10 responden (5.1%) menyatakan ianya tidak memenuhi langsung. Lihat *bar chart* di bawah:

Jadual 4.6.3



Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

## 4.7 Kemudahan Pembelajaran

### 4.7.1 Alat bantuan mengajar yang digunakan oleh pensyarah dalam penyampaian materi

Seramai 129 responden (66.2%) bersetuju bahawa para pensyarah hanya menggunakan nota atau buku tambahan di saat mengajar tanpa bantuan sebarang alat apa jua. Hal ini kerana pada sebahagian pelajaran dirasai tidak perlu menggunakan sebarang alat untuk penyampaian, cukup dengan penjelasan dari pensyarah, dirasai telah bersesuaian dengan isi kandungan pelajaran sebagaimana 35 responden (17.9%) menyatakan tiada sebarang alat bantuan yang digunakan oleh pensyarah, itu adalah sama seperti jawapan majoriti pelajar sebelumnya maksudnya hanya dengan menggunakan buku sahaja. 12 responden (6.2%) mengatakan bahawa pensyarah menggunakan alat bantu komputer, iaitu hanya pada sebahagian kecil subjek tertentu dan hanya pensyarah tertentu yang menggunakan komputer atau laptop sejenisnya seperti 11 responden yang mengatakan pensyarah

menggunakan projektor dan 3 responden menyatakan pensyarah menggunakan LCD disaat mengajar dan hal itu tidak terwujud pada bidang subjek Usul Fiqh dan 5 responden menyatakan lain-lain.

Menurut pendapat pengkaji, hal itu tidak mempengaruhi pelajar untuk tidak dapat memahami pelajaran Usul Fiqh secara langsung, walaupun ianya pada hakikatnya mempengaruhi semangat pelajar dalam menerima penjelasan dari pensyarah. Kerana dengan menggunakan sarana seperti projektor dan lain-lain yang dapat menyentuh visual penglihatan, akan menciptakan suasana belajar lebih menarik daripada hanya memperoleh ilmu dengan hanya mendengar sahaja. Lihat jadual berikut:

Jadual 4.7.1 Alat bantuan mengajar yang digunakan oleh pensyarah dalam penyampaian materi

<b>Alat bantuan mengajar</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	LCD	3	1.5	1.5	1.5
	Projektor (OPH)	11	5.6	5.6	7.2
	Komputer	12	6.2	6.2	13.3
	Nota/buku tambahan	129	66.2	66.2	79.5
	Tiada alat bantuan mengajar	35	17.9	17.9	97.4
	lain-lain	5	2.6	2.6	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### **4.7.2 Dimanakah pelajar mendapatkan bahan rujukan bagi setiap subjek**

STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa telah berupaya menyediakan koleksi buku rujukan sehingga sedikit lebih mudah bagi pelajar untuk mendapatkan bahan bacaan, namun penambahan jumlah pelajar yang semakin meningkat di setiap tahunnya menjadikan stok persediaan bahan yang sedia ada tidak mencukupi bilangan jumlah pelajar yang ingin menggunakan buku tersebut. 172 responden (88.2%) menyatakan mendapatkan rujukan dari perpustakaan kampus. 10 responden (5.1%) mengatakan dapat bahan rujukan dari pensyarah, kerana terkadang sebahagian pensyarah menggunakan buku

tambahan yang tidak tersedia di perpustakaan sehingga beberapa pelajar berminat untuk meminjam buku tersebut lalu membuat salinan. 8 responden (4.1%) lebih suka meminjam buku daripada rakan-rakannya walaupun rakan mereka memperoleh buku tersebut dari perpustakaan, namun sifat malas mereka untuk pergi ke perpustakaan terkadang membuat mereka lebih tertuju kepada rakan-rakannya. Namun ada 2 responden (1.0%) yang menjawab dengan membelinya, boleh jadi kerana ingin memiliki buku tersebut atau merupakan buku rujukan yang tidak tersedia di perpustakaan. Dan 3 responden (1.5%) memperoleh bahan rujukan dengan cara lain, mungkin mereka maksudkan melalui internet atau meminjam dari perpustakaan lain.

Jadual 4.7.2 Dimanakah pelajar mendapatkan bahan rujukan bagi setiap subjek

<b>Dimana anda mendapatkan bahan rujukan bagi setiap subjek</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Perpustakaan	172	88.2	88.2	88.2
	Pensyarah	10	5.1	5.1	93.3
	Rakan-rakan	8	4.1	4.1	97.4
	Beli	2	1.0	1.0	98.5
	lain-lain	3	1.5	1.5	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

Dengan demikian dapat pula kita simpulkan bahawa persediaan bahan rujukan di perpustakaan STAIN Zawiyah Cot Kala belum terpenuhi sebagaimana semestinya hal itu dapat diyakinkan lagi dengan pernyataan pelajar sebagai berikut iaitu 104 responden (53.3%) menyatakan bahan rujukan yang disediakan kampus tidak mencukupi, namun 91 responden (46.7%) menyatakan ianya tercukupi. Menurut pengkaji, maksud tercukupi menurut mereka adalah tercukupi secara individual bukan secara keseluruhan jumlah pelajar. Lihat pada jadual berikut:

Jadual 4.7.3

<b>Buku rujukan Universiti</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Mencukupi	91	46.7	46.7	46.7
	Tidak mencukupi	104	53.3	53.3	100.0
	<b>Total</b>	<b>195</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.7.4 Bahan rujukan yang kerap digunakan oleh pelajar

Seramai 167 responden (85.6%) bersetuju bahawa bahan rujukan yang sering digunakan oleh mereka ialah buku-buku dalam bahasa Indonesia dan 24 responden (12.3%) daripada mereka lebih gemar menggunakan bahan rujukan dalam bahasa Arab, mungkin kerana perbincangan dan penjelasannya yang lebih mendalam berbanding buku-buku rujukan dalam bahasa Indonesia dan tentunya hal itu bagi mereka yang memahami bahasa Arab. Manakala empat responden memilih bahan rujukan dalam bahasa Inggeris, kemungkinan mereka terjumpa artikel atau rujukan dalam bahasa Inggeris, atau responden hanya memberi jawapan dengan sambil lewa.

Jadual 4.7.4. Bahan rujukan yang kerap digunakan oleh pelajar

<b>Bahan rujukan yang kerap digunakan</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Bahasa Indonesia	167	85.6	85.6	85.6
	Bahasa Inggeris	4	2.1	2.1	87.7
	Bahasa Arab	24	12.3	12.3	100.0
	<b>Total</b>	<b>195</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.7.5 Bahasa pengantar dalam penyampaian materi

Bahasa pengantar yang digunakan oleh para pensyarah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa ini pada umumnya adalah bahasa Indonesia, namun hanya pensyarah untuk subjek Bahasa Inggeris sahaja yang lebih sering menggunakan Bahasa Inggeris sedangkan untuk subjek Bahasa Arab, pensyarah sulit menerapkan penyampaian dalam bahasa Arab kerana hampir keseluruhan pelajar tidak dapat memahami apa yang

disampaikan, berbeza dengan Bahasa Inggeris yang purata mereka telah menjumpainya pada tingkat sekolah menengah dan lainnya.

Untuk materi usul Fiqh, 139 responden (71.3%) bersetuju bahawa bahasa penyampaian yang digunakan oleh pensyarah adalah bahasa Indonesia. Dan 9 responden (4.6%) mengatakan pensyarah menggunakan bahasa Arab, Menurut pengkaji tepatnya adalah bukan secara menyeluruh, akan tetapi sebahagian pensyarah terkadang sering menggunakan sedikit sahaja istilah dengan bahasa Arab. 2 responden (1.0%) menyatakan para pensyarah menggunakan bahasa Inggeris dalam penyampaian materi,

Menurut pengamatan pengkaji hal ini adalah tidak benar adanya, kemungkina 2 responden ini menjawab soalan dengan tidak membaca dengan seksama atau sama sekali tidak membaca soalan, dapat dikatakan 2 suara ini invalid. Namun 45 responden (23.1%) menyatakan bahawa pensyarah menggunakan bahasa campuran, iaitu bahasa Indonesia dan Aceh kerana para pelajar yang besar peratusannya adalah orang Aceh sehingga terkadang pensyarah mahupun pelajarnya lebih suka menggunakan bahasa Aceh. Namun pengkaji tahu tentunya bukan untuk menjelaskan pelajaran secara menyeluruh, tetapi hanya sekali sekala menggunakan bahasa Aceh ketika melakukan proses pembelajaran. Perkara tersebut pada hakikatnya tidak banyak mempengaruhi pelajar untuk tidak memahami apa yang pensyarah sampaikan kerana kebiasaannya pensyarah telah pun menjelaskan terlebih dahulu subjek yang akan diajarkan dengan bahasa Indonesia, kecuali dalam perkara-perkara tertentu kadang-kala diulang dengan bahasa Aceh, mungkin untuk memberikan penjelasan yang lebih tepat kepada pelajar.

Jadual 4.7.5 Bahasa pengantar dalam penyampaian materi

Bahasa pengantar		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Bahasa Arab	9	4.6	4.6	4.6
	Bahasa Indonesia	139	71.3	71.3	75.9
	Bahasa Inggris	2	1.0	1.0	76.9
	Campur-campur	45	23.1	23.1	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.8 Apakah Masalah-Masalah yang Anda Hadapi Dalam Mempelajari Pengajian Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa

##### 4.8.1 Masalah Pertama

Jadual 4.8.1 menunjukkan purata masalah pelajar dalam memahami ilmu Usul Fiqh iaitu 104 responden (53.3%) memilih alasan kurangnya penguasaan bahasa Arab sehingga mereka sukar dalam memahami dan mengingat tentang muşţalah-muşţalah dalam ilmu Usul Fiqh, terlebih harus merujuk bahan pengajian kepada kitab-kitab turath. Seramai 46 responden (23.6%) memilih alasan bahawa perbahasan dalam kitab Usul Fiqh terlalu tinggi. Sebenarnya, itulah ketetapan isi kandungan pelajaran tersebut. Mungkin mereka yang tidak memiliki asas sebelumnya berasa sukar untuk memahaminya disebabkan itu kali pertama mendengar atau mencuba untuk mempelajarinya. Namun seperti ungkapan seorang pensyarah<sup>134</sup> beliau mencadangkan agar silibus yang diberikan tidak terlalu tinggi sehingga dengan melihat kepada latar belakang pelajar, akan memudahkan pelajar dalam menerima ilmu tersebut. 25 responden (12.8%) memberi alasan bahawa sukatan pengajian Usul fiqh yang dirasai terlalu banyak sehingga mereka sulit mengemas dengan baik. Dan terdapat 20 responden (10.3%) yang memberi alasan bahawa huraian yang disampaikan oleh pensyarah kurang difahami. Lihat jadual berikut:

<sup>134</sup>Laila Mufida (Pensyarah mata kuliah Usul Fiqh, Fakulti Tarbiah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa).

Jadual 4.8.1

Masalah pertama		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Perbahasan dalam kitab Usul Fiqh terlalu tinggi	46	23.6	23.6	23.6
	Kelemahan penguasaan bahasa Arab	104	53.3	53.3	76.9
	Huraian yang disampaikan pensyarah kurang difahami	20	10.3	10.3	87.2
	Sukatan pengajian ushul fiqh yang terlalu banyak	25	12.8	12.8	100.0
	Total	195	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

#### 4.8.2 Masalah Kedua

Pada pernyataan pelajar berkenaan masalah kedua bagi mereka dalam mempelajari ilmu Usul Fiqh iaitu sebanyak 33 responden (16.9%) memberi pernyataan bahawa kurangnya bahan rujukan merupakan masalah di point permasalahan kedua bagi mereka pada soal kaji selidik yang pengkaji sediakan. Manakala 35 responden (17.9%) menyatakan bahawa mereka tidak memiliki kemahiran asas bahasa Arab dan 38 responden (19.5%) memberi pandangan bahawa penyampaian pensyarah yang kurang jelas. Kedua pernyataan tersebut sebagaimana jawapan sebahagian responden pada permasalahan pertama, menurut pengkaji, di sini menunjukkan bahawa besar peratusan pelajar memiliki masalah dalam pembelajaran ilmu Usul Fiqh dari segi lemahnya kemahiran asas bahasa Arab dan huraian yang disampaikan oleh pensyarah kurang dimengerti.

Salah seorang pensyarah yang pengkaji tidak dapat sebutkan namanya di sini, mengatakan bahawa pensyarah untuk setiap bidang pengajian mestilah seseorang yang benar-benar memahami bidangnya. Pemberian jadwal pengajaran lebih daripada satu bidang pengajian kepada seorang pensyarah adalah tindakan yang tidak salah, selama ia



benar-benar memahami bidang tersebut tidak setakat hanya sekadar tahu atau bahkan hanya dengan melihat kepada latar belakang kelulusan seseorang sahaja. 6 responden (3.15%) menjawab kerana fasiliti yang tidak memadai seperti halnya tidak ada projektor untuk setiap ruangan. Baki sebanyak 22 responden (11.3%) menjawab lain-lain. Dan 61 responden (31.3%) tidak memberi sebarang alasan untuk permasalahan selanjutnya yang mereka hadapi.

Jadual 4.8.2

Masalah dalam mempelajari Usul Fiqh		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Kurang bahan rujukan	33	16.9	24.6	24.6
	Tidak memiliki kemahiran asas bahasa Arab	35	17.9	26.1	50.7
	Penyampaian dosen kurang jelas	38	19.5	28.4	79.1
	Kurang fasiliti	6	3.1	4.5	83.6
	Lain-lain <sup>135</sup>	22	11.3	16.4	100.0
	Total	134	68.7	100.0	
Missing	System	61	31.3		
	Total	195	100.0		

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

<sup>135</sup> Seperti pembahasan yang dirasai terlalu tinggi dan sukatan yang terlalu banyak sehingga perlunya penambahan jam kredit, terlalu banyak tugas dengan pelbagai mata kuliah lain, kurang diberi tugas yang membincangkan permasalahan semasa, bilangan pelajar yang terlalu banyak untuk tiap bilik belajar dan pelajar tidak memiliki minat terhadap mata kuliah Usul Fiqh.

## **4.9 Saran Pelajar**

### **4.9.1 Saran pelajar berkenaan pembelajaran Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa**

Dari analisis yang diperoleh, seramai 30 responden (15.4%) mengharapkan penyediaan bahan rujukan yang mencukupi di perpustakaan dan itu bersesuaian dengan persepsi para pensyarah yang mengatakan bahawa penyediaan buku-buku rujukan belum sepenuhnya tercukupi begitu pula penyediaan fasiliti lain yang menyokong kemudahan suatu pembelajaran seperti penyediaan computer dan sebagainya. 41 responden (21.0%) menginginkan metode pengajaran yang lebih efisien, lebih menarik, mengikut kemahiran pelajar yang tidak berkelulusan sekolah Agama sehingga pelajar lebih mudah memahami penyampaian materi dan lebih bersemangat dalam belajar. 15 responden (7.7%) menyarankan pengadaan kajian tentang bahasa Arab sekerap mungkin sebagaimana juga yang diungkapkan oleh majoriti pensyarah untuk lebih menekankan lagi upaya pembekalan dasar terhadap pelajar dalam mempelajari ilmu-ilmu agama, khususnya Usul Fiqh seperti pembekalan Bahasa Arab yang lebih maksima, dan itu dapat diupayakan melalui pelaksanaan matrikulasi bahasa pada masa awal para pelajar memasuki STAIN Zawiyah Cot Kala.

Thabri<sup>136</sup> menambah pula, dengan pengadaan seminar terhadap masalah-masalah kontemporer dan mengadakan pengajian-pengajian kasus sebagai penerapan atas kaedah-kaedah Usul Fiqh yang dipelajari. Dirasai dengan demikian mereka lebih kerap dan dekat dengan bahasa Arab dan Usul Fiqh sehingga menjadi penyelesaian bagi salah satu permasalahan terbesar pelajar di dalam memahami ilmu Usul Fiqh sebagaimana yang telah dianalisis di atas. Manakala 8 responden (4.1%) mencadangkan penggunaan

---

<sup>136</sup>Pensyarah mata kuliah Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.

alat bantu mengajar yang lebih menarik. Menurut pendapat pengkaji, walaupun selama ini sistem pengajaran subjek Usul Fiqh hanya dengan menggunakan beberapa buku rujukan dan dengan metode diskusi dirasai bersesuaian, namun benar adanya sebagaimana saran dari sejumlah pelajar yang menginginkan penggunaan alat bantu mengajar yang lebih menarik dan moden tentunya, seperti laptop dan projektor dapat membuat pelajar lebih bersemangat untuk boleh lebih fokus di saat pembelajaran sedang berlangsung. Dan 23 responden (11.8%) menjawab lain-lain, manakala baki seramai 78 responden (40.0%) tidak memberi sebarang cadangan.

Jadual 4.9.1 Saran pelajar berkenaan pembelajaran Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot

Kala Langsa

<b>Saran Pelajar</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Melengkapi bahan rujukan di perpustakaan	30	15.4	25.6	25.6
	Metode pengajaran yang lebih efisien	41	21.0	35.0	60.7
	Menggunakan alat bantu mengajar yang lebih menarik	8	4.1	6.8	67.5
	Mengadakan kajian tentang bahasa Arab sekerap mungkin	15	7.7	12.8	80.3
	Lain-lain <sup>137</sup>	23	11.8	19.7	100.0
	Total	117	60.0	100.0	
Missing	System	78	40.0		
Total		195	100.0		

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

<sup>137</sup>Penambahan jam kredit, penjelasan lebih kepada hukum semasa, mengurangi jumlah pelajar di tiap-tiap bilik belajar, adanya nota khusus dari pensyarah.

#### **4.9.2 Saran Pelajar Untuk Kemajuan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa Secara Keseluruhan**

Dari analisis soal kaji selidik diperoleh seramai 32 responden (16.4%) menginginkan sarana dan prasarana yang lebih mencukupi secara keseluruhan, bersesuaian dengan perkembangan teknologi terkini dan lebih layak lagi, seperti penempatan jumlah pelajar bagi tiap-tiap bilik belajar, kerana menurut seorang pensyarah<sup>138</sup> kuantiti penempatan sejumlah bilangan pelajar dalam satu ruangan juga turut mempengaruhi kualiti pembelajaran yang berlaku, sehingga kebanyakan kita lihat, penempatan jumlah bilangan yang terlalu banyak dalam satu ruangan sering menciptakan suasana belajar yang kurang kondusif.

Selain itu, pelajar juga menginginkan adanya penggunaan komputer, projektor dan sebagainya sebagai alat bantu mengajar, penyediaan buku-buku yang berkualiti, lengkap serta mencukupi dengan jumlah para pelajar khususnya juga ditambah para pengguna dari kalangan pensyarah dan kaki tangan STAIN Zawiyah Cot Kala. 16 responden (8.2%) menginginkan cara penyampaian pensyarah agar lebih menarik dan lebih dapat difahami oleh pelajar dengan mudah, mungkin disebabkan pada sebahagian pensyarah yang memberi penjelasan tidak sistematis, menjadikan pelajar tidak faham terhadap sesuatu pembelajaran daripada subjek yang diajarkan. 15 responden (7.7%) menginginkan agar para pensyarah mempunyai latar belakang yang bersesuaian dengan subjek yang diajarkan, sehingga para pensyarah dapat memberi penjelasan dengan lebih sempurna kerana memiliki kemampuan pada bidang tersebut. 6 responden (3.1%) menginginkan agar peraturan kedisiplinan tidak hanya berlaku pada kalangan pelajar,

---

<sup>138</sup>Thabri (Pensyarah subjek Usul Fiqh) dalam temubual, 3 April 2013.

namun kedisiplinan pengajar juga perlu ditegakkan. 26 responden (13.3%) menyatakan lain-lain. 100 responden (51.3%) tidak memberi sebarang cadangan.

Jadual 4.9.2 Saran Pelajar Untuk Kemajuan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa Secara

Keseluruhan

<b>Cadangan pelajar bagi STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa</b>		<b>Frequency</b>	<b>Percent</b>	<b>Valid Percent</b>	<b>Cumulative Percent</b>
Valid	Pemenuhan fasilitas pengajaran	32	16.4	33.7	33.7
	Peningkatan kualitas pengajar	15	7.7	15.8	49.5
	Metode penyampaian lebih bersesuaian dan menarik	16	8.2	16.8	66.3
	Kedisiplinan pengajar <sup>139</sup>	6	3.1	6.3	72.6
	Lain-lain	26	13.3	27.4	100.0
	Total	95	48.7	100.0	
Missing	Systems	100	51.3		
Total		195	100.0		

Sumber: Soal Selidik, 01-15 April 2013.

<sup>139</sup>Kadang kala sebahagian pensyarah tidak menghiraukan kepentingan masa sehingga sering datang tidak tepat waktu bahkan tidak hadir untuk mengajar dikeranakan adanya kesibukan di tempat lain, kerana pada umumnya pensyarah tidak mengajar pada satu institusi pendidikan sahaja dan mereka mesti menempuh jarak tertentu dari satu institusi pendidikan ke institusi pendidikan lain.

## **Kesimpulan**

Kajian melalui pengedaran soal kaji selidik telah dijalankan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa dengan membabitkan 195 responden dan begitu pula pengadaaan temubual dengan 6 orang pensyarah yang mengajar subjek Usul Fiqh, daripada kajian itu telah dapat merumuskan beberapa kesimpulan dari objektif kajian berkenaan kaedah pengajaran dan pembelajaran Usul Fiqh serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dan pengajar dalam pembelajaran Ilmu Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.

Dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran, kaedah diskusi dan soal jawab yang sering diguna pakai oleh pensyarah dalam penyampaian ilmu Usul Fiqh, ianya berdasarkan jawapan 126 responden (64.6%) yang memberi pernyataan tersebut juga berdasarkan pernyataan majoriti pensyarah dari hasil temubual dengan mereka. 66 responden (33.8%) menyatakan metode kuliah atau ceramah dan itu juga bersesuaian dengan hasil temubual para pensyarah yang mengatakan selain daripada metode diskusi dan soal jawab, mereka juga menggunakan metode ceramah dalam penyampaian materi. Hal itu juga dapat kita lihat dari persepsi pelajar yang majoriti mereka memberi tanggapan positif dengan peratusan 93.4% dan hanya 6.7% dari responden yang memberi pandangan negatif. Sehingga pada soalan metode yang paling disukai pun tampak majoriti mereka iaitu seramai 118 responden (60.5%) memilih metode diskusi.

Namun kendatipun demikian satu perempat dari responden memberi pandangan negatif terhadap kejelasan penyampaian pensyarah terhadap ilmu Usul Fiqh dan itu dapat dilihat pada jadual 4.6.1. Seperti halnya di antara permasalahan pelajar dalam mempelajari ilmu Usul Fiqh, 38 responden (19.5%) memberi jawapan bahawasanya penyampaian pensyarah kurang jelas. Selain daripada itu pelbagai masalah juga mereka

dapati dalam proses pembelajaran ilmu Usul Fiqh khususnya, seperti sukatan pengajian Usul Fiqh yang terlalu banyak, perbahasan dalam kitab Usul Fiqh terlalu tinggi, kurangnya bahan rujukan di perpustakaan dan majoriti mereka mengakui lemahnya kemampuan bahasa Arab yang dimiliki, terutama bagi pelajar yang tidak berkelulusan sekolah agama menjadikan mereka merasa sulit dalam memahami ilmu Usul Fiqh.

Manakala dari perspektif pensyarah, yang menjadi masalah bagi pelajar dalam memahami ilmu Usul Fiqh adalah latar belakang kelulusan sekolah pelajar yang tidak berkelulusan sekolah agama merupakan kendala bagi mereka untuk tidak mudah memahami ilmu tersebut kerana tidak memiliki asas kemahiran sebelumnya, juga lemahnya kemampuan bahasa Arab sehingga pensyarah kesulitan memberi pemahaman berkenaan istilah-istilah dalam ilmu Usul Fiqh. Selain sistem yang menyokong pembelajaran Usul Fiqh seperti pembekalan bahasa Arab yang lebih baik, beberapa pensyarah mengemukakan bahawa kelemahan pelajar atas kelemahan bahasa Arab dan merupakan pelajar yang bukan berkelulusan sekolah agama akan dapat diatasi sedikit banyaknya dengan minat dan keseriusan pelajar tersebut dalam usaha mempelajari ilmu tersebut dengan tekun dan bersungguh-sungguh. Seperti di dalam al-Mahfūzah dikatakan “*man jadda wajada*” siapa yang bersungguh-sungguh ia akan dapat. Di sini tidak ada pengecualian sama sekali, sama ada latar belakang seseorang atau apapun jua, yang diminta hanyalah kesungguhan.

## BAB V

### PENUTUP

#### 5.1. Kesimpulan

Pada bab ini, penulis akan menyimpulkan keseluruhan daripada kajian berdasarkan objektif kajian ini dijalankan, serta memberi cadangan dan saranan. Daripada hasil penyelidikan, penulis dapat menyimpulkan sebagai berikut:

*Objektif pertama* iaitu menghurai pelaksanaan pengajian Usul Fiqh yang terlaksana di Aceh. Aceh yang memiliki corak budaya Islam yang kental sudah tentu menjunjung tinggi pendidikan Islam yang terlaksana di dalamnya. Buktinya jelas dengan merujuk kepada jumlah pondok yang terdapat di Aceh yang semata-mata hanya mengajarkan ilmu Agama, serta semangat masyarakat sama ada dari generasi muda hingga generasi tua yang mengikut pengajian-pengajian yang diadakan di sekitar tempat tinggal. Dakwah Islamiah yang kerap diadakan di surau-surau dengan menjemput da'i tempatan mahupun luaran berjaya menarik minat masyarakat dalam mendengar kajian-kajian Islam yang disampaikan.

Walaupun pengajian Usul Fiqh ilmu yang penting dalam kajian Islam, namun ianya belum mendapat perhatian sepenuhnya oleh masyarakat untuk mempelajarinya berbanding ilmu fiqh, akhlak, tauhid dan lainnya, disebabkan kesukaran ilmu tersebut apabila mempelajarinya sehingga memerlukan waktu dan fokus yang lama bahkan terpaksa mengorbankan usia khusus memahami ilmu tersebut. Sehingga kini masih jarang ditemui pengajian khusus ilmu Usul Fiqh.



Seperti halnya pengajian tingkatan surau lebih didominasi oleh kanak-kanak dan orang tua, manakala remaja jarang ditemui, sehinggakan dengan melihat kepada usia tersebut menjadikan pengajian Usul Fiqh tidak layak diajarkan kepada mereka. Namun, ilmu Usul Fiqh tetap disisipkan sedikit demi sedikit dicelah-celah pengajaran ilmu Fiqh terutama bagi mereka yang mengikuti pengajian yang dihadiri oleh orang tua. Namun sepatutnya pengajian khas untuk ilmu Usul Fiqh mestilah lebih disemarakkan, dengan penambahan lokasi-lokasi surau yang membuka peluang kepada masyarakat supaya mengkaji ilmu tersebut. Sebagaimana yang berlaku di negeri Aceh bahagian Timur dan sekitarnya yang hanya terdapat satu atau dua surau yang benar-benar mengadakan pengajian Usul Fiqh.

Manakala pengajian Usul Fiqh yang terlaksana di sekolah-sekolah menengah mahupun pondok juga belum dapat dikatakan sempurna, terutama di MAN belum mendapat perhatian yang secukupnya sehingga mereka masih sukar untuk memahami ilmu tersebut ketika mereka memasuki alam dunia pendidikan perguruan tinggi agama di jurusan-jurusan tertentu yang mengajarkan ilmu Usul Fiqh lebih terperinci dan luas. Sebaliknya, bagi pelajar pondok, dari segi pengajaran dan kitab-kitab yang dijadikan rujukan sudah memenuhi matlamat pengajian Usul Fiqh, cuma kemampuan dan minat pelajar yang mempengaruhi pencapaian ilmu yang diperoleh tidak seperti yang disasarkan.

*Objektif kedua* iaitu menghurai sejarah penubuhan dan perkembangan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa. Penubuhan sebuah perguruan tinggi agama di wilayah Aceh bahagian Timur kala itu dirasai amat sangat diperlukan oleh masyarakat tempatan memandangkan sampai saat itu belum wujud satupun perguruan tinggi agama manakala luas wilayah Aceh bahagian Timur yang sangat besar dengan jumlah penduduk dari

semasa ke semasa semakin meningkat, maka kehadiran sebuah lembaga pendidikan yang lebih tinggi merupakan reaksi terhadap aspirasi masyarakat yang merindukan kehadiran pendidikan tinggi yang berbasis ke-Islaman di kawasan tersebut tanpa harus ke luar Bandar. Kerana perkara keluar Bandar saat itu bukanlah perkara mudah, melihat kepada pelbagai kondisi sama ada dari segi keamanan mahupun segi ekonomi masyarakat yang purata masih termasuk golongan menengah kebawah. Sehingga dengan berdirinya sebuah perguruan tinggi di wilayah Aceh bahagian Timur saat itu akan menolong dan mempermudah serta memberi kesempatan yang besar bagi semua masyarakat tempatan untuk mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi.

Pemberian nama “Zawiyah Cot Kala” pada perguruan tinggi ini merupakan penisbahan kepada Pondok Zawiyah Cot Kala yang dulu pernah memiliki kemilangan dan kejayaan dalam menyumbang pendidikan kepada masyarakat Aceh khususnya sehingga masyarakat Aceh kala itu memiliki pondasi agama yang kuat. Besar harapan dari penisbahan nama tersebut kepada perguruan tinggi ini selain untuk menghidupkan kembali kebesaran pondok Zawiyah Cot Kala terdahulu, juga dapat memberi kesempatan yang sama dalam melahirkan generasi intelektual yang mempunyai pondasi agama yang kuat dan bermoral sehingga akan memacu tumbuh kembali kekuatan persatuan umat Islam di Indonesia, kerana dasar utama dari semangat persatuan dulunya terbit di Aceh bahagian Timur dan diharapkan akan terus bersinergi terutama di wilayah tersebut.

Perjalanan STAIN Zawiyah Cot Kala dalam usahanya mempermudah masyarakat dalam memperoleh ilmu pendidikan agama, telah mengalami beberapa kemajuan ianya bermula dari menyandang nama Institut Agama Islam (IAI) Zawiyah Cot Kala kemudian berubah status dari IAI menjadi Sekolah Tinggi Agama Islam

(STAI) Zawiyah Cot Kala. Dan terakhir telah menjadi suatu sekolah tinggi yang berada di bawah kerajaan Indonesia sehingga dari STAI menjadi STAIN ( Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri) Zawiyah Cot Kala Langsa. Besar harapan di kemudian hari akan menyandang nama UIN Zawiyah Cot Kala Langsa.

Pelajar di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa kesemuanya akan mendapati subjek Usul Fiqh dalam program pengajian mereka, hanya sahaja sukatan yang mereka dapat berbeza satu sama lain terpulang kepada pengambilan jurusan. Oleh kerana Usul Fiqh merupakan pelajaran asas untuk program pengajian syariah, maka pelajar yang mengambil jurusan Ahwal Syakhsiyyah dan jurusan Muamalah mendapatkan sukatan paling banyak. Kemudian untuk pelajar Fakulti Tarbiyah jurusan Pendidikan Agama Islam, pelajar dapat mempelajari Usul Fiqh I dan II. Manakala untuk Fakulti Tarbiyah jurusan Bahasa Arab, jurusan Matematika dan jurusan Bahasa Inggeris pelajar hanya dikenakan pengambilan subjek Usul Fiqh I dan pelajar Fakulti Dakwah juga hanya mempelajari Usul Fiqh I dan itupun disatukan dengan subjek Fiqh sekali. Untuk isi kurikulum pelajaran dirasai telah dapat memenuhi matlamat pengajian ilmu Usul Fiqh, dapat dilihat kembali dalam bab III kajian ini. Hanya sahaja untuk jurusan selain daripada Syariah mungkin kurikulum Usul Fiqh dapat lebih dikemas lagi agar ianya dapat menyentuh hampir dari keseluruhan ilmu Usul Fiqh tersebut. Seperti memasukkan pembahasan ijtihad, maqasid Syariah dalam pembahasan kerana ianya banyak dijumpai dalam menyelesaikan permasalahan hukum.

*Objektif Ketiga* dari kajian ini ialah menganalisis kaedah pengajaran dan pembelajaran Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa. Dapat disimpulkan sebagaimana penulis jelaskan dalam bab sebelumnya, bahawa berdasarkan analisis soal selidik pelajar dan temubual dengan pensyarah mendapati bahawa kaedah pengajaran

yang majoriti diguna pakai oleh pensyarah untuk subjek Usul Fiqh adalah kaedah diskusi dan soal jawab, ianya sebagaimana kaedah yang lazim digunakan pada hampir keseluruhan subjek yang diajarkan pada tahap perguruan tinggi. Penggunaan kaedah diskusi dan soal jawab dirasai sangat amat tepat dalam mendidik pelajar untuk usia 17 tahun ke atas kerana pada usia tersebut seseorang telah memiliki ketrampilan dalam berfikir dan bertindak, sehingga penggunaan kaedah diskusi dan soal jawab akan lebih mengasah kemampuan yang mereka miliki sehingga dengan sendirinya akan terbentuk pribadi yang lebih berani dan siap dalam menghadapi era globalisasi kehidupan. Selain daripada itu, penggunaan kaedah diskusi dan soal jawab akan menghadirkan suasana kelas menjadi lebih hidup dan bersemangat sehingga menghindarkan pelajar dari perasaan bosan dan mengantuk. Kerana pada kaedah diskusi dan soal jawab, setiap pelajar akan dituntut untuk lebih aktif dalam mengeluarkan permasalahan-permasalahan berkenaan serta memberi pandangan atau penyelesaian terhadap permasalahan mengikut kepada apa yang telah dicapai dalam pembelajaran selama ini.

Berdasarkan hasil kaji soal selidik diperolehi bahawa majoriti responden memberi pandangan positif terhadap metode diskusi dan soal jawab, itu dapat dilihat dari 195 responden yang mengisi soal selidik, 118 responden memilih metode ini yang mereka sukai. Oleh kerananya, penggunaan metode ini dirasai telah dapat memenuhi kehendak semasa juga kehendak pelajar dalam penyampaian suatu materi pelajaran.

Selain daripada metode diskusi dan soal jawab, metode ceramah juga turut disertakan oleh pensyarah dalam penyampaian materi, dan besar peratusan pelajar yang memberi pandangan positif terhadap metode ini. Dari 195 jumlah responden, seramai 173 responden memberi pandangan yang positif dan hanya 22 responden yang memberi pandangan negatif. Itu bermakna bahawa pada sebahagian tajuk pembahasan, seorang

pensyarah dapat menggunakan metode tersebut hanya sahaja bagaimana menciptakan suasana kelas untuk lebih hidup dan tidak membosankan perlu lebih diperhatikan. Kerana meskipun pelajar telah bersetuju kepada metode-metode yang sedang diguna pakai di STAIN Zawiyah Cot Kala ini khususnya untuk subjek Usul Fiqh, namun masih terdapat keluhan-keluhan terhadap kepuasan pelajar dalam usaha memperoleh ilmu di perguruan tinggi tersebut. Merujuk kepada dapatan kajian berdasarkan hasil kaji soal selidik responden dan temubual dengan pensyarah, mendapati beberapa perkara utama yang menjadi faktor masalah bagi masing-masing pihak. Seperti yang telah diuraikan pada bab sebelumnya yang menjadi masalah besar bagi kalangan pelajar dalam pembelajaran Usul Fiqh adalah kelemahan dalam penguasaan bahasa Arab.

Seramai 104 responden (53.3%) memilih alasan kurangnya penguasaan bahasa Arab sehingga mereka mendapati kesulitan dalam memahami dan mengingat tentang muşţalah-muşţalah terlebih lagi saat harus merujuk bahan kepada kitab-kitab turath. 46 responden (23.6%) memilih alasan bahawa perbahasan dalam kitab Usul fiqh terlalu tinggi, sebenarnya memang sudah demikian isi kandungan pelajaran tersebut, mungkin bagi mereka yang tidak memiliki kemahiran asas sebelumnya menyebabkan mereka sulit dalam mempelajari ilmu tersebut disebabkan itu adalah pertama kalinya mendengar atau mencoba memahaminya. 25 responden (12.8%) memberi alasan bahawa sukatan pengajian Usul fiqh yang dirasai terlalu banyak sehingga mereka sulit mengemas dengan baik. Dan terdapat 20 responden (10.3%) yang memberi alasan bahawa huraian yang disampaikan oleh pensyarah kurang difahami.

Selain daripada itu, kurangnya bahan rujukan yang tersedia di perpustakaan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa juga menjadi faktor masalah bagi pelajar. Penyediaan fasiliti kampus yang memadai sangat diperlukan bagi kelancaran proses belajar

mengajar dalam suatu lembaga pendidikan. Namun dilihat kepada penyediaan fasiliti kampus yang sedia ada masih diperoleh kekurangan di sana sini seperti penyediaan fasiliti perpustakaan, media pembelajaran seperti proyektor, computer dan sebagainya, termasuk fasiliti berupa penyediaan ruangan yang memadai bagi segenap pelajar dan pengajar.

Manakala dari pandangan pensyarah, yang menjadi faktor masalah mereka dalam pengajaran adalah besarnya pengaruh latar belakang pelajar yang bukan berkelulusan dari sekolah agama sehingga pensyarah merasakan kepenatan yang amat sangat bila sedang memberikan penjelasan pembahasan di dalam kelas kerana walau bagaimanapun seorang pengajar akan berusaha keras untuk memberikan yang terbaik bagi pelajarinya. Sehingga seorang pengajar itu dapat berpuas hati dengan apa yang dicapai dari hasil pembelajaran. Sebagaimana faktor penyediaan fasiliti kampus yang belum memadai juga menjadi faktor masalah bagi pelajar, pengajar pula merasakan hal yang sama. Sehingga di sini dapat disimpulkan bahawa perlunya penambahbaikan lebih lanjut terhadap pemenuhan fasiliti kampus.

## **5.2 Saranan dan Cadangan**

Saran pelajar bagi meningkatkan lagi mutu pengajian secara keseluruhan di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa dan khususnya untuk pengajian Usul Fiqh, dalam analisis dapatan kajian mendapati pelbagai saranan yang dicadangkan oleh pelajar bagi peningkatan pembelajaran Usul Fiqh di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa, di antaranya keinginan pelajar untuk memiliki kecukupan bahan rujukan yang tersedia di perpustakaan sehingga mereka dapat meminjam beberapa buku Usul Fiqh tanpa adanya keterbatasan persediaan bagi mendukung mereka memahami materi Usul Fiqh dengan lebih mudah.

Seterusnya saran pelajar berkenaan metode pengajaran, hendaklah lebih efisien. Pada sebahagian pelajar masih kurang berpuas hati terhadap cara penyampaian pensyarah, mungkin dengan latar belakang pelajar yang sama sekali tidak memiliki asas pengetahuan ilmu Usul Fiqh sehingga mereka lebih menginginkan penyampaian yang lebih mudah difahami, lebih menarik supaya mereka memiliki semangat dan keinginan kuat untuk terus berusaha memahami pelajaran Usul Fiqh. Selain daripada itu, pelajar juga mencadangkan agar penggunaan alat bantu mengajar juga turut mendukung dalam proses belajar mengajar dan pengadaan atau pembekalan kemampuan memahami bahasa Arab hendaklah lebih diupayakan. Akhir sekali, besar harapan pelajar agar kedisiplinan semua pihak sama ada tenaga pengajar, pelajar, kaki tangan agar lebih ditingkatkan bagi berlangsungnya proses pembelajaran dengan baik.

Manakala saran para pensyarah juga tidak terlepas dari saran pelajar sebelumnya, pemenuhan fasiliti yang lebih memadai diharapkan dapat terpenuhi dengan segera dan yang hal yang teramat sangat diharapkan adalah pembekalan dasar seperti pembekalan bahasa Arab pada masa awal pembelajaran agar lebih diupayakan terhadap pelajar guna mempermudah pelajar dalam mengikuti pelajaran-pelajaran di bawah pengajian Islam yang banyak mendapati istilah-istilah dalam bahasa Arab juga keharusan mereka untuk merujuk kepada kitab-kitab turath dalam mempelajari ilmu-ilmu agama.

Dari semua itu, pengkaji juga ingin memberi gambaran secara umum berkenaan kesimpulan dari semua cadangan dan saranan yang dapat mewakili keseluruhan cadangan pelajar, pengajar, dan kesemua pihak yang bersangkutan dengan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa. Setakat ini memangpun STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa sedang dalam tahap pembangunan dan pengupayaan memberikan distribusi pendidikan

yang terbaik kepada masyarakat tempatan khususnya, namun masih terdapat beberapa kepincangan (kekurangan) di sana sini yang belum teratasi sepenuhnya. Oleh sebab itu, kesemua pihak diharapkan dapat turut membantu dalam pengupayaan pemajuan STAIN Zawiyah Cot Kala untuk dapat lebih baik dan baik lagi kedepannya.

Sebagaimana cadangan para pelajar dan pengajar terhadap pemenuhan fasiliti kampus terutama sekali berkenaan penyediaan pelbagai buku rujukan yang memadai, alat bantu mengajar yang lebih moden, pengkaji juga berharap penyediaan sejumlah unit komputer yang akan sangat membantu para pelajar dalam mencari bahan tambahan lebih melalui media internet kerana sekarang ini terdapat sejumlah laman web resmi yang menyediakan perpustakaan dengan buku-buku atau kitab yang boleh dijadikan rujukan seperti maktabah waqfiah dan lainnya. Juga mempermudah pelajar dalam penyelesaian skripsi, memandangkan ramai pelajar yang mempunyai latar belakang ekonomi kelas menengah ke bawah sehingga tidak dapat membeli komputer atau sejenisnya untuk penulisan latihan kerja ilmiah sehingga dengan penyediaan sejumlah unit komputer di perpustakaan akan sangat menolong pelajar untuk dapat menyelesaikan belajar dengan lebih cepat.

Perlunya peningkatan kualiti tenaga pensyarah yang sedia ada untuk tiap-tiap subjek, memandangkan masih sedikit bilangan pensyarah yang mengasuh sesuatu bidang pelajaran secara khusus, seperti halnya untuk subjek Usul Fiqh, setakat ini hanya memiliki dua orang pensyarah khusus yang memegang subjek Usul Fiqh di tiap semesternya.

Dalam penggunaan metode diskusi dan soal jawab, sepatutnya pensyarah terlebih dahulu memberikan gambaran yang jelas terhadap bahan yang akan



dibincangkan sehingga akan memberi arah secara pasti ke mana arah tujuan pembahasan. Hal demikian patut dilaksanakan satu minggu sebelum pembentangan tiap-tiap pembahasan, sehingga tidak hanya pelajar yang mendapat giliran pembentangan sahaja yang mempersiapkan pembahasan, namun juga agar semua pelajar berusaha mencari tahu isi pembahasan pembentangan pada sesi berikutnya.

Diharapkan kepada pensyarah agar memberikan perhatian lebih kepada pelajar yang tidak berkelulusan sekolah agama, terutama bagi mereka yang benar-benar mengalami kesulitan dalam sesuatu pembelajaran, sehingga mereka akan lebih termotivasi untuk terus berusaha memahami sesuatu isi kandungan pelajaran.

Adalah diakui bahawa penawaran subjek yang sedia ada kepada para pelajar sememangnya telah banyak, namun pada pandangan pengkaji penambahan jam kredit kepada sesetengah subjek pelajaran adalah boleh dilakukan mengikut keperluan pelajar. Perkara ini adalah perlu agar para pelajar berpuas hati dengan ilmu dan pelajaran yang diperoleh.

Setakat ini, sukatan pelajaran yang diperoleh di setiap fakulti adalah berbeza adanya. Menurut pengamatan pengkaji, walaupun untuk memberikan penyeteraan perolehan sukatan tidak mungkin dilakukan memandangkan tiap-tiap fakulti memiliki subjek khusus yang menjadi asas dalam jurusannya, namun isi kandungan kurikulum perlu diubahsuai lagi dan penggabungan antara pelajaran Fiqh dan Usul Fiqh menjadi satu subjek yang dirasai agar lebih menjimat masa adalah keputusan kurang tepat. Semestinya walaupun penjimatan masa diperlukan tetapi pencapaian yang tidak maksima adalah suatu yang amat merugikan. Fiqh dan Usul Fiqh adalah pelajaran asas dalam pengajian Islam, semestinya sekurang-kurangnya pelajar memperolehi sukatan

pelajaran adalah 2 SKS dan itupun isi kurikulum mesti dikemas lagi seperti halnya pelajaran Usul Fiqh untuk fakulti Tarbiyah dan fakulti Dakwah, untuk isi kurikulum perlu diubahsuai mana yang lebih penting dan mana yang kurang penting untuk dibahas bagi menjimat masa namun pencapaian dirasai akan menyentuh secara keseluruhan.

Kesemua metode yang diguna pakai mungkin dapat lebih dikemas dengan mengkombinasikan kesemua metode sehingga pelajar tidak merasa bosan dengan situasi pembelajaran yang sedang dijalankan, mungkin sebaiknya sebelum diskusi dan soal jawab, terlebih dahulu pensyarah membuka sesi pembelajaran dengan sedikit memberi pandangan berkenaan tajuk yang akan di bahas, kemudian di seusai diskusi dan soal jawab, pelajar dimintakan untuk mengahafal beberapa istilah baru atau dimintai untuk memberi kesimpulan daripada pembelajaran yang telah di dapat pada hari itu dan sebagainya.

Pengkaji mencadangkan pengadaan kelas matrikulasi khususnya Bahasa Arab selama beberapa bulan perlu diadakan sebagaimana progam yang telah dijalankan di UIA Malaysia ianya memberi kesan yang bererti bagi pelajar bagi menguasai Bahasa Arab dengan lebih baik. Dengan itu, pelajar diharapkan memahami Bahasa Arab sekurang-kurangnya asas daripada bahasa Arab sehingga sedikit banyak membantu pelajar dalam memahami kitab-kitab turats yang menjadi rujukan suatu subjek.

Akhir sekali, besar harapan pengkaji agar kajian ini akan berguna kepada semua pihak terutama kepada pengkaji sendiri dan pihak-pihak yang berkaitan dengan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa sedikit banyak dapat memperbaiki, mamajukan dan memeperkasa pengajian Islam di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa terkhusus subjek Usul Fiqh.

## BIBLIOGRAFI

### Rujukan Bahasa Arab

Al-Shāṭibī. *al- Muwāfaqāt Fī Uṣūl al-Shāriah*. Jil.4, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1996.

Badrān Abū al-'Ain Badrān. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Cairo: Dar al-Ma'arif, 1969.

Zaydān, 'Abd al-Karīm. *Al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh*, c.5. Baghdad: Salmān al-'Azamī, 1973.

### Rujukan Bahasa Inggeris

Bruce W. Tuckman *Conducting Educational Research*, Florida: Harcourt Brace Jovanovich. Inc, 1988.

Janesik Velerie J. *The Dance Of Qualitative Research Design*. Dalam (Ed. Norman K. Denzin Yvonna S. Lincoln) *Handbook Of Qualitative Research*, London Sage Publication, 1994.

Mohammad Hashim Kamali.. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1989.

### Rujukan Bahasa Melayu

'Abd. Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, t.t.

Abdul Azib Hussain. *Manhaj Ilmu Fiqah dan Usul Fiqah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru SDN. BHD, 2012.

Agus Budi Wibowo. *Kompilasi Sejarah dan Budaya Aceh*. Banda Aceh: Badan Rasip dan Perpustakaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, 2009.

Ahmad Mahdzan Ayop. *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

Amir Syarifuddin. *Usul Fiqh 1*. Jakarta, Logos Wacana Ilmu, 2011.

Buku Panduan Akademik Tahun 2012/2013 STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.

Edy Mulyana. *Aceh Menembus Batas*. Banda Aceh: Badan Perpustakaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, 2007.

Enung K Rukiati. *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Bandung: Pustaka Setia, 2006.

- Fatikhah. *Pendidikan Islam Indonesia Pasca Politik Etis*, Yogyakarta: Gama Media, diterbitkan oleh STAIN Pekalongan Press, 2006.
- Haidar Putra Daulay. *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaruan Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Kencana, 2007.
- \_\_\_\_\_. *Dinamika Pendidikan Islam Di Asia Tenggara*. Jakarta: PT Rineka Cipta, 2009.
- Hasbi Amiruddin. *Menatap Masa Depan Pondok di Aceh*. Banda Aceh: Yayasan PENA, 2008.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid), *Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan*. (Seminar Pengajian Syariah), 1995.
- Marzuki Hamid et al. *Dinamika Perkembangan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa (1980-2011)*, 2011.
- Mawardi et al. *Profil Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala Langsa*, 2009.
- \_\_\_\_\_. *Panduan Penasihat Akademik Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala Langsa*, 2012.
- Mohammad Said. *Aceh Sepanjang Abad*. Medan: Percetakan dan Penerbitan Waspada medan, 1981.
- Muhammad Abu Zahrah. *Usul Fiqh*. terj. Saefullah Ma'shum et al., Jakarta: PT. Pustaka Firdaus, 2010.
- Mujiburrahman et.al. *Pendidikan Berbasis Syari'at Islam Di Aceh*. Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Aceh, 2011.
- Muliadi Kurdi. *Aceh Di Mata Sejarawan Rekontruksi Sejarah Sosial Budaya*. t.tp. t.p, 2009.
- Nazar Bakry. *Fiqh dan Usul Fiqh*. e. 1. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2003.
- Noor Naemah Abd Rahman dan Abd Karim Ali. *Pengajian Kursus Usul al-Fiqh Peringkat Ijazah dasar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Pengalaman dan Penilaian*, dalam Mohd Fauzi Hamat et al., (2007), *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Kuala Lumpur: University Malaya, 2007.
- Noresah Baharom et al. *Kamus Dewan*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- \_\_\_\_\_. *Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Rachmat Syafe'i. *Ilmu Ushul Fiqh*. t.tp., t.p, 2010.

- Rusdi Sufi dan Agus Budi Wibowo. *Tokoh-tokoh Pendidikan di Aceh Awal Abad XX*. t.tp. perpustakaan provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, 2007.
- Rusjdi Ali Muhammad dan Dedy Sumardi. *Kearifan Tradisional Lokal: Penyerapan Syari'at Islam dalam Hukum Adat Aceh*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Aceh, 2011.
- Sheikh Othman Sheikh Salim. *Kamus Ingggris Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Syamsul Rizal et al. *Panduan Pusat Pengajian Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala Langsa*, 2009.
- Thamrin Z, Edy Mulyana. *Perang Kemerdekaan di Aceh*. t.tp., CV. Percetakan Dominan, 2007.
- Tim Revisi Buku Panduan Program S-1 Dan D-3 IUIN ar-Raniry Tahun Akademik 2012/2013.
- Uka Tjandrasasmit. *Proses Kedatangan Islam dan Munculnya Kerajaan-kerajaan Islam di Aceh*, t.tp., t.p., t.t.
- Wan Hussein Azmi. *Islam di Aceh, Masuk dan Berkembang Hingga ke Abad XVI (1568 M)*. (kertas kerja, Seminar Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh), 1980.

### **Rujukan Tesis dan Disertasi**

- Abdul Wahid, "Pendidikan Islam Di Pulau Bawean Jawa Timur Indonesia: Sejarah Dan Perkembangannya." Disertasi, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.
- Junaidi, "Peranan Profesor Ali Hasjimy Dalam Pengembangan Dakwah Islamiyyah Di Nanggroe Aceh Darussalam Indonesia." Disertasi, Program Pengajian Islam. APIUM, 2005.
- Muhaini, "Pengajian Perbandingan Tentang Sikap dan Prestasi belajar Mahasiswa Asal Madrasah Aliyah dan Sekolah Menengah Umum Pada Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Zawiyah Cot Kala Langsa." Disertasi, Program Pengajian Dirasah Islamiyah, Pascasarjana IAIN Sumatera Medan, 2004.
- Noor Azliyah bt Razalli, "Penggunaan Metode Usul al-Fiqh Dalam Menganalisis Dasar Pendidikan Negara." Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.
- Noor Hipondok Binti Kasim, "Pengajian Syariat di Syiria: Kajian Kes di Universiti Damsyik." Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009.

Rahmah Binti Ramian, "Penguasaan Ilmu Usul al-Fiqh di Kalangan Mahasiswa Syariat Tahap Akhir Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya." Latihan Kerja Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Syariat, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.

Rohaya bt Abu Bakar, "Pengajian Usul Fiqh di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Kedah Darul Aman: Satu Penilaian." Latihan Kerja Ilmiah, Jabatan Syariat, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1995.

Rosliza @ Rosli Mahmud, "Metodologi Pengajian Syariat di Pondok Moden, Kandis, Bachok, Kelantan." Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Syariat, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.

Suraya binti Mohd Zin, "Metodologi Pengajian Syariat di Kolej UNITI." Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariat, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.

Zulkarnain, "Pengamalan Mazhab Shafi'i di Kalangan Civitas Akademika STAI Zawiyah Cot Kala Langsa." Disertasi, Program Pengajian Dirasah Islamiyah, Pasca sarjana IAIN Sumatera Utara Medan, 2004.

Zurita bt Mohd Yusoff, "Metodologi Pengajian Syariat di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin ( K.U.S.Z.A), Terengganu." Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariat, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.

### **Rujukan Jurnal**

Abdullah Ujung Rimba, "Daerah Manakah Yang Mula-mula Menerima Agama Islam di Indonesia?", Team Sejarah Aceh Timur (1980)," Masuk Islam di Peureulak Aceh Timur dan Perkembangannya", Seminar Sejarah Masuk dan Berkembang Islam di Aceh dan Nusantara 1980: Aceh Timur, 1980.

Ali Muhammad, "Bagaimana Cara Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh." Kertas kerja, Seminar Masuknya Islam di Aceh, 1980.

Muhammad Ibrahim dan Rusdi Sufi, "Sekelumit Pendapat Tentang Proses Islamisasi dan Munculnya Kerajaan-Kerajaan Islam di Aceh", (kertas kerja, Seminar Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh). Lihat juga Abdullah Ujuong Rimba (1980), "Daerah manakah yang mula-mula menerima Agama Islam d Indonesia", kertas kerja, Seminar Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh, 1980.

Syhabuddin Razi , " Pondok Cot Kala Pusat Pengembangan Pusat Pendidikan Islam di Asia Tenggara" Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Sejarah Masuk dan Berkembang Islam di Aceh dan Nusantara, 1980: Aceh Timur pada 25-30 September 1980.

Wan Yahya Wan Ahmad, "Cot Kala." Dalam *Jurnal Syariah*. Jilid ke-.4, 1996.

## **Rujukan Laman Web**

[http://id.wikipedia.org/wiki/Bandar\\_Langsa](http://id.wikipedia.org/wiki/Bandar_Langsa), 04 Juni 2012.

<http://www.aceh.info/component/content/erticle/40-opini/788-pondok-cot-kala-institusi-pendidikan-pertama-di-nusantara.html>, 08 Oktober 2011.

<http://cintarasulullah.wordpress.com/2007/12/14/misi-dan-fakta-kristenisasi-di-indonesia-dan-dunia/>, 22 April 2013.

[http://emuamalat.gov.my/sites/default/files/kertas\\_ilmiah/2011/03/penghantar\\_hukum\\_islam-dr\\_ridzwan\\_portal.pdf](http://emuamalat.gov.my/sites/default/files/kertas_ilmiah/2011/03/penghantar_hukum_islam-dr_ridzwan_portal.pdf)

<http://ummahonline.wordpress.com/2007/01/25/membangun-nanggroe-aceh-darussalam-nad-pasca-tsunami-mou-helsinki/>, 04 Juni 2013.

<http://ryanis.wordpress.com/2008/05/19/mengapa-aceh-digelar-serambi-makkah/>. 22 April 2013.

## **Rujukan Temu Bual**

Adelina Nasution, pensyarah subjek Usul Fiqh, Fakulti Syari'ah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa, temu bual di kampus, pada tarikh 02 April 2013.

Anizar, pensyarah subjek Usul Fiqh, Fakulti Syari'ah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa, temu bual di kampus, pada tarikh 02 April 2013.

Azhari, guru bidang pengajian Fiqh dan Usul Fiqh di Sekolah Madrasah Aliyah Negeri Peureulak Aceh Timur, dalam temubual dengan penulis, 12 Februari 2013.

Azhar Zakaria, salah seorang pelopor penubuhan STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa), dalam temu bual di rumah beliau di Desa Tualang Cut, pada tarikh 04 Maret 2013.

Hasyimi, guru di Pesantren Moden Madrasah Ulumul Quran Pondok Bustanul Ulum Langsa), dalam temubual dengan penulis di rumah beliau di dalam pondok, pada tarikh 08 Januari 2013.

Laila Mufida, pensyarah subjek Usul Fiqh, Fakulti Tarbiah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa, temu bual di rumah beliau di Desa Geudubang Aceh, pada tarikh 03 April 2013.

Mahyuddin, gurudi Madrasah Aliyah Negeri 2 Langsa, Aceh Timur), dalam temubual dengan penulis di sekolah MAN 2, pada tarikh 05 Januari 2013.

- Masyithah, seorang pengajar di Pondok Bustanul Ulum Teungkop, pada tarikh 20 Disember 2012.
- Mohammad Thabri, pensyarah subjek Usul Fiqh, Fakulti Tarbiah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa, temu bual di kampus, pada tarikh 03 April 2013.
- Muthi'ah, seorang pengajar di Pondok Paya Pasi Aceh Timur, temu bual di pondok Paya Pasi, pada tarikh 19 Maret 2013.
- Siti Suryani, pensyarah subjek Usul Fiqh, Fakulti Syari'ah di STAIN Zawiyah Cot Kala Langsa), temu bual di kampus, pada tarikh 02 April 2013.
- Sufyan, salah seorang teungku di Pondok "Darul Huda" Beurandang yang rutin mengikuti pengajian di surau Kp. Beusa) temu bual di rumah beliau di Desa Beurandang Peureulak, pada tarikh 01 April 2013.
- Yanti, seorang alumnus tingkat 12, dari Pondok Darul Huda Lhok Nibong Aceh Utara), temu bual di rumah beliau di Desa Beurandang Peureulak, pada tarikh 01 April 2013.
- Zulkilfli, seorang teungku di tingkat pengajian surau yang berada di bandar Langsa), temu bual di rumah beliau di Desa Gampong Meutia Langsa, pada tarikh 24 Maret 2013.